

Jilid 1
Bil.87



Hari Isnin
25hb November, 1991

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN
Eighth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 14159]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1992 [Ruangan 14210]

USUL:

Anggaran Pembangunan 1992 [Ruangan 14210]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.H.T., D.U.N.M. P.I.S.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar,
TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,
D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pendidikan, DATO' AMAR DR HAJI SOLAIMAN BIN HAJI DAUD,
S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BBN IBRAHIM, S.S.A.P.
(Permatang Pauh).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala
Selangor).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KJM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL
RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P.,
P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.H.N. (Pulau).

„ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO'
SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).

Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).

- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOP BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung),
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, TUAN SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, A.M.N., S.MJ. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Balas).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALJ, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalai. Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIPPIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baliig).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi. DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, PLS. (Bakri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD, YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar),
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUI, RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).

- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S, (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN (Tajah).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN S. S. SUBRAMANIAM, J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- „ DATUK. HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kola Samarahan).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).
- „ DATO' ALIAS BIN MD. AU, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

Yang Berhormat DATUK AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).

- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN BILLY ABIT Joo (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN FONG KUI LUN (KLANG).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAPA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
- „ DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).

Yang Berhormat TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).

- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL USA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.st.J. (Limbawang).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).

Yang Berhormat DATO' HAI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N.,
B.C.K., P.J.K (Bagan Serai).

- „ TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN AHMAD (Parit Sulong).
- „ Y.B.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K.,
S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN SAIDIN @ YUSOP BIN ADAM (Tanjong Karang).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAIEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- „ WAN HANAPIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Biniang).
- „ TUAN WONG WING ON (Kampar).
- „ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- „ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- „ TUAN WOON SEE CHIN. S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- „ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- „ TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,
J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Taijadin bin Saberan.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab,

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani,

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Isnin, 25hb November, 1991

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
 MULUT BAGI
 PERTANYAAN-
 PERTANYAAN

**KESAN PERHUBUNGAN LUAR
 NEGERI DI EROPAH TIMUR**

1. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah kesan-kesan perhubungan luar negeri mengenai ekonomi dan perdagangan dengan negara-negara Eropah Timur setelah sekian banyak lawatan-lawatan yang dibuat serta adanya wakil-wakil Malaysia di negara-negara tersebut.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, lawatan-lawatan ke luar negeri akan dapat membuka jalan untuk memudahkan hubungan dua buah negara serta antara rakyat dengan rakyat dan seterusnya untuk mengenalpasti peluang-peluang perdagangan dua hala.

Berbagai persoalan kerjasama di bidang politik, kebudayaan dan perdagangan dapat diadakan dan persefahaman dapat dicapai. Kerajaan juga membuka jalan bagi ahli-ahli usahawan, ahli-ahli perniagaan Malaysia untuk memasuki pasaran negara-negara Eropah Timur dengan

adanya lawatan-lawatan tersebut. Wakil Malaysia yang ada di Eropah Timur bertugas sebagai saluran perhubungan untuk memudahkan semua urusan di peringkat Kerajaan dengan Kerajaan serta mengenalpasti peluang-peluang kerjasama ekonomi dan perdagangan yang boleh memberi manfaat kepada beberapa buah negara berkenaan.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejauh manakah sambutan pelabur-pelabur dari Eropah Timur terhadap pelaburan di Malaysia dan adakah Malaysia melantik atache-atache perdagangan di negara-negara Eropah Timur dan bolehkah sebutkan nama negara tersebut?

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya sambutan itu baik tetapi keadaan di sana ketika ini belum jelas lagi sebab baru sahaja bebas daripada tekanan sistem komunisme. Maka kita perlulah tunggu buat scketika untuk melihat perkembangan seterusnya; dan menunjukkan minat kita yang mana juga pihak Kerajaan yang diterajui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membuat lawatan yang lebih hebat lagi ke negara-negara yang berkenaan.

Berkenaan dengan soalan kedua, kita ada mempunyai beberapa buah atache perdagangan serta kedutaan kita di negara-negara di sebelah Eropah Timur termasuk di Moscow yang juga ditugaskan ke republik-republik seperti

Bulgaria, Mongolia dan juga republik-republik baru merdeka seperti Estonia, Latvia dan Lithuania. Sambil itu juga kita ada kedutaan di Belgrade, Yugoslavia yang ditugaskan sama juga ke negara Romania di mana di Romania juga ada seorang Ketua Usaha kursus yang bertugas di sana.

Yang ketiganya, kita juga mempunyai seorang duta mutlak di Republik Poland iaitu di Warsaw yang juga ditugaskan ke Republik Czechoslovakia serta Republik Hungary. Selain daripada itu juga, kita sedang berusaha untuk meninjau keadaan di mana perlu kita mengadakan satu dua lagi kedutaan yang baru mahupun atache-atache perdagangan yang tertentu.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah lawatan-lawatan yang dibuat oleh pihak Kerajaan Malaysia termasuk rombongan perdagangan dan sebagainya ini terlalu awal oleh kerana memandangkan bahawa negara-negara Eropah Timur ini masih lagi dalam keadaan mengalami krisis dalam negeri yang pada pandangan saya amat serius. Jadi, apakah tindakan yang dibuat oleh Kerajaan Malaysia dengan mengadakan lawatan ke negara-negara Eropah Timur ini dianggap lawatan yang terlalu awal dan ini tidak akan menguntungkan negara kita dalam segi jangka masa panjang?

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Kita sentiasa melihat tentang perkembangan semasa keadaan negara-negara yang berkenaan di Eropah Timur dan bila kita mendapat lampu hijau daripada wakil kita di sana, maka Kerajaan akan menganjurkan mana-mana lawatan yang tertentu yang membawa seperti biasa kumpulan-kumpulan yang tertentu daripada pihak swasta. Sekiranya negara yang berkenaan belum bersedia untuk

menerima mana-mana kunjungan daripada luar tentu kita tidak akan pergi ke negara berkenaan.

MODAL PELABURAN LUAR—JUMLAH

2. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) jumlah modal pelaburan luar dalam tempoh 8 bulan lalu mengikut negeri-negeri;
- (b) negara-negara pelabur yang telah menanam modal dan jenis-jenis industri utama serta peluang pekerjaan yang telah diwujudkan;
- (c) bagaimanakah sambutan dan minat pelabur-pelabur ke negeri-negeri di Pantai Timur dan Malaysia Timur; dan
- (d) apakah jangkakan pelaburan luar di negara ini bagi tahun 1991.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan S. S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pagoh adalah berkaitan dengan soalan yang telah dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri pada 29 Oktober 1991 ketika dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Kimanis.

Jawapan tersebut juga telah meliputi soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari kawasan Klang pada 26 November 1991 dan Yang Berhormat dari kawasan Larut pada 29 November 1991. Oleh yang demikian, saya tiada apa-apa maklumat tambahan yang hendak disampaikan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman.

(Soalan No. 3 Y.B. Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman tidak hadir)

USAHAWAN BUMIPUTERA—BANTUAN

4. Dr Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) skim-skim dan bentuk-bentuk bantuan (Financial instruments) yang telah diwujudkan untuk membantu usahawan bumiputera;
- (b) apakah tingkat pencapaiannya setakat ini; dan
- (c) apakah Kerajaan akan terus menambah dan meningkatkan bentuk dan bantuan kewangan kepada pengusaha-pengusaha bumiputera di masa-masa akan datang.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Ahdul Ghani bin Othman); Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini terdapat dua skim yang diwujudkan di bawah Kementerian Kewangan untuk membantu usahawan-usahawan bumiputera mendapat sumber pembiayaan. Skim-skim itu adalah:

- (i) Tabung Pemulihan Usahawan; dan
- (ii) Tabung Usahawan Baru.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa Tabung Pemulihan Usahawan ataupun ringkasnya TPU diwujudkan dalam tahun 1988 dengan peruntukan sebanyak \$500 juta untuk membantu usahawan bumiputera yang terjejas disebabkan oleh kemelesetan ekonomi pada pertengahan tahun 80an. Perkembangan mengenai Tabung ini telahpun dibuat dan dijawab di Dewan ini pada 6 November 1991 apabila saya menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam. Dengan

itu, saya tidak bercadang untuk mengulanginya lagi.

Tabung Usahawan Baru pula atau ringkasnya "TUB" diwujudkan pada tahun 1989 dengan peruntukan sebanyak \$350 juta untuk membantu usahawan bumiputera yang baru menceburi dalam bidang perniagaan ataupun usahawan yang sedia ada yang ingin menjalankan sesuatu projek yang baru.

Setakat 30hb September, 1991, sebanyak 450 permohonan telah diterima oleh Urusetia Tabung itu di mana sebanyak 402 daripadanya telah dipertimbangkan. Pecahan bagi permohonan yang telah dipertimbangkan adalah sebagaimana berikut:

Yang diluluskan	-	348
Yang ditolak	-	54
Jumlah		<u>402</u>

348 permohonan yang telah diluluskan itu melibatkan pinjaman bernilai sebanyak \$70.9 juta.

Selain daripada dua skim yang disebutkan tadi, Kementerian Kewangan melalui Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan garis panduan dari masa ke seniasa kepada bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan supaya menyediakan sejumlah tertentu daripada tabung pinjaman mereka untuk masyarakat bumiputera. Pada tahun 1991, misalnya, jumlah pinjaman minimum yang perlu diberikan kepada bumiputera ialah 20% daripada jumlah pinjaman belum berbayar mereka pada akhir Disember 1990.

Garis panduan ini biasanya dipatuhi oleh bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan, malah peratus pinjaman adalah jauh melebihi paras minimum 20%. Bagi garis panduan tahun 1990, misalnya, peratus

pinjaman terkumpul yang dikeluarkan oleh bank-bank perdagangan adalah sebanyak 40.8% atau \$23,140 juta daripada jumlah pinjaman belum berbayar pada 31hb Disember, 1988,

Tuan Yang di-Pertua, di samping skim-skim yang dilaksanakan di bawah Kementerian Kewangan, pihak Majlis Amanah Rakyat ataupun MARA melaksanakan beberapa skim pinjaman untuk kaum bumiputera. Ini termasuk:

- (i) Tabung Pusingan Usahawan Baru (Siswazah);
- (ii) Rancangan Pinjaman Perniagaan;
- (iii) Kemudahan Kredit Membina Chalet; dan
- (iv) Skim Modal Rakan Niaga.

Adalah difahamkan bahawa jumlah pinjaman yang telah diluluskan oleh MARA bagi skim-skim tersebut setakat ini adalah sebagaimana berikut:

- (i) Bagi Tabung Pusingan Usahawan Baru Siswazah, permohonan yang telah diluluskan sejak tahun 1989 adalah sebanyak \$2.6 juta yang melibatkan 96 pemohon;
- (ii) Bagi Skim Rancangan Pinjaman Perniagaan pula, sebanyak \$130 juta telah diluluskan sejak tahun 1986 yang melibatkan 9,199 pemohon;
- (iii) Di bawah Skim Kemudahan Kredit Membina Chalet, sebanyak \$3.6 juta telah diluluskan sejak tahun 1988 yang melibatkan 194 pemohon; dan
- (iv) Sebanyak \$6.3 juta telah diluluskan di bawah Skim Modal Rakan Niaga dalam tahun ini yang melibatkan 10 buah syarikat.

Sebagaimana kita semua maklum, Kerajaan juga akan melancarkan satu lagi perbadanan khas untuk membantu usahawan bumiputera yang dinamakan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad atau nama ringkasnya "PUNB". Butir-butir terperinci telahpun saya berikan di Dewan ini pada 30hb Oktober, 1991 apabila saya menjawab soalan Yang Berhormat dari Padang Terap.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan berpuashati dengan tahap pencapaian skim-skim pinjaman yang diwujudkan untuk membantu usahawan bumiputera. Walau bagaimanapun, Kerajaan dari masa ke semasa akan mengkaji pelaksanaan skim-skim ini bagi menentukan tahap pencapaiannya.

Buat masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk menambah ataupun meningkatkan bentuk-bentuk bantuan kepada usahawan bumiputera memandangkan skim-skim pinjaman yang ada sekarang masih belum dimanfaatkan sepenuhnya.

Dr Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan pernah mengesan penyalahgunaan skim-skim atau bantuan-bantuan kepada kaum bumiputera ini oleh kumpulan-kumpulan yang tertentu seperti kita dapat lihat dalam isu-isu pengeluaran saham untuk bumiputera baru-baru ini?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya telahpun dikesan di mana amalan yang negatif oleh pihak-pihak lerteniu, iaitu bumiputera yang mengizinkan namanya digunakan oleh bukan bumiputera dan bukan bumiputera mengambil kesempatan daripada kemudahan pinjaman yang diberikan oleh bank-bank untuk bumiputera. Oleh yang demikian, Yang Berhormat Menteri Kewangan telahpun mengeluarkan satu garis panduan baru di mana ditentukan cara dan kaedahnya untuk

mempastikan supaya pinjaman kepada bumiputera sesungguhnya digunakan oleh bumiputera sendiri, dan apabila ada pihak-pihak lain yang menggunakan kesempatan tersebut akan terperangkap dengan sendirinya melalui kaedah yang baru-baru ini diedarkan oleh pihak Kementerian Kewangan.

Dato' Haji Mohamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada beberapa skim pinjaman yang dikemukakan, beberapa pemohon telah ditolak permohonannya? Saya ingin tahu apakah sebab-sebabnya permohonan mereka ditolak.

Yang kedua, apakah Kerajaan akan membincangkan pertimbangan semula kalau sekiranya pemohon-pemohon yang ditolak itu mengemukakan permohonan mereka merupakan permohonan yang baru?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya telahpun menyenaraikan kemudahan-kemudahan pinjaman dengan merujuk labung-tabung yang tertentu. Apabila Yang Berhormat dari Maran menyentuh tentang permohonan yang ditolak maka perkara itu disebut secara umum mana satu tabung yang dimaksudkan,

Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya permohonan-permohonan yang ditolak itu berdasarkan kepada permohonan tabung usahawan baru misalnya, maka banyak sebab-sebab yang pernah disebut di dalam Dewan yang mulia sama ada tidak lengkap dalam bentuk kertas kerja yang dibentangkan dan perkara-perkara yang lain. Oleh yang demikian, jika sekiranya ada pihak-pihak yang bercadang untuk membuat permohonan semula, maka perlu dalam kes-kes tertentu itu disempurnakan syarat-syarat yang menyebabkan ditolak di peringkat awal. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mampu untuk

menjawab soalan Yang Berhormat dari Maran itu, agak terlalu umum untuk dijawab.

TENAGA BURUH ASING

5. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) mengapa rakyat Malaysia tidak berminat bekerja di ladang getah, ladang kelapa sawit, ladang koko, bidang kontrak pembinaan dan lain sektor yang memerlukan banyak tenaga buruh;
- (b) sebutkan keperluan bilangan pekerja asing di bidang tersebut bagi memenuhi keperluan tenaga buruh di negara ini; dan
- (c) langkah yang berkesan telah, sedang dan akan diambil untuk menentukan kestabilan, keselamatan serta tenaga kerja tidak diancam kerana kemasukan pekerja asing.

Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato* M. Mahalingam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon kebenaran daripada Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana jawapan saya ini panjang, untuk memberi jawapan ini, saya ingin menjawab secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Berapa panjang?

Dato' M. Mahalingam: Enam helai.

Tuan Yang di-Pertua: Enam?

Dato' M. Mahalingam: Six pages. Enam muka.

Tuan Yang di-Pertua: Enam muka. Baiklah.

Tuan Lau Dak Kee: Walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri itu ingin menjawab secara bertulis, tetapi

bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri itu memberi jawapan dengan ringkas sedikit di sini, supaya saya boleh mengemukakan soalan lambahan saya? (*Kctawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ipoh, saya telah membenarkan dia.

Tuan Lau Dak Kee: Okay. Kalau begitu, bolehkah saya minta soalan tambahan?

Tuan Yang di-Pertua: Macam mana Yang Berhormat hendak mengemukakan soalan tambahan jika tidak tahu apa jawapannya?

Tuan Lau Dak Kee: Saya anggap jawapannya mungkin tidak begitu lengkap.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payah, Yang Berhormat. Saya telahpun memberi kebenaran kepada dia untuk memberi jawapan secara bertulis. Baiklah.

Tuan Lau Dak Kee: Saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri itu tidak mampu untuk menjawab itu dengan lengkap. (*Ketawa*)

BAHASA INGGERIS DI SEKOLAH-SEKOLAH

6. Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah langkah jangka pendek dan jangka panjang telah dibuat oleh Kementerian untuk meninggikan tahap penggunaan bahasa Inggeris di kalangan murid-murid sekolah dan penuntut-penuntut yaysan pengajian tinggi dan setakat ini adakah sesuai bagi Dewan Bahasa dan Pustaka di samping menjadi pusat Bahasa Malaysia akan juga mengambil peranan memajukan bahasa Inggeris sebagai bahasa antarabangsa.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di antara langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan untuk meninggikan tahap penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar-pelajar sekolah dan juga penuntut-penuntut institusi pengajian tinggi adalah dengan menggalakkan pelajar-pelajar di sekolah-sekolah kita dan di institusi-institusi tersebut menggunakan bahasa Inggeris seluas-luasnya melalui kegiatan kurikulum dan kokurikulum. Melalui Kurikulum Baru Sekolah Rendah dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah serta Kurikulum Pendidikan Guru di maktab-maktab perguruan kita, pelajar-pelajar dilibatkan secara aktif dalam pengajaran dan juga pembelajaran bahasa Inggeris yang bertumpukan kepada pelajar dan penekanan kepada kemahiran berbahasa seperti mendengar, bertutur, membaca dan menulis.

Melalui kokurikulum pula pelajar-pelajar digalakkan mengadakan aktiviti perbincangan, kuiz, syarahan, bacaan ramai, menulis esei, drama, puisi dan nyanyian dalam bahasa Inggeris.

Sehubungan itu, sekolah-sekolah digalakkan menganjur Hari Bahasa Inggeris dan Minggu Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah masing-masing. Kementerian Pendidikan juga sedang giat melatih lebih ramai guru pengkhususan dalam pengajaran bahasa Inggeris bagi semua program institusi pendidikan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan tidak bercadang untuk mengubah fungsi Dewan Bahasa dan Pustaka sepertimana yang telah diperuntukkan dalam Akta Dewan Bahasa dan Pustaka 1959 (Disemak 1978) yang bertujuan memperkembang dan memperkayakan bahasa Melayu.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah langkah penilaian sudah ataupun sedang dijalankan oleh Kementerian berkenaan untuk memastikan tahap pencapaian murid-murid sekolah khususnya dalam sekolah-sekolah rendah di dalam matapelajaran bahasa Inggeris? Jika ya, adakah betul bahawa mutu ataupun kemahiran dalam bahasa Inggeris ini khususnya dalam sekolah-sekolah rendah ini kian merosot? Jika ya, adakah Kementerian berkenaan bercadang untuk mengkaji semula dari segi kurikulum, dari segi cara pengajaran dan dari segi latihan guru-guru?

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kelemahan-kelemahan bahasa Inggeris ini bukan sepertimana yang kita anggapkan menyeluruh. Sebenarnya kelemahan-kelemahan yang ketara adalah mengikut keadaan dan tempat di mana kemudahan yang masih berkurangan khususnya dalam pengajian matapelajaran bahasa Inggeris ini. Kerana itulah usaha kita sedang melatih lebih lagi guru-guru dalam matapelajaran bahasa Inggeris dan juga yang lepasan ijazah,

Mengenai soalan supaya kita mengadakan penilaian, kita tidak perlukan cara penilaian baru kerana dalam cara penilaian yang wujud sekarang adalah cukup memuaskan dan kita telah dapat mengenalpasti bidang-bidang atau tempat-tempat kelemahan dalam usaha kita mengajar bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa lain. Satunya ialah meningkatkan lagi kemudahan di mana masih berkurangan bahan-bahan untuk mengajar dan pembelajaran dan begitu juga satu lagi program di mana kita meningkatkan minat pelajar-pelajar kita di bangku sekolah di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah dalam matapelajaran ini dari segi mengadakan kegiatan-kegiatan kokurikulum yang lebih lagi dari masa ke semasa.

Datuk Haji Basri bin Bajuri: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya bersetuju dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengenai usaha-usaha Kementerian untuk mempertingkatkan lagi kemahiran anak-anak kita dalam bidang bahasa Inggeris. Saya ingin tahu sama ada Yang Berhormat bersetuju atau tidak tentang pendapat saya bahawa kelemahan yang didapati hari ini adalah kerana kurangnya latihan praktikal anak-anak murid kita bercakap dalam bahasa Inggeris.

Adakah Kementerian bercadang untuk menjadikan bahasa Inggeris sebagai medium of instruction atau bahasa pengantar untuk satu atau dua matapelajaran yang dianggapkan praktikal seperti pendidikan jasmani atau seni dan sebagainya yang tidak melibatkan barangkali banyak penggunaan bahasa bertulis.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas cadangan Ahli Yang Berhormat tadi. Kita telah menjalankan usaha seperti mengadakan lebih lagi minat terhadap kesusasteraan bahasa Inggeris dan membaca buku bahasa Inggeris dan mengadakan di peringkat daerah dan di peringkat sekolah pertandingan melalui kuiz bahasa Inggeris dan juga perbhasan dan kita lihat pada masa kini minat dalam bidang ini makin kian bertambah kerana kesedaran atas keperluan pelajar-pelajar kita memahami dan menguasai bahasa ini selain dari bahasa-bahasa lain yang diajarkan di sekolah.

Untuk kita menjadikan bahasa Inggeris sebagai media matapelajaran-malapelajaran, ini tidak perlu kerana yang pentingnya kelemahan-kelemahan yang kita kenalpasti adalah dari segi kakitangan tenaga pengajar atau kemudahan-kemudahannya yang masih kurang khususnya di kawasan-kawasan luar bandar di mana kekurangan pendidik-pendidik guru bahasa Inggeris ini masih banyak berkurangan.

**MENYIARKAN BERITA
KENAIKAN GAJI KAKITANGAN
KERAJAAN**

7. Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin minta Menteri Penerangan menyatakan mengapa pihak akhbar terlebih dahulu menyiarkan berita-berita Kerajaan walaupun pihak Kerajaan belum membuat sebarang pengumuman mengenainya seperti dalam kes kenaikan gaji kakitangan awam dan lain-lain.

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Railey bin Haji Jaffrey): Tuan Yang di-Pertua, dalam kes-kes di mana pihak akhbar terlebih dahulu menyiarkan berita sebelum pengumuman rasmi oleh pihak Kerajaan, perkara macam ini adalah merupakan sebagai ramalan yang tepat ataupun sebaliknya oleh pihak akhbar itu sendiri berdasarkan maklumat-maklumat yang diterima oleh inereka. Ini adalah terpulang kepada kebijaksanaan akhbar itu sendiri dan bolehlah dianggap sebagai satu kemajuan atau kematangan di dalam memperoleh dan menganalisis serta meramal berhubung dengan satu-satu isu.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, memang sukar untuk menentukan sesuatu pengumuman itu dibuat sama ada rasmi ataupun tidak rasmi terutamanya oleh pihak-pihak akhbar kerana di negara kita ini banyak yang sensasi, yang mengejutkan, yang mengecewakan dan yang menggemparkan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah Kerajaan bercadang untuk mengenakan satu peraturan ataupun, dengan izin, guidelines supaya kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan ianya merupakan satu maklumat yang benar-benar rasmi dan tidak menimbulkan sebarang spekulasi sebelum itu kerana selama ini kita dapati ada kenyataan-kenyataan

seumpama ini berlaku yang menyebabkan timbul macam-macam tanggapan dan tafsiran oleh pihak orang ramai.

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, memang benar Kementerian Penerangan tidak mempunyai sebarang kuasa untuk memaksa sama ada dibolehkan atau tidak dibolehkan mengenai satu-satu perkara yang dibuat oleh pihak akhbar. Tetapi Kementerian boleh bertindak sebagai penasihat kepada cara-cara laporan yang dibuat oleh pihak-pihak akhbar terutama sekali ke atas perkara-perkara yang boleh membawa kemudaratkan kepada keselamatan dan kesejahteraan negara.

Tuan Wahab bin Suhaili: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar sepertimana yang didakwa oleh setengah-setengah pihak terutama sekali dalam pilihanraya bahawa akhbar-akhbar tertentu dimiliki kebanyakannya oleh orang-orang yang berkepentingan dalam Kerajaan sama ada, secara langsung atau tidak langsung?

Keduanya, apakah mengeluarkan kenyataan kepada umum dalam akhbar-akhbar harian ini terlebih dahulu dari Kerajaan tidak bercanggah dengan Official Secrets Act (OSA)?

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, kepada soalan yang periana kalau sesuatu suratkhbar dipunyai oleh seseorang itu, itu saya tidak tahu. Itu terserah kepada orang yang memiliki suratkhbar itu. Berkenaan dengan perkara-perkara yang dilaporkan satna ada ianya salah di sisi undang-undang khasnya undang-undang Official Secrets Act, dengan izin, itu terserah, jika benar ada salah pihak-pihak yang berkenaan yang mengetahui bahawa ada kesalahan boleh mengambil tindakan melaporkan kepada pihak Polis.

**BAHASA MALAYSIA
DI MAHKAMAH—KEJAYAAN**

8. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Kehakiman menyatakan sejauh manakah pengenalan Bahasa Malaysia sebagai bahasa Mahkamah celah berjaya.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan yang sama telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri pada 29hb Januari, 1991 yang lalu semasa menjawab soalan daripada Yang Berhormat dari Sabak Bernam. Saya tiada apa-apa tambahan terhadapnya.

**UNDI POS KEPADA ANGGOTA
TENTERA/POLIS**

9. Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak minta Perdana Menteri menyatakan bagi mungkin lebih kurang 90% anggota Tentera dan Polis ia tidak menjejaskan tugas-tugas menjaga keselamatan jika mereka membuang undi pada hari dan tempat yang sama dengan pengundi-pengundi biasa maka mengapakah tidak undi pos itu hanya dikhaskan kepada mereka dari Tentera dan Polis yang jelas terjejas tugas-tugas mereka.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan DougJas Uggah Embas): Tuan Yang di-Pertua, soalan ini tidak berapa jelas. Walau bagaimanapun, pengundian secara pos oleh anggota Tentera dan Polis telah ditetapkan oleh Peraturan-peraturan Pilihanraya (Undi Pos) 1959 atas sebab keadaan mobiliti anggota kedua-dua perkhidmatan tersebut. Pengundian secara pos didapati cara yang paling baik dan teratur untuk kita menentukan bahawa peluang anggota Tentera dan Polis untuk mengundi dalam Pilihanraya tidak terjejas.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, apakah langkah yang sudah diambil oleh pihak berkuasa untuk menentukan bahawa pendataran pengundi-pengundi secara pos adalah betul-betul berkhidmat di tempat yang mereka mengundi? Contohnya, di negeri Sarawak ini, di kawasan Simunjan, walaupun ada beberapa ribu pengundi pos tetapi mereka tidak ada satu khemah tentera di kawasan itu. Maka apakah langkah sudah ataupun sedang diambil untuk memastikan bahawa anggota Polis dan Tentera betul-betul berkhidmat di dalam satu kawasan di mana mereka menuntut ataupun mendaftar untuk mengundi?

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, seorang anggota Tentera ataupun Polis boleh memilih tempat-tempat di mana dia akan mendaftarkan diri sendiri sebagai pengundi dan kebanyakan anggota mendaftar diri di tempat asal mereka.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Undang-undang mengundi secara pos ini dibuat pada tahun 1959 di mana Malaya berada dalam keadaan darurat. Sekarang Malaysia berada di dalam keadaan aman dan tenteram dan operasi-operasi tentera berdekatan dengan jalanraya dan hutan-rimba sudah tidak lagi jauh dari jalanraya, apakah Kerajaan tidak mengkaji semula undang-undang ini untuk membolehkan Polis dan Tentera mengundi di hari pilihanraya seperti orang biasa yang lain?

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi, masalahnya ialah masalah mobiliti. Kalau seorang anggota Tentera dari Kelantan yang bertugas di Sarawak, misalnya, adalah begitu sukar bagi dia untuk pergi ke Kelantan untuk membuang undi. Kalau kita

menukar dan mengkehendaki mereka mengundi di tempat dia membuang undi, maka kita akan menafikan mereka hak mengundi sebagai warganegara Malaysia.

KAMPUNG KECIL YANG BERSELERAK

10. Tuan Mohamed Khalid bin Nordin minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan;

- (a) jumlah kampung-kampung yang kecil dan yang berselerak mengikut negeri yang telah digabungkan untuk dijadikan kawasan penempatan yang lebih besar; dan
- (b) apakah kemudahan-kemudahan dan faedah yang telah diberikan kepada kampung-kampung yang terletak dalam kawasan penempatan tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar (Dato' Mohamed bin Jamrah): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan:

- (a) sehingga kini terdapat sebanyak 416 buah kampung kecil dan berselerak telah digabungkan menjadikan 141 buah projek atau kawasan penempatan yang lebih besar di seluruh Malaysia.

Untuk makluman Yang Berhormat, bilangan projek yang dinyatakan di atas adalah merupakan projek-projek yang dibiayai oleh Kementerian dan juga agensi-agensi di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar;

- (b) Kemudahan-kemudahan dan faedah yang telah diberikan di kawasan tersebut meliputi projek-projek kemudahan awam dan projek-projek sosio-

ekonomi berdasarkan kesesuaian kawasan-kawasan berkaitan seperti:

- (i) Penyediaan kemudahan-kemudahan asas iaitu jalan masuk, jalan dalam perkampungan, sistem perparitan, bekalan elektrik dan air serta kemudahan-kemudahan awam seperti balairaya, masjid atau surau, pasar, tadika dan sekolah jika kawasan penempatan yang ramai penduduknya.
- (ii) Penyediaan tapak perumahan atau pembinaan rumah secara tersusun di tapak penempatan yang baru.
- (iii) Penyediaan projek-projek sosio-ekonomi seperti gerai, ruangniaga, bengkel-bengkel dan industri.
- (iv) Projek-projek pertanian/ternakan dan lain-lain kemudahan pertanian.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak tahu sama ada kampung-kampung tersusun termasuk dalam kategori ini atau tidak? Kalau masuk, apakah kemudahan-kemudahan telah diberi kepada kampung-kampung tersusun itu? Kalau tidak, mengapa?

Dato' Mohamed bin Jamrah: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Ipoh, dia tidak mendengar jawapan saya tadi. Saya mengatakan "kampung yang berselerak dan terpencil". Jadi dalam istilah itu ia tidak termasuk kampung tersusun.

Tuan Mohamed Khaled bin Nordin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejauh manakah percontuman kampung-kampung ini

mengambil kira usaha untuk menarik industri-industri dan kilang-kilang yang hari ini lebih berminat beroperasi di kawasan-kawasan bandar?

Kedua, selepas percantuman kampung-kampung ini dan dengan kemudahan serta faedah-faedah yang diberikan kepadanya, adakah masih ada lagi penghijrahan belia-belia yang tinggal di kampung-kampung ini masuk ke bandar-bandar?

Dato' Mohamed bin Jamrah: Tuan Yang di-Pertua, bagi kawasan-kawasan yang kita kumpulkan semula ini kita menggalakkan industri-industri kampung. Justeru itu ia tidak melibatkan pelabur-pelabur luar yang mana ia lebih tertumpu kepada bandar-bandar. Kementerian lelah menyediakan kemudahan bagi belia-belia yang tinggal di kampung-kampung berkenaan memohon bantuan industri kampung.

Berkenaan dengan penghijrahan, ini adalah satu fenomena pembangunan. Kita tidak boleh menyekat kerana kemungkinan ada juga penduduk yang sudah terdidik dan terpelajar di kampung berkenaan masih mahu mencari pekerjaan yang lebih selesa daripada yang terdapat di kampung.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Gooi Hock Seng.

(Soalan No.11 Y.B. Tuan Gooi Hock Seng tidak hadir)

DASAR PEMBANGUNAN KUALA LUMPUR

12. Tuan Mohamed Kamal bin Hussain minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Wilayah Persekutuan mempunyai perancangan bagi pembangunan perumahan dan kondominium. Adakah Jabatan beliau sedar terdapatnya bantahan dan rungutan-rungutan terhadap pem-

angunan kondominium yang di-khuatiri boleh menimbulkan berbagai masalah kesesakan ataupun mengubah corak dan suasana kawasan-kawasan dan juga mengubah taburan penduduk dengan menjajaskan usaha-usaha pembangunan negara.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Drs Suleiman bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, dasar pembangunan Kuala Lumpur yang diamalkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur adalah bertujuan untuk mewujudkan sebuah ibu negara yang maju, bersih dan lengkap dengan kemudahan-kemudahan moden yang setanding atau lebih baik daripada apa yang terdapat di negara-negara maju. Dasar ini meliputi perancangan pembangunan tempat-tempat kediaman yang sesuai dan seimbang dari segi lokasi, kos dan muiu untuk menampung keperluan masyarakat yang berbeza-beza pendapatan dan keupayaan mereka.

Di samping itu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga memberi galakan kepada para pemaju swasta untuk membina rumah-rumah kos tinggi seperti kondominium dan pangsapuri mewah di kawasan-kawasan tertentu bagi menampung permintaan penduduk-penduduk yang berpendapatan tinggi dan mcreka yang ingin menghuni di tempat-tempat yang lebih selesa, moden, bersih dan yang serba lengkap dengan kemudahan-kemudahan rekreasi seperti kolam renang, gelanggang tenis dan lain-lain seumpamanya.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga sentiasa peka terhadap rungutan dan bantahan ke atas pembangunan kondominium di Wilayah Persekutuan. Segala aspek bantahan yang di-kemukakan akan dikaji dan dinilai dengan teliti. Kelulusan perancangan hanya akan diberikan setelah syarat-syarat perancangan dipenuhi oleh pihak pemaju.

Pembangunan kondominium sering kali dikaitkan dengan masalah kesesakan lalulintas. Di Kota Raya Kuala Lumpur, masalah kesesakan lalulintas bukanlah suatu masalah yang berpunca dari wujudnya pembangunan kondominium semata-mata. Jika dikaji dari segi bilangan penghuni kondominium yang menggunakan kenderaan didapati bilangannya adalah terlalu kecil iaitu kira-kira 1% sahaja berbanding dengan jumlah kenderaan yang ada di Kota Raya ini. Sebaliknya pembangunan kondominium dijangka akan dapat mengurangkan aliran lalulintas pada waktu-waktu tertentu oleh kerana skim-skim kondominium umpamanya disediakan dengan segala bentuk kemudahan bercorak rekreasi dan juga kemudahan-kemudahan lain seperti kedai-kedai untuk keperluan harian.

Kehidupan di kondominium merupakan satu cara hidup masa kini yang perlu digalakkan memandangkan Kuala Lumpur tidak dapat menawarkan kawasan yang mencukupi untuk pembangunan kediaman masa depan di samping nilai harga tanah yang kian meningkat.

Pembinaan kondominium ini akan mengubah corak dan suasana kawasan kepada yang lebih baik dan sempurna dan tidak menjejaskan usaha-usaha pembangunan negara.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Akibat daripada pembinaan perumahan dan kondominium di kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ini yang sebahagian besarnya telah menjejaskan peneroka-peneroka bandar yang telah lama mendiami di kawasan-kawasan ini. Baru-baru ini terjadi satu peristiwa di Kampung Sentosa di mana penduduk-penduduk ini telah dihala keluar daripada rumah mereka secara paksa dengan menggunakan Polis dan pegawai-pegawai daripada Dewan

Bandaraya. Boleh atau tidak Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan mengapa ini boleh berlaku?

Soalan yang kedua, baru-baru ini Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri telah membuat kenyataan di akhbar bahawa pihak Kerajaan akan bertindak kepada Jawatankuasa Peneroka Bandar yang telah ditubuh untuk membela nasib setinggan tni. Yang saya hendak tahu apakah salahnya kalau satu jawatankuasa ditubuhkan untuk menyelcaikan masalah setinggan-setinggan ini kerana mereka sudah tidak lagi mendapat simpati daripada Kerajaan. Apakah kesalahan yang dibuat oleh jawatankuasa ini?

Dato' Drs Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, walaupun agak menyimpang soalan Ahli Yang Berhormat Kok Lanas, tetapi saya suka memberi jawapan bahawa tidak perlu jawatankuasa ini bertindak untuk menolong setinggan kerana Kerajaan sentiasa membantu setinggan khususnya di tanah-tanah milik Kerajaan sendiri. Sedangkan di tanah bukan milik Kerajaan, tanah milik perseorangan atau swasta, Kerajaan masih bertindak untuk membantu setinggan. Jawatankuasa yang disebutkan sebagai Jawatankuasa Membela Peneroka Bandar adalah satu jawatankuasa yang tidak berdaftar. Jadi, segala tindakan yang dibuat sentiasa akan menimbulkan suasana yang tidak diinginkan. Oleh kerana itu adalah lebih baik jawatankuasa ini tidak bergerak kerana Kerajaan sendiri membantu setinggan.

Kedua, soalan pertama yang disebutkan bahawa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sentiasa bertindak terhadap satu kawasan yang disebut oleh Yang Berhormat di....

Tuan Yang di-Pertua: Di Kampung Sentosa.

Dato' Drs Suleiman bin Mohamed: Seri Sentosa. Saya suka hendak memberitahu Yang Berhormat dari Kok Lanas bahawa masalah Seri Sentosa ini adalah masalah yang berkaitan dengan projek penswastaan Kerajaan. Tidak ada deraan yang dibuat. Tidak ada tindakan kasar yang dibuat oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Ini saya beri jaminan kerana laporan yang disiarkan oleh akhbar itu tidak betul. Jadi walaupun Yang Berhormat menyimpang, tetapi saya hendak menjawab untuk menegaskan bahawa Dewan Bandaraya tidak dengan kasar menghalau setinggan kerana setinggan yang duduk di situ adalah termasuk projek penswastaan dan mereka akan ditawarkan rumah kos rendah oleh pihak pemaju.

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari segi pembangunan perumahan dan kondominium di Kuala Lumpur ini kita banyak melihat pembangunan kondominium lebih daripada perumahan. Dan ini bermakna kalau kita sebut kondominium ini lebih kepada orang yang kaya. Apa nasibnya bagi orang yang mempunyai pendapatan yang rendah dan apakah jaminannya daripada pihak Wilayah Kuala Lumpur untuk orang-orang yang berpendapatan rendah. Dari segi kesesakan dan kondominium ini—kependudukannya ada hubung-kait—bagaimanakah perancangan Kementerian Wilayah dari sudut kedua-dua pembangunan, kemudahan jalan dan juga pengangkutan serta pembangunan perumahan dan kondominium ini. Yang ketiganya, yang saya perhatikan....

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat. Dua cukup!

Dato' Drs Suleiman bin Mohamed: Terima kasih. Penama, seperti Yang Berhormat sedia maklum bahawa di dalam Rancangan Malaysia Keenam kita akan membina 5,000

rumah kos rendah. Ini adalah usaha sinambungan daripada Kerajaan dari masa ke semasa dari sejak dahulu.

Selain daripada itu, pembinaan rumah kos rendah ini tidak terbatas kepada rumah kos rendah tetapi kita mengarah kepada pembangunan campuran atau mixed development bersesuaian dengan pasaran beli rumah low cost, medium cost dan high cost.

Kondominium ini bukanlah dibina di atas tanah Kerajaan semata-mata. Lebih daripada 80% pembinaan kondominium adalah atas tanah pihak persendirian. Dan oleh kerana kita ingin menghidupkan Kuala Lumpur untuk menambahkan bilangan penduduk yang tinggal di kawasan pusat perancangan Kuala Lumpur, maka galakan diberi kepada pihak swasta untuk membina kondominium di atas tanah mereka sendiri untuk menampung pasaran mereka yang berpendapatan tinggi.

PERATURAN PEMAJU PERUMAHAN

13. Tuan Wee Choo Keong minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) kenapa Menteri tidak mengimplementasikan "Housing Developers Accounts Rules" pada 1hb Jun 1991 yang mana dijanjikan oleh Menteri pada Sesi Pertama Parlimen Kelapan;
- (b) kenapa Menteri berkenaan menangguhkan implementasi di atas "Housing Developers Accounts Rules" daripada 1hb Jun 1991 kepada 1hb Ogos 1991; sila berikan sebab-sebabnya;
- (c) berapakah jumlah projek-projek perumahan di seluruh negara yang telah diluluskan atau

dilancarkan ("launched") di antara 1hb Jun 1991 sehingga 1hb Ogos 1991; dan

- (d) adakah ini bernakna projek-projek perumahan yang dilancarkan sebelum 1hb Ogos 1991 tidak dikawalkan oleh "Housing Developers Accounts Rules", oleh yang demikian projek perumahan yang dibeli oleh orang awam tidak dilindungi di bawah "Housing Developers Accounts Rules".

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Osu bin Haji Sukam): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Yang Berhonnat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak menyatakan bahawa Peraturan-Peraturan Pemaju Perumahan (Akaun Pemaju Perumahan) 1991 akan dilaksanakan pada 1 Jun 1991 di Sesi Pertama Parlimen Kelapan. Yang Berhormat Menteri hanya mengumumkan melalui media massa bahawa peraturan-peraturan tersebut akan diwartakan dalam *Warta Kerajaan* pada bulan Jun 1991 dan seterusnya akan dikuatkuasakan dua bulan kemudian iaitu pada bulan Ogos 1991.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peraturan-peraturan tersebut telah diwartakan pada 21 Jun 1991 dan ianya telah dikuatkuasakan pada 26 Ogos 1991. Dengan itu soal penangguhan implementasi peraturan-peraturan itu tidak timbul sama sekali.
- (c) Sebanyak 120 lesen pemaju telah dikeluarkan kepada syarikat-syarikat pemaju untuk

projek perumahan baru di antara 1 Jun 1991 sehingga 1 Ogos 1991.

- (d) Semua projek perumahan yang diberi lesen pemaju sebelum tarikh penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Pemaju Perumahan (Akaun Pemajuan Perumahan) 1991 pada 26 Ogos 1991 tidak akan triakluk kepada peruntukan peraturan-peraluran tersebut,

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar tentang kenyataan yang dikeluarkan oleh bekas Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, iaitu Yang Berhormat Tuan Ng Cheng Keat bahawa "Housing Developers Accounts Rules" ini yang sebenarnya harus dilaksanakan pada tahun lepas tetapi telah ditahankan oleh Presiden MCA Yang Berhormat Dato' Seri Dr Ling Liong Sik kerana semua pemaju perumahan memberikan dermaan kepada MCA.

Tuan Yang di-Pertua, soalan yang kedua.... (*Diganggu*) Ada 'monyet' di sini. Soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, mengenai dakwaan serius yang dibuat oleh bekas Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini yang disiarkan di semua suratkhbar. Adakah pihak Kementerian telah membuat satu penyiasatan mengenai dakwaan serius ini bahawa untuk kepentingan parti MCA sendiri, penangguhan "Housing Developers Accounts Rules" telah dibuat terutamanya bahawa Yang Berhormat Menteri Pengangkutan telah melakukan kesalahan rasuah kerana untuk dapat derma bagi parti MCA, rela menangguhkan "Housing Developers Accounts Rules"? Sekian.

Tuan Osu bin Haji Sukam: Tuan Yang di-Pertua, saya sangat kecewa terhadap soalan tambahan, malahan soalan tambahan ini bukan soalan tambahan tetapi soalan yang dibaca oleh Ahli Yang Berhormat. *(Tepuk)*

Tuan Lim Guan Eng: Kalau hendak debat, boleh debat.... *(Disampuk)*

Tuan Yang di-Pertua: Soalan Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Tuan Osu bin Haji Sukam: Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya memanglah Yang Berhormat bekas Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan pernah menyatakan bahawa peraturan-peraturan pemaju perumahan akan dikuatkuasakan tahun sudah, tetapi apabila kita menerima teguran-teguran dan pandangan-pandangan dari pihak-pihak pemaju perumahan itu sendiri, makanya kita perlulah mengambilkira pandangan-pandangan ini. Di sebabkan pandangan-pandangan ini dilihat begitu mempunyai kesan kepada industri perumahan, maka Kerajaan telah menanggungkan pelaksanaananya buat sementara waktu sehingga masalah-masalah yang ditimbulkan oleh pemaju-pemaju perumahan itu telah dapat diselesaikan secara perundingan di antara pemaju-pemaju perumahan dengan pihak Kerajaan dan juga pihak institusi-institusi bank di dalam negara kita ini. Makanya seperti yang telah dijanjikan oleh Kerajaan, akaun perumahan ini telah dikuatkuasakan mulai daripada 26hb Ogos, 1991,

Mengenai dakwaan yang telah dibuat oleh saudara Yang Berhormat dari Kota Melaka, kalau sekiranya dakwaan-dakwaan itu betul dan tepat, saya nasihatkan supaya Ahli Yang Berhormat mengemukakan perkara itu kepada pihak-pihak yang tertentu supaya tindakan boleh diambil, jika benar. Tetapi oleh kerana Yang

Berhormat itu, saya percaya telahpun beberapa kali dipelawa untuk mengemukakan dakwaan ini di luar Dewan, makanya dakwaan-dakwaan ini semuanya tidak berasas sama sekali. *(Tepuk)*

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat, cukup.

Tuan Lim Guan Eng: Jangan tipu, jangan tipu. Apakah hak Yang Berhormat itu mengungkit-ungkit dakwaan saya.

SEKOLAH MENENGAH SWASTA—BANTUAN

14. Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah jenis bantuan yang diberi kepada sekolah-sekolah menengah bersendirian dan apakah syarat-syarat yang telah ditetapkan supaya sekolah-sekolah ini tidak menjadi pusat pengeluaran masyarakat yang anti-Kerajaan.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan tidak memberi sebarang bantuan kepada mana-mana sekolah menengah swasta.

Semua sekolah swasta diperlukan berdaftar, termasuk juga Lembaga Pengurus dan Pengelolanya, guru-guru dan kakitangan. Syarat-syarat dan prosedur pendaftaran adalah ketat bagi mengelakkan perkara-perkara yang tidak diingini berlaku. Kementerian Pendidikan juga sentiasa mengawal-selia perjalanan dan pengendalian sekolah-sekolah dan institusi-institusi pendidikan swasta bagi memastikan sekolah-sekolah dan institusi-institusi pendidikan tersebut mematuhi peruntukan perundangan-perundangan

yang berkaitan dan juga dasar-dasar Kerajaan serta syarat-syarat penubuhan dan pendaftaran. Antara aspek-aspek pengawal-seliaan yang dilakukan adalah berkaitan dengan kursus-kursus serta kurikulum yang dikendalikan, mata pelajaran yang diajar, kelayakan tenaga pengajar dan kemudahan-kemudahan yang disediakan. Usaha-usaha ini dilakukan sebagai langkah supaya sekolah-sekolah ini tidak menjadi pusat pengeluaran masyarakat yang anti-Kerajaan.

Datin Ling Chooi Sieng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya tahu secara langsung ada guru-guru sekolah menengah persendirian mempunyai sikap anti-Kerajaan dan secara langsung atau tidak langsung mereka mempengaruhi murid-murid sekolah itu untuk menjadi anti-Kerajaan. Adakah Yang Berhormat bercadang memberi kursus 'familiarisation' atau latihan atau kursus lain supaya guru-guru di sekolah-sekolah itu lebih memahami dasar-dasar Kerajaan supaya satu hubungan baik akan wujud di antara Kerajaan dan guru-guru sekolah itu. Kalau tidak, apakah langkah yang diambil untuk meningkatkan hubungan di antara Kerajaan dan guru-guru sekolah menengah persendirian itu?

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu boleh kita pertimbangkan, kerana perlu saya nyatakan bahawa pendidikan di negara ini adalah usaha kita bersama untuk membangunkan sebuah masyarakat yang maju dan makmur. Begitu juga dengan dasar-dasar Kerajaan dan usaha-usaha kita adalah untuk kebaikan masyarakat keseluruhannya.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju dengan pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat dari Lumut tadi,

bahawa ada sekolah-sekolah menengah persendirian Cina yang anti-Kerajaan dan kedua, adakah Kerajaan mengakui bahawa satu punca pembangunan negara ialah peranan yang dimainkan oleh sekolah-sekolah menengah persendirian, khususnya lebihkurang 60 buah sekolah-sekolah menengah Cina dan adakah Kerajaan bercadang, sebagai satu pengiktirafan dan satu penghargaan untuk menimbangkan dan memberi peruntukan tahunan kepada sekolah-sekolah tersebut sebanyak setengah juta untuk satu sekolah, oleh kerana peranan yang dimainkan oleh sekolah-sekolah tersebut?

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan Yang Berhormat itu adalah menyeleweng daripada soalan asal tadi, kerana saya sebenarnya mendengar tadi bahawa Yang Berhormat dari Lumut menyatakan bahawa sekolah-sekolah swasta bukannya sekolah Cina dan soalan itu tidak perlu saya memberikan apa-apa jawapan.

Tuan Lim Kit Siang: Sekolah swasta dengan sekolah Cina tidak samakah?

Dr Leo Michael Toyad: Sekolah swasta dan sekolah China tidak sama Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: *(Menyampuk)*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tanjong.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon jasa baik Yang Berhormat bahawa soalan Ahli Yang Berhormat itu telah menyebutkan sekolah Cina, tetapi saya menyatakan di sini sekolah swasta seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Lumut tadi.

Jadi, untuk soalan-soalan yang lain, saya telah menyatakan tadi bahawa kita memberikan peruntukan kepada

sekolah-sekolah yang di bawah bantuan Kerajaan tetapi kita tidak pernah memberi apa-apa sebarang bantuan kepada mana-mana sekolah menengah swasta.

PENDERMA DARAH

15. Puan Lim Lay Hoon minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) bilangan penderma darah mengikut pecahan kaum; dan
- (b) jenis insentif yang telah diberikan dan rancangan jangka panjang untuk menarik lebih penderma.

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua, untuk soalan (a) Bilangan penderma darah mengikut pecahan kaum pada tahun 1990 adalah seperti berikut:

Melayu	:	16,775
Cina	:	14,619
India	:	4,903
Lain-lain	:	709
Jumlah	:	<u>37,006</u>

Untuk soalan (b) Insentif-insentif yang diberikan untuk penderma darah ialah seperti berikut:

- (i) Jika penderma menderma 15 kali ataupun kurang, pengecualian diberi sepenuhnya daripada caj-raj rawatan dan caj-raj wad dalam wad kelas 2 dalam tempoh 4 bulan selepas menderma kali terakhir dan rawatan pesakit luar percuma dalam tempoh yang sama,
- (ii) Jika penderma menderma lebih daripada 16 hingga 40 kali, pengecualian sepenuhnya

daripada caj-raj diberi kepada rawatan-rawatan dan caj-raj wad dalam wad kelas 2 dalam tempoh 4 bulan selepas menderma kali terakhir dan selepas ini setengah daripada caj-raj rawatan dan setengah daripada caj-raj wad dalam wad kelas 2 dan rawatan pesakit luar percuma dan tempoh 3 tahun selepas menderma kali terakhir tersebut.

- (iii) Jika penderma menderma lebih daripada 41 kali pengecualian sepenuhnya diberi kepada caj-raj rawatan dan caj-raj wad dalam dan wad kelas 2 dan rawatan pesakit luar diberi secara percuma pada bila-bila masa.

Untuk menarik lebih banyak penderma dalam rancangan jangka panjang, berbagai-bagai aktiviti telahpun dijalankan oleh pihak hospital. Di antaranya ialah:

- (a) mengadakan kempen-kempen derma darah serta pameran;
- (b) memberi kesedaran, penerangan serta pendidikan kesihatan kepada orang ramai melalui media massa, ceramah-ceramah dan sebagainya;
- (c) meningkatkan penglibatan persatuan-persatuan dan badan-badan sukarela dalam kempen-kempen menderma darah, misalnya Lion's Club, Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia dan sebagainya; dan
- (d) mengadakan, dengan izin, mobile clinics di jabatan-jabatan Kerajaan, institusi-institusi pengajian tinggi, kilang-kilang dan sebagainya supaya orang ramai dapat menderma secara group donation, dengan izin.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu berkenaan dengan punca-punca yang ada termasuk pendermaan darah oleh rakyat, adakah Tabung Darah di hospital-hospital mempunyai bekalan darah yang mencukupi untuk menjalankan rawatan kes-kes kecemasan, dan pernahkah Kerajaan kita membeli ataupun mengimport darah dari luar negeri?

Soalan kedua, adakah benar dakwaan oleh setengah pihak bahawa pihak DAP tidak pernah atau tidak berani menderma darah, sebab selepas pendermaan, mereka akan menjadi lemah, (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila jawab.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di Pertua, mengikut maklumat yang ada pada masa ini semua hospital-hospital di seluruh negara mempunyai tabungan darah yang mencukupi, walaupun kadangkadangkang apabila berlaku sesuatu kemalangan yang luar biasa ataupun yang melibatkan banyak orang yang terkena kecederaan, maka kita terpaksa menjalankan pendermaan darah secara cemas.

Walau bagaimanapun, selepas penyakit AIDS dan HIV dikenali di dunia sebelah sini, Malaysia setakat ini tidak lagi mengimport darah daripada luar negeri, tetapi untuk soalan ketiga, saya ingin menyambungkan soalan itu kepada DAP untuk challenge mereka, kalau sekiranya mereka berani selepas ini menderma darah kepada pihak-pihak tertentu jika sekiranya soalan itu bersesuaian dengan kedudukan DAP.

Tuan Lau Dak Kee: Soalan tambahan. Saya hendak beritahu kepada Timbalan Menteri dan juga Ahli Yang Berhormat dari MCA,

wakil dari Alor Setar itu, saya mempunyai sijil derma darah. Kalau hendak semak, boleh datang ke sini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, apakah soalnya?

Tuan Lau Dak Kee: Dan soalan tambahan saya, saya hendak tahu di sini, berapa kalikah Yang Berhormat dari Alor Setar itu sendiri lelah mendermakan darahnya kepada hospital-hospital,...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, apakah soalnya.....

Tuan Lau Dak Kee: Dan yang kedua, Timbalan Menteri Kesihatan.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ipoh, jangan tanya Yang Berhormat dari Alor Seiar, hanya kepada Menteri.

Tuan Lau Dak Kee: Baiklah, saya tanya Timbalan Menteri sekarang. Bolehkah Timbalan Menteri menyatakan berapa kalikah beliau dan keluarganya telah menderma darah setakat ini? Soalan kedua, mengapakah penderma-penderma darah itu disyaratkan 16 hingga 40 kali untuk diberikan insentif yang tidak begiui memuaskan, hanya sehingga selepas 41 kali dalam hayatnya, baru boleh diberikan rawatan perubatan pada bila-bila masa. Mengapakah diadakan syarat begitu, saya hendak tahu mengapakah ditetapkan syarat itu? Dan akhirnya.....

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Parid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Ahli Yang Berhormat dari Ipoh perlu mengambil kursus untuk bertanyakan soalan.

Saya tak perlu menjawab soalan pertama dan kedua. Walau bagaimanapun, kalau sekiranya Yang Berhormat itu ingin tahu, saya telah menderma darah sebanyak 7 kali (*Tepuk*) dan saya tidak minta insentif-insentif tersebut, kerana saya menderma dengan secara sukarela.

Untuk soalan yang ketiga, ini adalah dasar sekarang dan jika sekiranya diperlukan, mungkin dasar-dasar ini boleh diubah untuk memberi insentif yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan Bagi Jawab Mulut telahpun cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 3,11 dan 16 hingga 28 adalah diberi di bawah ini)

ANGGOTA TENTERA YANG KERSARA

3. Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Abdul Rahman minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) jumlah bilangan ATM yang bersara bagi semua peringkat bagi tahun 1990/1991,
- (b) apakah program dan bentuk latihan yang telah disusun oleh pihak Kementerian untuk menjaga kebajikan pesara-pesara tersebut,
- (c) berdasarkan rekod-rekod yang lalu berapakah yang telah berjaya berdasarkan kepada program-program yang telah dirancang dan berapakah jumlah yang masih menganggur, dan
- (d) apakah langkah yang telah diambil oleh Kementerian bagi mengatasi masalah penganguran anggota ATM yang telah bersara.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed):

- (a) Dalam tahun 1990 jumlah anggota tentera yang tamat perkhidmatan ialah 5,300 iaitu terdiri dari 383 pegawai dan 4,917 lain-lain pangkat. Bagi tahun 1991 sehingga bulan September, 1991 jumlah anggota tentera yang tamat perkhidmatan ialah 4,628 iaitu terdiri dari 289 pegawai dan 4,339 lain-lain pangkat.
- (b) Program Latihan Peralihan ini dijalankan mengikut tiga tahap:
 - (i) Tahap perlama ialah menghebahkan maklumat mengenai peluang latihan kepada anggota tentera yang akan tamat perkhidmatan dalam tempoh 24 bulan terakhir.
 - (ii) Tahap yang kedua ialah aktiviti semasa anggota tentera menjalani latihan peralihan bagi tempoh 6 hingga 18 bulan. Aktiviti-aktiviti yang terlibat ialah menjalankan kursus-kursus ketukangan/kemahiran seperti di Institut Kemahiran KEMANTAH (IKK) Sungai Buloh, Institut Kemahiran MARA (IKM), Pusat Giat MARA, Pusat Latihan Belia dan lain-lain.
 - (iii) Tahap yang ketiga pula ialah program-program selepas mereka tamat latihan peralihan. Aktiviti-aktiviti yang terlibat di dalamnya adalah mendaftar anggota-anggota yang memerlukan

kan pekerjaan, membantu mereka yang ingin menyertai rancangan FELDA, RISDA dan FELCRA, memberi khidmat kaunseling kerjaya dan bimbingan usahawan.

(c) Berdasarkan rekod-rekod yang ada diperhatikan bahawa:

- (i) Dalam tempoh 10 tahun yang lalu kira-kira 11,000 bekas tentera dapat berkhidmat semula dengan sektor awam iaitu sektor Kerajaan dan Badan-badan Berkanun.
- (ii) Lebih kurang 3,000 bekas anggota tentera telah berjaya ditempatkan dalam Rancangan Tanah FELDA.
- (iii) Sepanjang 10 tahun ini lebih kurang 5,555 bekas tentera telah mendapat peluang mengikuti kursus pengurusan dan usahawan.
- (iv) Sejak tahun 1980 Kementerian Pertahanan telah berjaya mengeluarkan 4,000 bekas tentera sebagai pekerja mahir dalam berbagai bidang seperti mekanik kereta motor, tukang paip, juruelektrik, mekanik radio dan TV, tukang kayu dan binaan.

Jawapan bahagian (d):

- (i) Mendaftarkan pencari pekerjaan di pejabat Bahagian Hal Ehwal Bekas Perajurit di semua negeri.
- (ii) Menghubungi majikan-majikan yang memerlukan tenaga pekerja.

(iii) Menempatkan anggota tentera di syarikat1-syarikat swasta semasa program latihan peralihan.

(iv) Memberi khidmat nasihat dan membantu mereka dalam memohon lesen-lesen perniagaan/permit pengangkutan.

(v) Berusaha mendapat pengiktirafan awam kepada tred teknikal tentera supaya mudah mereka diserapkan di sektor swasta.

(vi) Menggalakkan bekas anggota tentera mengikut latihan di dalam bidang teknikal yang diperlukan oleh sektor perindustrian.

PROJEK EIA—PENYELIAAN

11. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan perkara-perkara yang berikut:

- (a) bilangan laporan EIA yang diciplak dan dikesani oleh DOE dan untuk menamakan perunding-perunding yang terlibat;
- (b) sama ada perunding-perunding yang terlibat akan disenaraihitamkan; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi memastikan peringkat penyeliaan terhad terhadap projek-projek EIA yang diluluskan akan diperbeulkan dengan segera.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Peter Chin Fah Kui):

- (a) Setakat ini tiada apa-apa aduan menciplak laporan EIA diterima daripada pihak ketiga atau

"third party," dengan izin, mahupun dikesan oleh Jabatan Alam Sekitar.

- (b) Sekiranya dapat dikenalpastikan mana-mana perunding terlibat di dalam menceklak laporan EIA, tindakan sewajarnya, termasuklah menyenarai hitam perunding berkenaan, akan diambil oleh Jabatan Alam Sekitar.
- (c) Pada umumnya, di dalam mengendalikan laporan EIA mana-mana projek, Jabatan Alam Sekitar membenarkan orang awam meneliti laporan EIA berkenaan untuk ulasan sewajarnya (public document).

Walau bagaimanapun Jabatan Alam Sekitar mempunyai kuasa budibicara untuk menetapkan klasifikasi sebahagian daripada laporan EIA berkenaan, dari semasa ke semasa tertakluk kepada:

- (i) Tahap kepentingan keselamatan negara (national security) sesuatu projek tertentu; dan
- (ii) Fakta-fakta teknikal yang dikemukakan di dalam laporan EIA berkenaan.

Dengan klasifikasi ini, bahagian tersebut tidak boleh dipamerkan untuk tujuan orang awam.

WANG POS—KEKURANGAN

16. Tuan Wong Wing On minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa kini terwujud kekurangan "Wang Pos" (Postal Order) yang bernilai lima dan sepuluh ringgit di Negeri Perak, terutamanya Ipoh dan Kampar, dan nyatakan sebab-sebab serta langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil untuk mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kekurangan wang pos bernilai \$5 dan \$10 telah berlaku di seluruh negara tetapi kekurangan ini adalah sementara sahaja. Ini telah disebabkan kerana pembekal tidak dapat membekalkan pesanan Jabatan Perkhidmatan Pos mengikut jadual, jumlah kuantiti dan masa yang ditetapkan.

Walau bagaimanapun, keadaan kekurangan ini telah pulih dan kedudukan setok sekarang adalah mencukupi dan pihak Jabatan Perkhidmatan Pos telahpun mengambil tindakan sewajarnya supaya kekurangan tidak berlaku lagi.

HOSPITAL DAERAH LABUAN— DOKTOR PAKAR

17. Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) adakah pihak Kememciran akan menyediakan doktor pakar ke Wilayah Persekutuan Labuan, setelah hospital baru siap dibina, dan
- (b) bilakah hospital tersebut dijangka siap dan di gunakan sepenuhnya.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:

- (a) Mengikut perancangan, Kerajaan memang bercadang untuk menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan kepakaran asas, iaitu Perubatan, Pembedahan dan Perbidanan dan Sakitpuan di Hospital Daerah Labuan dalam usaha untuk meningkatkan taraf perkhidmatan hospital tersebut.

- (b) Pembinaan Hospital Daerah Labuan telah dimulakan pada 11 September 1991 dan dijangka siap pada bulan Julai 1993. Perkhidmatan pula dijangka di mulakan menjelang tahun 1993.

**PENSYARAH PENGAJIAN
ISLAM MELANJUTKAN
PELAJARAN**

18. Dr Sanusi bin Daeng Mariok minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah benar pihak berkuasa universiti tempatan lebih mengutamakan pensyarah-pensyarah bahagian pengajian Islam melanjutkan pelajaran ke universiti-universiti Barat dan bukannya universiti-universiti Timur Tengah. Jika benar, apakah rasionalnya sikap dan tindakan seperti ini di pandang dari aspek pengajian Islam.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemilihan tempat untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana dan Ph.D. adalah berdasarkan kepada bidang pengajian yang akan diikuti, reputasi universiti, tempoh pengajian di universiti berkenaan dan terdapatnya penyelia yang akan menyelia kajian akademik yang akan dibuat. Oleh itu adalah tidak benar diutamakan universiti-universiti di negara-negara barat apabila dihantar pensyarah-pensyarah Bahagian Pengajian Islam melanjutkan pelajaran mereka.

SUBSIDI BAJA PADI

19. Tuan Haji Mohamad bin Sabu minta Menteri Pertanian menyatakan bahawa sudah dua musim Kerajaan Pusat tidak memberi baja subsidi secara menyeluruh kepada para petani di Kelantan.

- (a) ke manakah perginya baja peruntukan untuk negeri Kelantan yang diluluskan dalam belanjawan lalu; dan

- (b) adakah Kerajaan bercadang untuk mengedarkan baja tersebut ke negeri-negeri lain.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' S. Subramantam); Peruntukan subsidi baja padi di bawah Rancangan Malaysia Keenam disediakan secara 'block vote' untuk keperluan seluruh negara dun bukannya bekalan baja secara fizikal (stock).

**PERLETAKAN SENJATA PARTI
KOMUNIS MALAYA**

20. Che Ibrahim bin Mustafa minta Menteri Dalam Negeri menyaiaikan:

- (a) jumlah sebenar anggota Parti Komunis Malaya (PKM) yang menyerah diri dan bersetuju untuk kembali ke pangkuan masyarakat;
- (b) nyatakan syarat-syarat yang dikenakan untuk mereka menyerah diri; dan
- (c) apakah Kerajaan benar-benar yakin dengan ikrar dan persetujuan untuk meninggalkan ideologi komunis seperti yang dilafazkan oleh morcka.

**Setiausaha Parlimen Kementerian
Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting):**

- (a) Berikutan dari perjanjian perletakan senjata yang ditandatangani di antara PKM dan Kerajaan Malaysia pada 2 Disember 1989, sejumlah 1,112 ahli-ahli PKM dan bekas anggota-anggota unit bersenjata yang telah dibubarkan telah meletakkan senjata mereka dan kesemua mereka telah ditempatkan di empat perkampungan di Selatan Thailand. Selaras dengan syarat-syarat yang terkandung di dalam Perjanjian

tersebut. seramai 442 daripada mereka telah memohon untuk kembali di negara ini.

- (b) Bagi mereka yang permohonan mereka diluluskan oleh Kerajaan untuk kembali ke negara ini, mereka dikehendaki terlebih dahulu sebelum dibenarkan kembali, menandatangani ikrar taat setia kepada Raja dan Negara serta membuat pengakuan menggugurkan keahlian mereka dalam PKM dan memutuskan segala hubungan dengan PKM dan organisasinya.
- (c) Sungguhpun ahli-ahli PKM yang kembali ke negara ini telah membuat ikrar dan pengakuan untuk berhenti dari menjadi ahli PKM dan memutuskan segala hubungan dengan PKM dan organisasi-organisasi yang berkaitan, namun Kerajaan senantiasa berwaspada dan akan memastikan anggota-anggota PKM yang kembali ke negara ini tidak menjalankan aktiviti-aktiviti yang memudaratkan keselamatan negara. Jika mereka didapati menjalankan kegiatan yang memudaratkan keselamatan negara, tindakan undang-undang sewajarnya akan diambil.

AKTA PERIKANAN—PINDAAN

21. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (d) atas dasar apakah Jemaah Menteri mengarahkan Peguam Negara dan Kementerian Pertanian mengkaji Akta Perikanan 1985, sedang semasa Kerajaan memperkenalkan Akta

ini dahulu, Kerajaan mendakwa ianya membela nasib kaum nelayan; dan

- (b) bilakah Akta ini akan dipinda.

Dato' S. Subramaniam:

- (a) Sejak Akta Perikanan 1985 mula dikuatkuasakan pada 1.1.1986, pihak Kementerian Pertanian Malaysia telah menerima banyak rungutan dan cadangan-cadangan daripada orang-orang awam termasuk dari Persatuan-persatuan Nelayan dan lain-lain pertubuhan yang berkaitan tentang beberapa seksyen dalam Akta berkenaan yang dikatakan telah menimbulkan pelbagai kesulitan kepada nelayan-nelayan. Menyedari hakikat tersebut, Kementerian Pertanian Malaysia telah mengambil langkah untuk meminta cadangan-cadangan dan pandangan-pandangan daripada orang-orang awam termasuk Persatuan Nelayan, individu-individu dan pertubuhan-pertubuhan mengenainya. Walau bagaimanapun hasrat Kementerian ini sebenarnya dalam menggubal Akta Perikanan 1985 adalah untuk menjaga kepentingan nasib nelayan-nelayan tempatan supaya mereka mempunyai peluang yang saksama untuk menerokai sumber-sumber ikan negara. Ini adalah bertujuan untuk mengawal dan mengurus sumber tersebut agar tidak pupus yang mana boleh menjejaskan pendapatan nelayan sendiri.
- (b) Akta Perikanan 1985 ini akan dipinda apabila semakan mengenainya telah selesai.

**TABUNG PEMLIHAN
PROJEK PERUMAHAN
TERBENGKALAI**

22. Dr Nawawi bin Mat Awin minta Menteri Kewangan menyatakan sehingga 30 September, 1991:

- (a) jumlah kes yang diterima untuk pertimbangan Tabung Pemulihan Projek Perumahan Terbengkalai (TPPPT) dan jumlah kewangan serta jumlah unit perumahan yang terlibat;
- (b) jumlah kes dan bantuan kewangan yang diluluskan serta jumlah unit yang terlibat;
- (c) daripada (b), berapa kes dan unit yang telah dan sedang dilaksanakan; dan
- (d) jumlah kes yang di tolak dan yang sedang atau belum diproses dan jumlah unit yang terlibat.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Sejak Tabung Pemulihan Projek Perumahan Terbengkalai diwujudkan dalam bulan Jun 1990, sehingga 30 September 1991, kedudukan permohonan di bawah skim itu adalah seperti berikut:

- (i) Bilangan permohonan yang diterima adalah sebanyak 221 dengan anggaran kos projek sebanyak \$2,160 juta. Ia melibatkan sejumlah 48,874 unit rumah yang terdiri daripada 46,252 unit rumah kediaman dan 2,622 unit rumah kedai;
- (ii) Daripada jumlah itu sebanyak 80 permohonan telah diluluskan dengan bantuan kewangan sejumlah \$253.3 juta. Ia melibatkan 19,332 unit rumah yang terdiri daripada 18,464 unit rumah kediaman dan 868 unit rumah kedai;

- (iii) Sehingga ini hanya 1 projek sahaja yang telah selesai dipulihkan iaitu Projek Perumahan Taman Sri Jelok, Kajang, Selangor. Ia melibatkan 236 unit rumah kediaman. Bantuan yang dikeluarkan bagi memulihkan projek itu ialah sebanyak \$6 juta.

Bilangan projek yang sedang dalam peringkat pelaksanaan sekarang ialah 6. Ia melibatkan 2,360 unit rumah yang terdiri daripada 2,181 unit rumah kediaman dan 179 unit rumah kedai.

Pelaksanaan bagi 73 projek lagi yang telahpun diluluskan bantuan akan dimulakan setelah urusan-urusan berkaitan dengan penyaluran bantuan kepada perohon-pemohon berkenaan disempurnakan nanti.

- (iv) Permohonan yang masih belum dipertimbangkan atau dalam peringkat pemerosesan ialah sebanyak 60. Ia melibatkan 10,789 unit rumah yang terdiri daripada 10,374 unit rumah kediaman dan 415 unit rumah kedai.

Bilangan yang di tolak kerana tidak memenuhi syarat setakat ini adalah sebanyak 54 yang melibatkan 8,617 unit rumah yang terdiri daripada 8,039 unit rumah kediaman dan 578 unit rumah kedai.

**UNIVERSITI TERBUKA—
PENUBUHAN**

23. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menubuhkan sebuah universiti terbuka seperti yang dinyatakan dalam Rangka Rancangan

Jangka Panjang Kedua atau sama ada Kerajaan telah membengkakalaikan idea ini sekurang-kurangnya sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Keenam.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kementerian Pendidikan belum bercadang untuk memperkenalkan konsep Universiti Terbuka seperti di negara-negara barat. Walau bagaimanapun ada di antara aspek-aspek Universiti Terbuka seperti Program Luar Kampus dan sebagainya telah dilaksanakan oleh beberapa institusi pengajian tinggi tempatan.

SEKOLAH AGAMA— PERUNTUKAN

24. Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah Kerajaan Pusat bercadang menambahkan peruntukan kepada sekolah-sekolah agama yang dikendalikan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri, khususnya di Johor, kerana perjalanan sekolah-sekolah agama di Johor memang diakui sebagai yang terbaik di negara ini.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memang peka terhadap masalah atau kesulitan kewangan yang dihadapi oleh sekolah-sekolah agama yang dikendalikan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri termasuklah sekolah-sekolah agama Islam di Negeri Johor. Untuk mengatasi masalah itu Kerajaan atau Kementerian Pendidikan sedang menimbangkan untuk menambah peruntukan kepada sekolah-sekolah berkenaan.

PENSYARAH UNIVERSITI MELETAKKANJAWATAN

25. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Pendidikan menyatakan jumlah pensyarah-pensyarah di universiti

tempatan yang meletakkan jawatan antara Januari hingga Oktober 1991 mengikut pecahan kaum, fakulti dan universiti-universiti terbabit. Nyatakan juga:

- (a) sama ada mereka berhenti disebabkan menerima tawaran gaji yang lebih lumayan;
- (b) disebabkan tidak puas hati dengan pentadbiran universiti-universiti; dan
- (c) disebabkan menyokong aktiviti parti-parti politik pembangkang.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan ini telahpun dijawab di Dewan yang mulia ini pada 7 November, 1991.

PERUMAHAN KOS RENDAH

26. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan mengakui sudah gagal dan tercicir dalam projek khas perumahan kos rendah yang bertujuan untuk membina 240,000 rumah kos rendah dalam tempoh 1986-1989;
- (b) bilangan rumah kos rendah yang sebenarnya dibina di bawah skim tersebut oleh Kerajaan dan sektor swasta; dan
- (c) jangkaan permintaan untuk rumah kos rendah seluruh negara, dengan memberi pecahan angka bagi setiap negeri, pada akhir abad ini dan bagaimana Kerajaan akan memenuhi permintaan itu.

Tuan Osu bin Haji Sukam:

- (a) Program khas perumahan kos rendah sebenarnya tidak gagal, hanya terlewat sedikit

disempurnakan memandangkan suatu kejadian kemelesetan ekonomi seluruh dunia telah berlaku di dalam tempoh yang dijadualkan.

- (b) Setakat ini hampir 100,000 unit rumah telah siap dibina dan lebih kurang 140,000 lagi adalah sedang dihina.
- (c) Mengenai jangkaan permintaan rumah kos rendah, beluina ada kajian yang khusus diadakan untuk rncaksud ini. Walau bagaimanapun, menurut Rancangan Malaysia Keenam sebanyak 126,800 unit rumah kos rendah akan dibina di bawah berbagai program perumahan oleh Kerajaan dan 217,000 unit oleh sektor swasta dalam tempoh 1991-1995. Rumah kos rendah merupakan 60% daripada jumlah sasaran untuk Rancangan Malaysia Keenam,

GURU BAHASA INGGERIS DARI LUAR NEGERI

27. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Pendidikan menyatakan berapakah jumlah guru-guru dari luar negeri yang telah diambil untuk berkhidmat di negara kita. Apakah matapelajaran-matapelajaran yang mereka ajar.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan tidak mengambil guru-guru dari luar negara untuk berkhidmat dalam Perkhidmatan Pendidikan. Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan dari masa ke semasa dengan kerjasama pihak British Council mengambil penasihat-penasihat bahasa Inggeris dari United Kingdom. Penasihat-penasihat tersebut bekerjasama dengan pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan dalam usaha merancang dan melaksanakan program-program bahasa Inggeris.

BAYARAN KADAR ELEKTRIK

28. Datuk Monggoh Orow minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan menurunkan bayaran kadar elektrik di Sabah supaya sama dengan kadar bayaran elektrik di Semenanjung Malaysia. Penurunan ini perlu memandangkan bahawa pengguna-pengguna di luar bandar adalah terdiri daripada golongan yang berpendapatan rendah. Dengan adanya persamaan kadar ini akan menggambarkan bahawa Kerajaan mempunyai pandangan yang serupa terhadap rakyat sama ada di Sabah, Sarawak atau di Semenanjung Malaysia.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Pertanyaan ini telah dijawab semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Tanjung Aru pada 25.10.1991 dan saya tidak bercadang untuk menambah apa-apa.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1992

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1992

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang," dan juga atas masalah:

"Bahawa Usul yang berikut ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$11,522,236,210 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1992, dan bagi tujuan-tujuan dan biuran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1992 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 18 Tahun 1991, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang sedemikian jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran ini di ruangan tujuh dan lapan senarai itu." (*15hb November, 1991*)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, pada hari ini ialah jawapan-jawapan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat Menteri-menteri. Saya memohon Menteri dari Jabatan Perdana Menteri untuk menjawab.

3,35 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan atas dasar-dasar am Belanjawan dan seterusnya memberikan pandangan, teguran dan syor-syor terhadap beberapa perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri.

Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, di dalam perbincangan atas dasar-dasar am Belanjawan, Ahli-ahli Yang Berhormat dibolehkan menyentuh dasar-dasar Kerajaan mengikut peraturan-peraturan

yang ada. Saya mengucapkan setinggi-tinggi lauhiah kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat kerana kesungguhan membantu perjalanan Dewan dengan teratur dan sempurna.

Pada hemat saya, Ahli-ahli Yang Berhormat telah menggunakan kesempatan dengan sepenuhnya di dalam perbincangan atas dasar-dasar am Belanjawan dalam Dewan yang mulia ini. Tidak dapat dinafikan, pendapat-pendapat Ahli-ahli Yang Berhormat sepanjang perbincangan yang baru lalu adalah berdasarkan atas asas dan rasa tanggungjawab kepada rakyat dan negara.

Dalam tempoh perbincangan selama 9 hari itu, beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah menyentuh berbagai perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri yang perlu saya beri penjelasan dan jawapan. Pada keseluruhannya, ramai Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan Wawasan 2020, Rancangan Jangka Panjang, perkhidmatan awam, pen-swastaaan, rasuah, penerapan nilai-nilai Islam dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam, Seputeh, Kok Lanas dan Tanjong membangkitkan tentang Wawasan 2020, yang antara lain mempersoalkan tentang objektif, persediaan dan jangka pencapaiannya.

Kerajaan Barisan Nasional yang memerintah sekarang adalah hasil kesinambungan dari pemerintahan negara sejak Merdeka. Ia merupakan gabungan dan kerjasama yang mantap antara kumpulan-kumpulan etnik di negara ini bertujuan membangunkan negara berlandaskan prinsip yang adil dan saksama. Dengan adanya perancangan dan pengurusan ekonomi yang cekap, negara kita bukan sahaja telah berjaya mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang baik, malahan

dapat mengawal inflasi di peringkat yang rendah. Berasaskan rekod yang telah kita capai inilah, saya yakin dengan izin Allah, kita akan mencapai matlamat Wawasan 2020. Di samping itu, kajian dan penelitian ke aias pencapaian ekonomi serta penganalisaan cabaran-cabaran baru bolehlah dijadikan asas bagi merangka strategi yang lebih kukuh dan jitu untuk memajukan lagi negara ini.

Banyak pertanyaan mengenai Wawasan 2020 telah dijawab sebelum ini, tetapi biarlah secara ringkas saya jelaskan di mana masih dianggap perlu.

Sebagaimana termaklum, Wawasan 2020 merupakan satu arah masa depan negara untuk mencapai matlamat menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara perindustrian yang maju menjelang tahun 2020 dalam berbagai dimensi. Malahan Wawasan ini juga menyatakan perlunya satu usaha yang gigih untuk mempercepatkan proses perindustrian dan mempergiatkan peningkatan pertumbuhan eksport yang mana rakyat perlu berusaha untuk menjadi satu masyarakat yang sanggup bersaing atau competitive, dengan izin, melalui peningkatan dalam daya pengeluaran dan seterusnya berupaya untuk bersaing hebat di peringkat antarabangsa.

Bagi mencapai matlamat Wawasan ini, Kerajaan sedang berusaha untuk mengubah struktur ekonomi. Sebagai langkah pertama, Kerajaan telah menggubal dua dokumen penting pembangunan negara yang telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini iaitu Rancangan Malaysia Keenam (RM6) dan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2).

Wawasan 2020 juga mengambil berat tentang perlunya kestabilan harga. Langkah-langkah mengawal harga ini juga telah diterangkan dengan jelas dalam RM6 di mana inflasi akan dikawal dengan lebih berkesan dan

akan terus diberi keutamaan bagi menjamin kestabilan ekonomi.

Berhubung dengan saranan Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu mengenai cara kita mengukur kekuatan negara semata-mata berdasarkan KDNK atau KNK per kapila adalah tidak benar. Ini hanyalah merupakan salah satu dari petunjuk atau indicator, dengan izin, yang digunakan. Sebenarnya banyak lagi petunjuk-petunjuk lain yang kita gunakan untuk tujuan menilai atau membuat pengukuran, antaranya sumbangan eksport, tingkat penggunaan, pelaburan dan tabungan negara, transformasi structural economy dan banyak lagi. Kedudukan ekonomi yang baik juga dapat dinilai dari segi tingkat pelaburan yang tinggi lerulamanya pihak swasta yang jelas menggambarkan kepercayaan pelabur-pelabur asing terutamanya terhadap kekuatan ekonomi dan kestabilan politik negara ini. Seperti yang diketahui bahawa tabungan kasar negara kita adalah tinggi berbanding dengan negara-negara lain di dunia dan dijangka akan terus meningkat kepada 34% KNK dalam tempoh RM6 berbanding dengan 31% bagi tempoh RM5.

Saya juga ingin menjelaskan bahawa tingkat penggunaan kita telah meningkat iaitu pada kadar 11.2% dalam tempoh 20 tahun lalu. Ini menunjukkan rakyat menikmati kualiti hidup yang bertambah baik. Di samping petunjuk-petunjuk tersebut, Kerajaan juga menilai ekonomi berdasarkan kepada kemajuan dalam corak agihan pendapatan purata isi rumah di antara kawasan bandar dan kawasan luar bandar, antara kautn dan juga antara negeri-negeri. Dalam tempoh RM5, nisbah pendapatan isi rumah kawasan luar bandar berbanding dengan isi rumah kawasan bandar, telah meningkat daripada 53.5% kepada 58.3%. Ini menunjukkan jurang perbelanjaan pendapatan yang semakin

kecil di antara isi rumah di kedua-dua kawasan tersebut. Negeri-negeri yang kurang maju, terutamanya Kedah dan Kelantan telah mengalami peningkatan pendapatan yang ketara. Sebahagian besar daripada pendapatan ini telah dihasilkan oleh peningkatan pendapatan isi rumah luar bandar. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur misalnya telah mencapai pertumbuhan pendapatan isi rumah yang lebih perlahan, pada kadar 1.8% setahun berbanding dengan negeri-negeri Kelantan dan Kedah masing-masing pada kadar 3% dan 4.5%.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan juga turut membuat penilaiannya, berdasarkan kepada kadar kemiskinan. Berbagai usaha telah dijalankan dan hasilnya kadar kemiskinan secara keseluruhannya dikurangkan daripada 20.7% dalam tahun 1985 kepada 17.1% dalam tahun 1990.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah membangkitkan bahawa perkembangan ekonomi dan lain-lain pencapaian sosio ekonomi di bawah Kerajaan Barisan Nasional adalah tidak memuaskan berasaskan angka-angka penumbuhan beberapa negara jiran di rantau Asia Timur bagi satu tempoh yang disebutkan itu. Kita memang tidak menafikan kejayaan negara-negara 'little dragons', dengan izin, seperti yang disebutkan itu dan juga kemajuan rakan-rakan kita di dalam ASEAN, Sebenarnya rantau Asia Timur termasuk juga negara kita, telah mencapai kejayaan dan terkenal sebagai rantau yang paling dinamis di dunia masa kini. Kerajaan dan rakyat patut berbangga dengan kejayaan ini. Kerjasama serantau melalui ASEAN dan kini EAEC dan APEC yang didokong secara aktif oleh Kerajaan, menekankan bahawa kemajuan bersama wujud atas usaha bersama yang diasaskan di atas perdagangan dan juga pergerakan modal serta pelaburan yang bebas antara negara-negara di rantau ini.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita bukan sahaja telah berjaya mengekalkan pertumbuhan ekonomi pada kadar sebenar 6.7% setahun pada tahun 1971 hingga 1990 tetapi telah berjaya mengawal kenaikan harga di peringkat yang rendah pada kadar 4.6% setahun. Di samping itu kadar tukaran ringgit telah dikekalkan di peringkat yang stabil sepanjang tempoh tersebut. Misalnya, pada tahun 1970 tukaran ringgit dengan dollar Amerika adalah M\$3.08 kepada US\$1.00, kini ianya hanya M\$2.75 kepada US\$1.00.

Dalam pada itu kadar tabungan telah meningkat dari 20% KNK dalam tahun 1970 kepada lebih daripada 30% masa kini. Pertumbuhan eksport telah dapat dikekalkan di tahap yang tinggi sebanyak 15% setahun pada kadar nominal secara yang berterusan. Di samping itu, kita berasa bangga di atas usaha mencapai matlamat-matlamat sosio-ekonomi terutama dari segi pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat serta meninggikan taraf hidup rakyat. Pengurusan ekonomi yang cekap adalah tunjang bagi mengekal dan seterusnya meningkatkan kemajuan negara pada masa ini dan akan datang. Kita juga telah dapat mengatasi ancaman pihak komunis yang tercetus sejak pertengahan tahun 1940an dan berjaya mengekalkan perpaduan masyarakat antara kaum di negara ini.

Mengenai dakwaan kononnya Kerajaan tidak berusaha untuk mewujudkan bangsa Malaysia, perlulah diterangkan bahawa tidak cukup dengan hanya mengatakan bahawa kita adalah non-communal, dengan izin, seperti yang dilaungkan oleh parti Ahli Yang Berhormat yang berkenaan. Kerana setelah membuat laungan itu mereka sebenarnya menerajui kepentingan yang sempit untuk satu kaum sahaja. Ini merupakan satu taktik politik yang tidak sihat, yang bukan sahaja tidak realistik tetapi juga tidak

jujur dan memutarbelit. Ahli Yang Berhormat yang berkenaan mendakwa kononnya kita ketinggalan peluang menjadi sebuah negara maju adalah disebabkan sikap Kerajaan kepada pengaliran keluar cendekiawan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara pengaliran keluar kepakaran atau brain drain, dengan izin, dan cadangan mengadakan program menarik golongan ini pulang ke Malaysia, pernah ditimbulkan di Dewan yang mulia ini. Sebenarnya penghijrahan cendekiawan keluar negeri tidak sahaja berlaku di negara kita, malah negara-negara lain termasuk negara jiran dan negara-negara maju mengalami masalah yang sama. Kita tidak boleh menyekat mereka yang ingin berhijrah keluar negeri untuk mencari rezeki dan peluang pekerjaan yang baik. Malah Kerajaan mengamalkan dasar kebebasan bergerak bagi rakyat Malaysia untuk keluar ke negara-negara lain dan kembali ke Malaysia bila-bila masa sahaja, ini adalah selaras dengan amalan demokrasi yang diamalkan oleh negara ini. Adalah tidak wajar Kerajaan berbelanja dan membuang tenaga untuk menarik mereka yang meninggalkan negara, kembali ke Malaysia.

Berkenaan dengan penswastaan pula, Ahli Yang Berhormat dari Sibul dan Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi telah membangkitkan beberapa perkara. Di antaranya ialah mengenai cadangan supaya semua projek penswastaan dibuat melalui tawaran berasingan, harga perkhidmatan yang diswastakan tidak dinaikkan, penswastaan tidak diberikan kepada syarikat yang dikawal oleh parti politik. Perkhidmatan perlu disediakan kepada golongan miskin walaupun tidak menguntungkan. Kakitangan awam yang terlibat tidak dilayan dengan buruk dan peruntukan-peruntukan kontrak mestilah adil kepada semua pihak.

Sukalah saya memaklumkan bahawa adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk menswastakan perkhidmatannya melalui sistem tawaran bersaing atau competitive bidding, dengan izin. Dengan cara demikian pihak yang berminat dapatlah menyertai program penswastaan Kerajaan secara adil.

Sebagaimana termaklum, perkara ini lelahpun diterangkan dalam dokumen Pelan Induk Penswastaan Kerajaan yang dikeluarkan baru-baru ini. Sungguhpun begitu, Kerajaan juga bersedia menimbang cadangan daripada pihak swasta berdasarkan prinsip yang dahulu didahulukan dengan syarat memenuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan sahaja untuk memberi ganjaran ke atas daya cipta dan juga menggalakkan pembangunan keusahawanan.

Mengenai bayaran perkhidmatan bagi agensi yang diswastiakan, saya menjelaskan bahawa kadar bayaran sesuatu perkhidmatan yang diswastiakan bukanlah boleh dinaikkan sesuka hati oleh pihak swasta. Sebarang cadangan kenaikan hendaklah berdasarkan prinsip-prinsip tertentu yang perlu dilcrima oleh Kerajaan terlebih dahulu, Walau bagaimanapun, adalah menjadi harapan Kerajaan supaya kadar bayaran yang dikenakan adalah berpatutan dan tidak membebankan pengguna.

Berhubung dengan penyertaan syarikat-syarikat yang dikawal oleh parti politik tidak dibenarkan melibalkan diri dalam projek-projek penswastaan, saya suka menjelaskan bahawa Kerajaan berpendapat semua syarikat yang berdaftar dan mempunyai kemampuan bagi menjayakan penswastaan sesuatu projek seharusnya diberi peluang bagi mengemukakan cadangan penswastaan. Kerajaan akan hanya meneliti dan memilih cadangan yang terbaik dengan mengambilkira faedah pulangan kepada Kerajaan dan

juga orang ramai. Prosedur pemilihan sepertimana yang ditetapkan dan juga pemberian kontrak akan diikuti lanpa 'bias', dengan izin, kepada mana-mana pihak.

Berkaitan dengan saranan Yang Berhormat supaya perkhidmatan disediakan kepada golongan miskin walaupun syarikat akan mengalami kerugian, sukaiah dimaklumkan bahawa sememangnya peruntukan tersebut dimasukkan dalam perjanjian projek-projek penswastaaan supaya pihak yang mengambil perkhidmatan bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan kepada golongan yang miskin. Kerajaan juga memberi perhatian yang berat terhadap nasib kakitangan badan atau syarikai yang diswastakan. Kerajaan telah menetapkan supaya syarat-syarat yang ditawarkan kepada kakitangan secara keseluruhannya hendaklah tidak kurang daripada ganjaran atau faedah yang diterima semasa berada dengan Kerajaan. Yang nyata, kebanyakan kakitangan agensi yang diswastakan telah menikmati ganjaran yang baik. Akibat dari keadaan ini, terdapat Kesatuan Sekerja Agensi-agensi Kerajaan yang mana kedudukannya masih dalam proses untuk diswastakan telah meminta supaya pelaksanaan penswastaaan agensi berkenaan dipercepatkan.

Tuan Yang di-Periua, berhubung dengan penyertaan ekuiti, sukaiah saya memaklumkan bahawa peluang untuk menjayakan dasar penswastaaan sememangnya dibuka kepada semua pihak, termasuklah kepada pelabur-pelabur asing dengan syarat mereka memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Sungguhpun begitu, keutamaan akan diberi kepada warganegara Malaysia.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar telah mencadangkan supaya Kerajaan menyemak semula kedudukan pekerja-pekerja asing dan pegawai dagang di

negara ini. Sukacita saya menerangkan bahawa Kerajaan sentiasa mengkaji dan menyemak dasar pengambilan mereka untuk memastikan ia mengikut matlamat dasar pengambilan lenaga kerja dari luar. Sebenarnya peraturan-peraturan yang menggariskan syarat-syarat yang membolehkan penggunaan tenaga manusia asing dan tempoh perkhidmatan mereka sedia ada.

Untuk makluman Yang Berhormat berkenaan, bagi syarikat yang membuat permohonan pelaburan dalam tempoh 1hb Oktober, 1986 hingga 31hb Disember, 1991 dengan modal asing berbayar atau, dengan izin, foreign paid-up capital, sebanyak USS2 juta atau lebih diberi kebenaran mengambil seramai 5 orang pegawai dagang bagi memegang jawatan penting di syarikat berkenaan. Syarikat yang mempunyai modal asing berbayar sebanyak \$500,000 pula dibenarkan mengambil seorang pegawai dagang untuk memegang jawatan penting. Bagi jawatan Eksekutif yang memerlukan kelayakan ikhtisas dan pengalaman praktikal, pengisian jawatan ini oleh pegawai dagang hanya diberi kebenaran maksimumnya selama 10 tahun. Kebenaran mengambil pegawai dagang untuk mengisi jawatan bukan Eksekutif, iaitu jawatan yang memerlukan kemahiran dan pengetahuan teknikal pula diberikan selama 5 tahun. Walau bagaimanapun, kebenaran mengisi kedua-dua jawatan tersebut oleh pegawai dagang diberikan dengan syarat rakyat Malaysia dilatih untuk mengambilalih jawatan tersebut kelak.

Selain daripada jawalan-jawatan yang diberi kebenaran mengikut pertimbangan pelaburan, pekerja-pekerja asing juga diberi kebenaran selama 2 tahun untuk bekerja dalam pekerjaan-pekerjaan lain yang dikenalpasti mengalatkan kekurangan pekerja tempatan. Dalam pelaksanaan dasar pengambilan tenaga kerja dari

luar negeri, tumpuan sepenuhnya adalah diberi unjuk menjaga kedudukan dan kepeniingan rakyat Malaysia. Oleh yang demikian, kedudukan pegawai dagang lidaklah bercanggah dengan matlamat dasar pengambilan mercka.

Mengenai kepincangan dalam Skim Perkhidmatan Pegawai dan Kakitangan Kumpulan Sokongan yang diiimbalkan oleh Yang Berhormat dari Bayan Baru, sukacita saya maklumkan bahawa dalam penggubalan Sisiem Saraan Baru (SSB), peluang juga diambil untuk memperbaiki skim-skim perkhidmatan dalam perkhidmatan Kerajaan. Di antara prinsip pembentukan skim perkhidmatan ialah unjuk menimbangka kaedah-kaedah, untuk menarik calon-calon yang berkelayakan masuk ke sesuatu perkhidmatan dan mengekalkan mereka berkhidmat dengan Kerajaan. Pertimbangan yang sama dibuat bagi perkhidmatan profesional, termasuk pensyarah dan Skim Perkhidmatan Kumpulan Sokongan yang ada masalah dari segi bekalan dan permintaan. Di bawah Sistem Saraan Baru, pertimbangan peningkatan tidak lagi dibuat secara menyeluruh mengikut konsep 'across the board', dengan izin. Pertimbangan mengikut merit dalam sesuatu perkhidmatan diambilkira berdasarkan kedudukan masing-masing. Aspek-aspek tanggungjawab, kemajuan kerjaya serta bayaran elaun tertentu diberi pertimbangan yang sewajarnya sebagai insentif untuk mengekalkan mereka dalam perkhidmatan berkenaan.

Mengenai cadangan Yang Berhormat supaya Kerajaan mengurangkan atau menyelaraskan 474 skim perkhidmatan yang ada, sebenarnya Kerajaan mendapati perlu supaya struktur perkhidmatan bagi keseluruhan sektor awam ini disusun semula. Kesemua perkhidmatan-perkhidmatan yang lerdapat sekarang dalam sektor awam akan digolongkan

kepada 19 klasifikasi perkhidmatan. Selaras dengan iiu, skim-skim perkhidmatan yang wujud dibahagi-bahagikan di bawah klasifikasi-klasifikasi perkhidmatan tertentu mengikut bidang fungsi. Adalah dijangka bahawa strukir baru perkhidmatan ini melibalkan perubahan kepada skim-skim perkhidmatan. Bilangan skim perkhidmatan juga dapat dikurangkan yang meliputi pengurangan peringkat hirarki yang difikirkan kurang perlu. Ini dilakukan melalui antaranya, penggabungan skim-skim yang serupa dan menggugurkan skim-skim yang tidak perlu lagi. Tujuannya ialah untuk memperkembangkan susunan organisasi, meninggalkan penggunaan tenaga kerja secara optima, di samping menitikberatkan kemajuan kerjaya dalam perkhidmatan awam.

Unjuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan belum bercadang menubuhkan Majlis Upahan Kebangsaan sepertimana yang dimaksudkan itu. Pcraturan-PCRaturan scria jentera Kerajaan yang sedia ada sudahpun mencukupi bagi menguruskan hal-hai gaji dan upahan.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Tuan Yang di-Pertua, penetapan tanggungaji maksimum dalam Sistem Saraan Baru seharusnya tidak dianggap sebagai suatu halangan kepada kemajuan pekerja. Dalam struktur jadual gaji metrik di bawah Sistem Saraan Baru, seseorang yang berprestasi baik atau cemerlang tidak semestinya menunggu tempoh lama untuk mencapai gaji maksimum oleh kerana peningkatan gaji mereka boleh mengikut cara menegak atau melintang. Mereka yang sampai ke peringkat tiga dalam sesuatu jadual metrik berkenaan akan dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat atau gred dalam tempoh masa yang lebih cepat. Adalah tidak benar bahawa Kerajaan tidak pernah

mengkaji kedudukan gaji pokok minimum kakitangan rendah. Sepertimana Yang Berhormat sedia termaklum, Jawatankuasa Gaji Kabinet 1976 telahpun mengamalkan prinsip gaji bersih dalam menetapkan tanggagaji bagi sektor awam yang antara lain mengambilkira menampung keperluan-keperluan asas seperti makanan, pakaian dan perumahan. Seianjutnya Kerajaan telah meluluskan Elaun Khidmat Awam dalam tahun 1980 yang bertujuan menambah pendapatan pekerja rendah disebabkan kos kenaikan sara hidup. Pada prinsipnya penetapan gaji adalah berujuan membolehkan pihak pekerja menampung keperluan-keperluan asas hidup.

Selain daripada itu, prinsip kadar upahan mengikut kerja juga diambil kira. Ini bermakna bahawa penetapan gaji dikaitkan dengan jenis kerja serta tahap kelulusan ataupun kemahiran yang diperlukan. Dalam menggubal Sistem Saraan Baru yang akan berkuatkuasa mulai 1hb Januari 1992 itu, Kerajaan telahpun mengambilkira kedua-dua faktor tersebut dalam menetapkan pertambahan kepada gaji pokok sekarang pada kadar antara 8% hingga 10% berdasarkan klasifikasi perkhidmatan.

Ini dengan jelas menerangkan bahawa struktur gaji yang berbentuk metrik di bawah Sistem Saraan Baru itu memberi peluang bagi peningkatan gaji kepada pekerja-pekerja berdasarkan prestasi masing-masing. Setiap pekerja berpeluang terus memastikan ianya menikmati peningkatan gaji bagi tahun-tahun yang akan datang sekiranya menunjukkan prestasi yang baik.

Pada umumnya, perubahan-perubahan tersebut serta struktur gaji yang lebih baik disertai dengan sistem peningkatan gaji berdasarkan prestasi diharapkan dapat menarik dan mengekalkan anggota-anggota sektor

awam yang berkaliber, rajin dan berkualiti. Perlu juga dijelaskan bahawa selaras dengan prinsip prestasi baik di bawah Sistem Saraan Baru, peningkatan gaji bukanlah bertujuan untuk disesuaikan atau setimpal dengan kos sara hidup seperti mana yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat. Di sebaliknya, peningkatan gaji adalah diasaskan kepada apresiasi seseorang pekerja supaya ianya merupakan satu faktor motivasi sedia ada, in built, dengan izin, yang bertujuan memberi galakan kepada pekerja mencapai tahap prestasi yang paling baik atau cemerlang. Walau bagaimanapun, di bawah SSB, Kerajaan akan mengkaji semula syarat-syarat perkhidmatan pekerja termasuk juga pekerja-pekerja sambilan.

Tuan Yang di-Pertua, menjawab perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Arau mengenai keperluan untuk menyusun semula struktur organisasi perkhidmatan awam di peringkat pelaksanaan, Kerajaan telahpun mengambil langkah sewajarnya untuk mempertingkatkan keupayaan pentadbiran daerah. Di samping menaikkan taraf jawatan Pegawai Daerah dari gred Tingkatan Tertinggi 'G' ke Tingkatan Tertinggi 'F*' supaya pegawai yang lebih berpengalaman memegang jawatan-jawatan berkenaan, Kerajaan juga telah mewujudkan jawatan-jawatan tambahan di unit-unit pembangunan di bawah organisasi pentadbiran daerah.

Keputusan untuk menyusun semula struktur organisasi perkhidmatan awam di peringkat pelaksanaan dibuat ekoran daripada pelaksanaan penyusunan semula struktur baru perkhidmatan pentadbiran dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan yang berkuatkuasa pada 1hb April tahun 1989.

Mengenai kajian semula Perintah Am bagi disesuaikan dengan keadaan semasa, Kerajaan akan meminda beberapa peruntukan Perintah Am

supaya disesuaikan dengan Sistem Saraan Baru Perkhidmatan Awam dan keperluan masa depan perkhidmatan awam dan negara.

Yang Berhormat dari Pasir Mas telah mencadangkan agar Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Kumpulan 'A' dibenarkan bergiai dalam politik. Sebagaimana Yang Berhormat maklum, Perintah Am 19(2)....

Tuan Haji Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah); (*Bangitn*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin); Yang Berhormat, hendak beri jalan? Sebentar ya.

Tuan Haji Ibrahim bin Pateh Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, kuorum tidak cukup.

Timbalan Yang di-Pertua, (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tidak cukup kuorum?

Tuan Haji Ibrahim bin Pateh Mohamad: Tak cukup kuorum.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Setiausaha, kira. Sebentar ya.

(*Ahli-ahli dikira, kurang 26 Ahli hadir*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Bunyikan loceng.

Loceng dibunyikan.

(*Ahli-ahli dikira, lebih 26 Ahli hadir*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kuorum lebih dari cukup. Yang Berhormat Menteri, sila teruskan.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Sebagaimana Yang Berhormat maklum, Perintah Am 19(2), Perintah Am Bab 'D' tahun 1990 menyalakan pegawai-pegawai dalam Kumpulan 'A' adalah dilarang mengambil bahagian dalam kegiatan-kegiatan politik dan hendaklah bersikap berkecuali mengenai perkara-perkara yang bercorak politik. Sebagaimana yang icrmaklum, pegawai-pegawai dari Kumpulan 'A' dikehendaki memberi taat setia kepada Kerajaan yang memerintah atau Government of the day, dengan izin. Mereka merupakan golongan yang melaksanakan dasar-dasar Kerajaan tanpa menyebelah bahagi. Sekiranya mereka dibenarkan mengambil bahagian dalam politik, sudah tentu mereka tidak lagi dianggap berkecuali dalam hal-hal politik dan besar kemungkinan akan timbul keadaan berat sebelah dalam menjalankan dasar-dasar Kerajaan.

Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang juga termasuk dalam golongan yang membuat dan melaksanakan dasar-dasar Kerajaan tidak diberi pengecualian dalam perkara ini. Sekiranya pengecualian diberikan kepada Pegawai-pegawai Perkhidmatan Pendidikan, pegawai-pegawai dalam perkhidmatan-perkhidmatan yang lain dalam kumpulan yang sama akan membuat permohonan yang serupa. Akhirnya akan wujud kumpulan-kumpulan politik di kalangan pegawai-pegawai Kumpulan 'A' dan ini akan memecah-belah dan menjejaskan perkhidmatan awam.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat lelah menyentuh dasar penerapan nilai-nilai Islam yang didakwa tidak berkesan berbanding dengan cara yang dilaksanakan oleh kepimpinan Kerajaan Kelantan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menjamin pembangunan negara berjaya Kerajaan Pusat memang

mengambil berat mengenai program penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran Kerajaan. Hal ini jelas menampakkan hasilnya di mana kesedaran dan penghayatan terhadap nilai-nilai Islam di kalangan pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan makin meningkat. Minat untuk melaksanakan kehendak dan spirii Islam yang sedang berjalan dengan wajarnya telah makin meningkat.

Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, melalui penghayatan ajaran Islam, kita dapat memahirkan rakyat yang taat setia.....

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad (Pengkalan Chepa): (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Pengkalan Chepa bangun, hendak beri jalan?

Dalo' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tidak. Jawapan saya ada 32 muka, jadi ini panjang ceritanya.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tak beri jalan? Minta penjelasan sedikit.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tidak.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tak beri jalan Yang Berhormat.

Dato* Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, melalui penghayatan ajaran Islam kita dapat melahirkan rakyat yang taat setia kepada Allah. Melalui penghayatan nilai-nilai amanah, jujur, dedikasi dan seumpamanya, maka negara akan menjadi lebih kuat daripada sebuah negara atau

Kerajaan yang hanya mementingkan soal luaran sahaja.

Untuk melahirkan individu yang amanah, jujur dan dedikasi adalah lebih sukar daripada melahirkan individu yang mementingkan soal-soal yang remeh-temeh dan superficial, dengan izin.

Penerapan nilai-nilai Islam yang tidak berjalan di Kelantan sekarang adalah hanya di peringkat permulaan tetapi apa yang dijalankan oleh Kerajaan Pusat sebenarnya telah pun sampai ke peringkat yang lebih tinggi dan sophisticated, dengan izin, kerana ia telah berjaya menguruskan pentadbiran negara dan sistem ekonomi negara sehingga berjaya mewujudkan berbagai institusi sosial dan ekonomi sesuai dengan ajaran Islam dan spirit Islam itu sendiri bagi memenuhi tuntutan fardu ain dan fardu kifayah.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan jentera Kerajaan sekarang ini bolehlah dikatakan bahawa melalui program-program yang dilaksanakan telah mewujudkan satu perkhidmatan awam yang benar-benar dapat mempamerkan ciri-ciri kecemerlangan antaranya ialah program pengurusan dan peningkatan kualiti dan produktiviti, program mempermudah peraturan-peraturan dan prosedur-prosedur yang khusus mengkaji dan mengenalpasti strategi bagi memudahkan urusan dan tindakan harian terutama dalam pengeluaran lesen yang berkaitan.

Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa juga menggambarkan seolah negara ini sekarang penuh dengan maksiat dan keruntuhan akhlak dan rakyat negara ini sedang menghadapi krisis moral. Nyatalah bahawa tuduhan itu adalah satu perkara yang sengaja diperbesar-besarkan tanpa berdasarkan maklumat dan data yang betul. Kalau ditinjau dari segi kesedaran keagamaan

umat Islam pada masa ini dan dibandingkan dengan 20 tahun yang lepas, adalah jauh lebih baik. Kebangkitan kesedaran keagamaan di kalangan umat Islam di negara ini dan penghayatan ajaran agama Islam yang dapat disaksikan di merata-rata tempat sama ada negara ini adalah hasil daripada usaha Kerajaan yang berterusan.

Yang Berhormat berkenaan mungkin melihat Islam dalam konteks yang sempit dan menganggap bahawa program Islam adalah berbentuk ceramah-ceramah agama atau membaca Al-Quran dan oleh yang demikian, beliau tidak dapat melihat program seperti itu dalam Rancangan Malaysia Keenam. Sebaliknya jika Islam itu difahamkan dalam konteks yang lebih luas tneliputi keseluruhan cara hidup maka sudah pasti Yang Berhormat dapat lihat bahawa Rancangan Malaysia Keenam adalah mengandungi rancangan-rancangan yang menerapkan nilai-nilai Islam yang mengandungi program-program pendidikan agama Islam. Malahan rancangan pembangunan ekonomi dan sosial umat manusia itu di samping mewujudkan keadilan sosial adalah merupakan pendekatan dan amalan yang bercorak Istim.

Yang Berhormat dari Marang telah mencadangkan supaya Kerajaan menubuhkan Badan Pencegah Kemungkaran. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, tanggungjawab mencegah kemungkaran bukanlah di bawah tanggungjawab Kerajaan semata-mata. Setiap anggota masyarakat termasuk persatuan dan pertubuhan orang Islam adalah sama-sama bertanggungjawab untuk mencegah kemungkaran, Undang-undang jenayah dan lain-lain undang-undang yang ada sekarang adalah juga bertujuan mencegah kemungkaran dan Kerajaan telah memainkan peranan dalam mencegah kemungkaran melalui agensi-agensi

seperti pasukan Polis, Badan Pencegah Rasuah dan pihak-pihak berkuasa tempatan. Di samping itu, Majlis-majlis agama Islam Negeri juga mempunyai kuasa di bawah undang-undang dalam mencegah kemungkaran ini. Oleh yang demikian, Badan Pencegah Kemungkaran yang dicadangkan itu tidaklah perlu ditubuhkan.

Di samping itu, umat Islam di negara ini termasuk parti PAS sama-sama bertanggungjawab dalam usaha mencegah kemungkaran ini. Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan projek-projek pembangunan yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan adalah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. Di negeri-negeri di mana Kerajaan Negeri telah membuktikan mampu bekerjasama penuh dengan Kerajaan Persekutuan dalam melaksanakan projek-projek pembangunan Kerajaan meneruskan peraturan yang diamalkan selama ini iaitu menggunakan jentera pentadbiran Kerajaan Negeri untuk melaksanakan sebahagian daripada projek-projek pembangunan tersebut. Sepatutnya Ahli Yang Berhormat berkenaan berterima kasih dengan penubuhan Jabatan Pembangunan Persekutuan atau JPP di negeri Kelantan dan seierusnya memberi kerjasama penuh kepada Jabatan ini uniuik melaksanakan projek-projek pembangunan.

Mengenai penyekatan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan menjadi Pengerusi Kerja Keselamatan Negeri atau JKKN Kelantan adalah tidak benar. Ini adalah kerana Pengerusi Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri Kelantan sebagaimana yang termaktub di dalatn arahan MKN No. 12 ialah Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan. Walau bagaimana pun, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Pengarah Gerakan Negera di bawah kuasa-kuasa yang d.iberikan di bawah arahan MKN berhak menentukan siapa yang boleh

dilantik sebagai Pengerusi JKKN. Dalam hubungan ini juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Pengarah Gerakan Negeri juga telah mengambilalih tanggungjawab Pengarah Gerakan Negara yang dahulunya disandang oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan atas sebab-sebab keselamatan,

Berkaitan dengan masalah pendatang luar negeri di negeri Sabah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Koia Belud, perlu dijelaskan bahawa Pasukan Petugas Khas Persekutuan baru sahaja selesai menjalankan pendaftaran semua pendatang luar negeri di negeri Sabah. Tindakan seterusnya ialah untuk mengkategorikan mengikut taraf yang ditetapkan iaitu jenis pelarian, buruh asing dan pendatang haram. Laporan mengenai proses ini akan dikemukakan kepada MKN untuk menentukan tindakan yang harus diambil terhadap pendatang-pendatang haram negeri Sabah. Walau bagaimanapun, Pasukan Petugas Khas tersebut telahpun mengambil tindakan menghantar mereka yang dikenalpasti sebagai pendatang haram pulang ke negeri asal mereka dan gerakan ini akan diteruskan dari masa ke semasa.

Di samping itu, Kerajaan tidak pernah memberi kad pengenalan biru kepada pendatang luar negeri khususnya dari Pilipina. Kerajaan hanya memberi kad pengenalan biru kepada warganegara Malaysia. Sekiranya Yang Berhormat berkenaan menyedari ada pendatang luar negeri yang mendapat kad pengenalan biru yang palsu, beliau seharusnya melaporkan perkara ini kepada pihak Polis supaya tindakan sewajarnya dapat diambil.

Ahli Yang Berhormat dari Sibn telah menyentuh tentang bantuan kepada rakyat termiskin. Berhubung dengan perkara ini, sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan akan terus membantu

golongan ini dengan menyediakan peluang-peluang bagi meningkatkan pendapatan serta taraf hidup mereka. Kira-kira \$600 juta telah diperuntukan di bawah Program Pembangunan Rakyat Termiskin atau PPRT bagi tempoh Rancangan Malaysia Keenam yang meliputi program-program bantuan kebajikan, latihan, kemahiran, bantuan rumah, program ekonomi dan penyediaan kemudahan asas. Program-program ini bertujuan membolehkan golongan termiskin membebaskan diri dari cengkaman kemiskinan dan tidak terus ketinggalan dari arus pembangunan negara. Pengagihan peruntukan di bawah program ini adalah berdasarkan keperluan negeri-negeri dan juga tahap kemiskinan. Berdasarkan kriteria-kriteria ini, pembahagian peruntukan di bawah program ini akan memastikan bahawa negeri-negeri yang mempunyai ramai rakyat yang termasuk di bawah kumpulan rakyat termiskin mendapat peruntukan yang setimpal dengan keadaannya.

Di samping itu juga, Kerajaan sedang merangka satu pakej khas untuk golongan termiskin di negeri Sabah dan negeri Sarawak bagi membantu penduduk-penduduk rumah panjang dan di kawasan-kawasan terpencil di negeri-negeri tersebut. Usaha ini ialah untuk memastikan bantuan kepada golongan termiskin ini benar-benar memberi manfaat kepada golongan sasaran.

Mengenai rasuah pula, Ahli Yang Berhormat dari Marang telah membangkitkan tentang ada orang-orang politik telah mengganggu tindakan-tindakan oleh pihak BPR ke atas orang-orang tertentu di mana apabila badan ini ingin mengambil tindakan, pegawai BPR yang berkenaan ditukar dengan serta-merta.

Tuan Yang di-Pertua, dakwaan dari Ahli Yang Berhormat berkenaan adalah tidak benar sama sekali kerana Badan

Pencegah Rasuah telah diberi sepenuh kebebasan sebagai sebuah Jabatan untuk menyiasat sena mengambil tindakan undang-undang ke atas orang-orang yang didapati melakukan penyelewengan dan rasuah. Manakala itu pertukaran seseorang pegawai BPR adalah merupakan satu proses biasa yang diamalkan oleh badan berkenaan dan ianya tidak ada kena-mengena dengan apa-apa tugas yang sedang dijalankan oleh pegawai tersebut. Sesebuah kes yang telah dibuka siasatan oleh BPR tidak akan dilutup walaupun pegawai penyiasat khas diuikarkan dan badan ini akan memastikan bahawa semua kes yang disiasat itu disempurnakan.

Ahli Yang Berhormat dari Padas juga telah membangkikan soal ketinggalan atau kurangnya pembangunan yang berlaku di Sabah khususnya dari segi pembinaan jalan raya dan bekalan elektrik untuk kawasan pedalaman. Sukalah ditegaskan bahawa Kerajaan Persekutuan tidak mengabaikan keperluan pembangunan semua negeri termasuk Sabah. Walau bagaimanapun, kita tidak boleh memberi keistimewaan kepada negeri Sabah tetapi kita wajar menilai dan meneliti keadaan di semua negeri dalam Malaysia. Sehubungan dengan ini, pengagihan peruntukan pembangunan mengikut negeri-negeri dibuat secara rasional dengan mengambil kira segala faktor yang perlu untuk diberi pertimbangan.

Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan pembangunan Kerajaan Persekutuan bagi negeri Sabah tetap tinggi jika dilihat dari peruntukan diluluskan bagi Rancangan Malaysia Keenam bagi Sabah mendapat sebanyak \$2,307 juta atau 4.2% dari jumlah keseluruhan peruntukan pembangunan Kerajaan Persekutuan. Di bawah Rancangan Malaysia Kelima dahulu, sejumlah \$2,083 juta telah dibelanjakan bagi Sabah.

Patut diingat bahawa beberapa negeri di Semenanjung mendapat peruntukan yang kurang dari jumlah tersebut. Misalnya, negeri Kelantan sebanyak \$2,064 juta, Melaka sebanyak \$924 juta, Negeri Sembilan sebanyak \$1,548 juta, Perlis sebanyak \$505 juta dan Pulau Pinang sebanyak \$1,548 juta.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rancangan Malaysia Keenam, sebanyak \$5,234 juta diperuntukkan bagi pengangkutan jalan raya dan dari jumlah tersebut negeri Sarawak disediakan sebanyak \$786.8 juta atau 15% daripada peruntukan tersebut. Ini merupakan peruntukan yang terbesar berbanding dengan negeri-negeri di Semenanjung. Begitu juga halnya dengan peruntukan bekalan air luar bandar. Walau bagaimanapun, sistem perhubungan akan dipertingkatkan lagi di negeri Sarawak selaras dengan usaha-usaha meningkatkan lagi integrasi nasional.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan teguran Ahli-ahli Yang Berhormat dari Seputeh dan Puchung mengenai banjir kilat dan rumah setinggan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, sukacita dimaklumkan bahawa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sedar tentang banjir kilat di sepanjang Sungai Kerayong, Jalan Chan Sow Lin, Jalan Kelang Lama dan Sungai Besi. Punca utama berlaku banjir kilat adalah disebabkan kedudukan rumah-rumah berkenaan yang lebih rendah daripada paras tebing Sungai Kerayong. Walau bagaimanapun, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tetap memberi bantuan kepada mangsa-mangsa banjir di sekitar kawasan-kawasan yang terlibat.

• Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, projek pembangunan semula setengah-setengah kawasan seperti Kampung Sentosa, adalah

merupakan projek penswastan yang bertujuan membangunkan semula kampung-kampung setinggan yang bermula sejak tahun 1985. Adalah tidak benar dakwaan yang mengatakan bahawa harta-benda penghuni-penghuni setinggan di kawasan tersebut telah dimusnahkan semasa tindakan pemindahan dilakukan. Di samping itu, Dewan Bandaraya juga telah dapat bekerjasama dengan Tenaga Nasional untuk memastikan bekalan-bekalan elektrik disalurkan kepada rumah-rumah setinggan yang berdaftar di kawasan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Kerajaan juga akan mengambil perhatian mengenai masalah kesesakan lalulintas dan perkhidmatan pengangkutan awam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa tugas dan bidang kuasa Jabatan perdana Menteri adalah terlalu luas, saya mungkin tidak sempat menjawab setengah-setengah perkara yang dibangkitkan semasa menggulung perbahasan ini. Walau bagaimanapun, sebahagian besar daripadanya telahpun dijawab semasa Pertanyaan bagi Jawab Mulut.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga, perkara-perkara yang tidak dapat dijawab akan diambil perhatian oleh Jabatan ini. Akhir kaia, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan serius-syor yang berguna yang menyentuh tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri. Perkara-perkara tersebut akan dijadikan panduan dalam menggubal dan melaksanakan dasar-dasar Kerajaan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin); Kementerian Dalam Negeri.

4.24 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri, sukacita saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan leguran di atas dasar dan bidang kuasa Kemenerian Dalam Negeri. Di antara perkara-perkara yang telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat adalah mengenai Akta Keselamatan Dalam Negeri, Akta Polis, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, Akta Hasutan, Akta Dadah Berbahaya, masalah pendatang tanpa izin dan pekerja asing dan beberapa isu lain yang berkaitan dengan langgungjawab dan bidang tugas Jabatan-jabatan di bawah Kementerian Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Tanjong dan Yang Berhormat dari Sungai Besi mendakwa Kerajaan cuba mengharamkan parti-parti Pembangkang daripada menghasil, menerbit dan mengedarkan penerbitan politik kepada masyarakat awam Malaysia.

Berhubung dengan perkara tersebut sukalah saya menegaskan di sini iaitu Kerajaan bersikap liberal mengenai kebebasan bersuara mengikut Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan. Namun demikian, kebebasan bersuara ada batasannya dan Kerajaan berkewajipan mengambil langkah-langkah yang wajar bagi memastikan supaya beribcristia, laporan-laporan dan rencanarencana yang berunsur negatif yang boleh menjejaskan ketenteraman awam dan keselamatan negara sepertimana yang sering kali disiarkan di dalam penerbitan-penerbitan parti DAP tidak diedarkan kepada rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, dakwaan Yang Berhormat dari Tanjong adalah tohmahan yang tidak berasas sama

sekali. Pada hakikatnya hanya parti DAP sahaja yang mempunyai permit penerbitan dalam empat bahasa berbanding dengan parti-parti politik yang lain. Oleh kerana parti DAP bukanlah satu syarikat penerbitan akhbar harian seperti *Utusan Malaysia*, *New Straits Times*, *Star*, *Nanyang Siang Pau* atau *Sin Chew Jit Poh*, maka wajarlah penerbitan parti DAP diedarkan kepada ahli-ahli parti itu sahaja. Sekatan menggunakan syarat supaya pengedaran lidah rasmi parti-parti politik kepada ahli-ahli mereka sahaja tidak terhad kepada parti DAP, Malahan parti-parti komponen dalam Barisan Nasional juga dikenakan syarat yang sama. Anihnya, semua parti-parti dalam Barisan Nasional akur dan mematuhi syarat yang dikenakan, sebaliknya parti DAP didapati tidak mematuhi dan tidak menghiraukan syarat tersebut dan menjual *The Rocket* dalam semua bahasa kepada masyarakat umum.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai penahanan empat orang rakyat Sabah termasuk Datuk Dr Jeffrey Kitingan, seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong, Kerajaan inemang mempunyai bukti bagi menahan mereka di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri dan Kertas Putih bagi menjelaskan perkara ini hanya akan diterbitkan jika Kerajaan memikirkan ianya perlu.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh ucapan-ucapan Yang Berhormat dari Kota Bharu, Yang Berhormat dari Kok Lanas dan Yang Berhormat dari Sungai Besi.....

Tuan Tan Kok Wai: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, hendak hcri jalan?

Tuan **Ong Ka Ting**: Tidak ada masa. Sudah cukuplah, dia sudah cakap banyak.

Timbalan Yang di-Perlua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, teruskan.

Tuan Ong Ka Ting: Tidak payah cakap pun saya sudah tahu apa yang dia hendak bangkitkan. Semua itu adalah untuk tujuan politik sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Sungai Besi yang menganggap Akta Keselamatan Dalam Negeri sebagai undang-undang yang menekan dan melanggar hak asasi manusia. Adalah ditegaskan bahawa Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 telah diwujudkan di bawah kuasa Perkara 149 Perlembagaan Persekutuan dan mempunyai skop yang begitu luas mengenai keselamatan dalam negara Malaysia, tahanan, pencegahan perbuatan subversif, penghapusan keganasan yang berancang (organised violence) terhadap orang dan harta dalam kawasan-kawasan tertentu di Malaysia dan mengenai perkara-perkara yang bersampingan dengannya.

Berdasarkan kepada skop Akta Keselamatan Dalam Negeri itu, tidak syak lagi bahawa Perlembagaan meletakkan tanggungjawab yang begitu tinggi ke atas hal-hal yang berkaitan dengan ketenteraman awam dan keselamatan dalam negeri. Ini dapat dilihat dari hakikat bahawa Akta yang digubal di bawah Perkara 149 Perlembagaan dengan sendirinya memperuntukkan hak-hak dan sekatan terhadap hak kebebasan asasi yang disebut di bawah Perkara 5, Perkara 9, Perkara 10 dan Perkara 13 Perlembagaan Persekutuan. Sekatan-sekatan yang dikenakan ke atas hak-hak kebebasan asasi itu sebenarnya tidaklah menghalang kebebasan demokrasi di mana rakyat pada keseluruhannya dapat terus menikmati hak-hak kebebasan yang dijamin oleh Perlembagaan seolah-olah sekatan-sekatan dan larangan yang dikenakan itu tidak wujud. Yang sebenarnya

terjejas oleh sekaian dan larangan yang dikenakan oleh Akta tersebut hanyalah penjenayah-penjenayah, anasir-anasir sabversif dan pihak-pihak tertentu dan tindak-tanduk serta perbuatan mereka yang memudaratkan keselamatan, kestabilan negara dan ketenteraman awam. Malahan tujuan sekatan-sekaian yang dikenakan itu adalah untuk memelihara kepentingan hak-hak asasi itu sendiri yang mana tidaklah membawa apa-apa erti jika negara berada dalam keadaan huru-hara dan ketakutan.

Tuan Yang di-Pertua, dakwaan Yang Berhormat dari Kok Lanas bahawa Yang Amal Berhormat Ketua Menteri Sarawak telah menyalahgunakan kuasa adalah tidak benar. Suka saya menjelaskan di Dewan yang mulia ini iaitu bibit-bibit isu perkauman telah terbayang dalam kempen-kempen pilihanraya Negeri Sarawak yang lalu sebagai langkah berjaga-jaga atau dengan izin, pre-emptive action, demi memelihara suasana pilihanraya yang boleh dikeruhkan oleh laungan-laungan pihak-pihak yang tertentu yang memperjuangkan idea politik kuasa atau, dengan izin, power politics dan tohmahan-tohmahan wujudnya diskriminasi di segi pembangunan di antara masyarakat majmuk, Kerajaan terpaksa mengambil tindakan tidak membenarkan mereka yang terlibat itu masuk ke Sarawak. Sepertimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, ketenteraman pemikiran rakyat hendaklah diutamakan. Kini mereka itu bolehlah melawat negeri tersebut bila-bila masa sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dakwaan Yang Berhormat dari Marang, Kerajaan memang peka dan sedar wujudnya filem-filem yang berunsur keganasan dan seks di pasaran negara ini. Di atas rasa tanggungjawab inilah maka pihak Kementerian telah memberi garis panduan kepada Lembaga Penapisan Pilem supaya mengambil tindakan sewajarnya

dengan menonton-tapis adegan-adegan yang difikirkan tidak patut ditonton oleh masyarakat umum. Filem-filem yang ditayangkan menerusi televisyen RTM dan TV3 adalah tertakluk kepada garis panduan tersebut dan tidak timbul soal penapisan yang bocor.

Walau bagaimanapun, filem-filem yang terdapat di pusat-pusat video mungkin telah menyebarkan filem-filem yang tidak ditonton-tapis oleh Lembaga Penapisan Pilem. Ini berpunca dari kemasukan filem-filem secara haram oleh pihak *lanun-lanun' dan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab tanpa dirujuk ke Lembaga Penapisan Pilem. Pegawai Penguatkuasa Pilem di atas kemampuan dan tenaga yang ada telah dan akan membuat pemeriksaan dan rampasan dari masa ke semasa bagi memastikan edaran filem-filem yang merosakkan mental masyarakat disekat dan dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Pasir Mas menyentuh tentang peruntukan kepada Polis berhubung dengan pembinaan Ibu Pejabat Polis, Balai Polis, perumahan anggota Polis dan latihan bagi jenayah komersial. Saya mengucapkan terima kasih atas pandangan dan sikap mengambil berai Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas itu tentang masalah-masalah yang bersangkutan dengan Polis.

Langkah-langkah sewajarnya sekarang ini sedang diambil untuk mengukuhkan Bahagian Jenayah Perdagangan Polis DiRaja Malaysia. Pegawai Polis yang berkelulusan dalam berbagai bidang seperti undang-undang, ekonomi, perakaunan dan sebagainya telahpun ditempatkan di bahagian itu. Di samping itu, Bank Negara juga telah menempatkan beberapa orang pegawainya di Bahagian Jenayah Perdagangan untuk membantu mengatasi penyelewengan-penyelewengan yang ada hubungkait-

nya dengan hal ehwal kewangan. Dari semasa ke semasa juga pegawai-pegawai Bahagian Jenayah Perdagangan sentiasa didedahkan kepada berbagai-bagai latihan termasuk menghadiri seminar dan kursus di luar negeri.

Ahli Yang Berhormat juga membangkitkan supaya elaun khas diberi kepada anggota Polis. Dalam hubungan ini saya suka menarik perhatian bahawa hal-hal berkaitan dengan elaun ini telahpun diambil kira oleh Kerajaan semasa Kerajaan meluluskan Sistem Saraan Baru Sektor Awam. Saya berharap Sistem Saraan Baru itu menguntungkan semua ahli perkhidmatan awam termasuk pegawai dan kakitangan Polis.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam perancangan program bagi mengatasi masalah perumahan anggota-anggota Polis DiRaja Malaysia, keutamaan adalah ditumpukan untuk menyediakan rumah-rumah bagi golongan anggota pangkat rendah dan konsiabel. Memandangkan jumlah peruntukan perumahan yang diperlukan adalah besar, maka matlamat program itu terpaksa disesuaikan untuk memberi keutamaan kepada kawasan-kawasan yang dikenalpasti sebagai mendesak seperti di bandar-bandar utama atau bandar-bandar besar. Kerajaan sehingga kini telah dan sedang mengambil tindakan untuk menambah bilangan rumah yang sedia ada bagi diperuntukkan kepada lebih 80,000 orang anggota.

Langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah ini adalah dengan membina rumah-rumah oleh agensi Kerajaan Jabatan Kerja Raya secara "conventional" dan rumah kilat iaitu pembelian terus nimah-rumah yang sudah siap dan yang belum siap dari pemaju-pemaju swasta dan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri-Negeri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, menjelang penghujung tempoh Rancangan Malaysia Keenam adalah dijangkakan sebanyak 55,169 buah rumah akan dapat disediakan untuk menempatkan 76.4% dari 73,329 orang anggota pangkat rendah dan konstabel. Pecalihan mengenai bilangan rumah yang dinyatakan itu adalah seperti berikut:

(a) Rumah yang sedii ada	-34,169 unit
(b) Rumah yang sedang dibina (Sambungan Rancangan Malaysia Kelima)	- 1,840 onit
(c) Rancangan Kilal	- 9,810 unit
(d) Rumah di bawah Rancangan- Malaysia Keenam	9,350 unit
Jumlah	<u>55,169 unii</u>

Tuan Yang di-Pertua, masalah pendatang tanpa izin dan pekerja-pekerja asing telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat semasa perbahasan.

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sebentar ya. Ipoh bangun. Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Ong **Ka** Ting: Tidak payahlah. Masa tidak cukup, panjang lagi. Tidak payahlah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Ipoh, dia tidak bcri.

Tuan Ong **Ka** Ting: Mengenai pandangan Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru dan Yang Berhormat dari Kuala Langai berhubung dengan tindakan Kerajaan mengesahkan atau memutihkan pekerja asing tanpa izin, suka saya menegaskan iaitu Kerajaan telahpun mernpertingkatkan langkah-langkah pencegahan untuk mencegah kemasukan lebih ramai pendatang tanpa izin ke negara ini.

Berhubung dengan kebenaran pekerja yang diberi kepada pegawai dagang sepertimana dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kangar, Kementerian memberi jaminan bahawa dalam keadaan biasa Pas Kerja atau Pas Penggajian tidak akan dilanjutkan apabila telah mencapai tempoh maksimum yang dibenarkan iaitu 5 tahun bagi pegawai teknikal dan 10 tahun bagi pegawai dagang biasa. Walau bagaimanapun, bagi pegawai dagang yang memegang jawatan utama atau, dengan izin, key post, dasar yang berkuatkuasa sekarang membenarkan mereka terus memegang jawatan berkenaan tanpa had masa bagi mengawasi pelaburan syarikat di negara ini.

Mengenai kejadian jenayah rogol, rompak dan pembunuhan yang bertambah akibat perbuatan pendatang tanpa i/.in, sebagaimana yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Belud, Kerajaan memang memandang berat tentang kejadian jenayah itu dan telahpun mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk membanterasnya. Walau bagaimanapun, sukalah saya memaklumkan bahawa kejadian jenayah yang dilakukan oleh pendatang tanpa izin ini tidaklah terlalu membimbangkan dan kadarnya adalah lebih kurang 3% sahaja.

Menyentuh perkara kawalan Imigresen di kawasan sempadan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bukit Mas, saya ingin memaklumkan bahawa Kerajaan memang mempunyai rancangan untuk membina kompleks Imigresen di sempadan Malaysia, Sarawak-Brunei. Pada masa ini kompleks Imigresen di Tedungan masih dalam pembinaan dan dijangka siap pada tahun hadapan. Sementara itu dua buah lagi kompleks Imigrasen iaitu di Padaruan dan Mengkalap dijangka dimulakan pembinaannya tidak berapa lama lagi.

Mengenai kawalan masuk-keluar di sepanjang sempadan di antara Sarawak dan Sabah yang berbukit-bukau itu, Jabatan Imigresen akan terus menjalankan serbuan ke tempat-tempat yang disyaki dan di samping itu kerjasama dari orang ramai juga adalah diminta untuk memaklumkan kepada Jabatan yang berkenaan jika mendapati ada pendatang-pendatang asing tanpa izin di tempat-tempat mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Bandau dan Yang Berhormat dari Gaya menggesa Kerajaan agar lebih berhati-hati semasa memproses penukaran kad pengenalan baru supaya ianya tidak dikeluarkan kepada pendatang tanpa izin di Sabah yang dikatakan memiliki kad pengenalan palsu. Sebagai tambahan kepada jawapan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri tadi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah menetapkan prosedur dan kaedah-kaedah yang mencukupi untuk memastikan kad pengenalan baru tidak dikeluarkan kepada pemegang kad pengenalan palsu. Kad pengenalan biru yang sah hanya diberi kepada warganegara Malaysia. Dengan itu soal pendatang haram diberi kad pengenalan biru yang sah tidak timbul kerana untuk mendapat kad pengenalan biru seseorang itu mestilah bertaraf warganegara.

Yang Berhormat dari Kluang....

Tuan Wahab bin Suhaili: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhonnat, hendak beri jalan?

Tuan Ong Ka Ting: Tidak ada masa—jimatkan masa.

Ttmbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tidak beri jalan.

Tuan Ong Ka Ting: Yang Berhormat dari Kluang mendesak Kerajaan mengkaji setiap kes permohonan kad pengenalan dengan teliti supaya tidak berlaku sebarang kes ketidakadilan. Selain dari itu beliau juga menyuruh Kerajaan agar proses mengeluarkan kad pengenalan baru itu tidak akan menyusahkan orang ramai dan kesilapan-kesilapan kecil seharusnya dimaafkan. Dalam hal ini, setiap orang yang berhak mendapat kad pengenalan akan diberi hak tersebut.

Memang benar, dalam proses penukaran kad pengenalan lama kepada kad pengenalan bermutu tinggi, kita tidak menafikan bahawa beberapa masalah akan timbul dan oleh kerana itu Jabatan Pendaftaran Negara akan meneliti setiap kes bagi mengelakkan sebarang kesilapan. Kementerian bersedia menimbangkan permohonan-permohonan untuk membetulkan kesilapan ejaan nama dan sebagainya yang berbentuk, clerical error, dengan izin.

Mengenai teguran daripada Yang Berhormat dari Selangau di atas kelewatan pendaftaran sijil kelahiran di Negeri Sarawak, pihak Kementerian sedang mengkaji masalah ini supaya pengeluaran sijil kelahiran dapat dipercepatkan. Walau bagaimanapun, sehingga kini terdapat sebanyak tidak kurang daripada 12,000 sijil kelahiran yang masih belum dituntut oleh ibu bapa ataupun pemaklum. Mengenai pertanyaan beliau selanjutnya, Kementerian akan mencuba sedaya upaya supaya proses penukaran kad pengenalan lama kepada kad pengenalan baru berjalan dengan sempurna dan bagi mereka yang langsung tidak memiliki sijil kelahiran, mereka masih boleh menukar kad pengenalan berdasarkan kepada kad pengenalan lama yang dimiliki.

Saya mengucapkan terima kasih di atas penghargaan Yang Berhormat dari Kapit berhubung dengan lawatan pegawai-pegawai Jabatan Pendaftaran Negara, Negeri Sarawak ke kawasan-kawasan pendalaman untuk melaksanakan kerja-kerja membuat kad pengenalan baru dan sijil kelahiran. Di atas saranan beliau supaya Kerajaan memberikan peruntukan kepada Jabatan Pendaftaran Negara untuk meneruskan usaha seperi itu, perkara tersebut akan diberi pertimbangan sewajarnya bergantung kepada peruntukan yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Bukit Mertajam meminta Kerajaan mengharamkan dan membubarkan parti politik yang berbentuk perkauman. Mengenai masalah pengharaman parti perkauman ini, sukalah saya menjelaskan bahawa Kementerian Dalam Negeri tidak menegah mana-mana pihak untuk menubuhkan parti-parti politik asalkan ianya tidak mengancam keselamatan negara. Walau bagaimanapun, tindakan tegas mengikut undang-undang akan diambil jika tindak-tanduk parti-parti tersebut boleh menimbulkan pergaduhan kaum atau mengancam keselamatan dan ketenteraman awam di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Nilam Puri telah menghuraikan dengan panjang lebar mengenai kes yang menimpa seorang wanita iaitu Mary Anne Arokiadass. Dalam perkara ini saya ingin menegaskan bahawa Kementerian Dalam Negeri tidak akan melindungi mana-mana pihak yang bersalah. Berhubung dengan kes ini, kertas-kertas siasatan peringkat awal telahpun disiapkan dan sekarang ini sedang dibincangkan dengan pihak Pendakwaraya. Memandangkan kes iuu sedang dalam perbincangan

lanjut di antara Polis dengan pihak Pendakwaraya, tidaklah patut kita membincangkan perkara ini secara terbuka pada peringkat ini.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Sibul, iaitu sama ada Kerajaan ingin memberi peluang kepada keluarga bekas Ahli Parti Komunis Malaya yang dahulunya berasal dari Malaysia dan kini berada di Republik Rakyat China, saya ingin menjelaskan bahawa perkara yang dibangkitkan itu tidak termasuk di bawah peruntukan perjanjian perletakan senjata yang ditandatangani antara Kerajaan Malaysia dengan PKM pada 2hb Disember, 1989 yang lalu. Perjanjian tersebut hanyalah ditumpukan kepada anggota PKM yang berada di Selaian Thailand. Oleh yang demikian, mereka yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sibul itu tidaklah layak diberi pertimbangan yang sama sepertimana bekas-bekas anggota PKM yang meletak senjata berikutan perjanjian 2hb Disember, 1989 itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ucapan Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri yang menyatakan bahawa penagih-penagih dadah adalah orang sakit yang harus dirawat dan dipulihkan dan tidak disebel, Yang Berhormat Timbalan Menteri mengakui bahawa beliau pernah berkaia sedemikian rupa, tetapi Yang Berhormat dari Jelutong harus memahami akan keadaan dan suasana beliau semasa memberi ucapan tersebut. Semasa Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri membuai ucapan tersebut beliau bercakap sebagai Presiden PEMADAM dan penagih dadah yang beliau maksudkan ialah penagih yang berada di Pusat-pusat Pemulihan Serenti di seluruh negara.

Ini adalah disebabkan ada pihak-pihak yang mengesyorkan agar penagih-penagih di Pusat Pemulihan Serenti juga harus disebel sepertimana penagih-penagih yang dipenjarakan. Sebenarnya, ada perbezaan di antara penagih-penagih di Pusat Serenti dan penagih-penagih di Penjara. Penagih di Pusat Serenti seperti Yang Berhormat dari Jelutong sedia maklum adalah mereka yang telah dihantar sama ada secara sukarela atau di bawah suatu Perintah Mahkamah menurut Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983. Penagih di Pusat Serenti semasa ditangkap tidak memiliki dadah pada diri mereka. Penghuni pusat yang secara sukarela atau yang telah ditangkap kerana disyaki sebagai penagih dikehendaki melalui ujian air kencing dan pemeriksaan oleh pengamal perubatan. Setelah disahkan air kencing positif dan pemeriksaan pengamal perubatan mengesahkan mereka penagih dadah baharulah mereka dihantar ke Pusat Serenti. Orang seperti ini dikawal oleh Akta Penagih Dadah bagi tujuan rawatan dan pemulihan dan tidaklah patut disebel.

Sayugia dinyatakan mereka yang ditangkap, didakwa, disabitkan oleh Mahkamah dan sedang menjaiani hukuman dipenjarakan adalah kumpulan yang berbeza sebab mereka dituduh dan dihukum di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952. Mereka yang didakwa di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 adalah mereka yang ditangkap mereka memiliki dadah berbahaya.

Yang Berhormat dari Jelutong tentu faham bahawa amatlah tidak adil mengenakan prinsip yang sama kepada dua kumpulan yang berlainan di bawah dua Akta yang jelas berbeza dari segi tujuan dan pemakaiannya. Bagi mereka yang menjalani hukuman di penjara, peruntukan perundangan mengenai sama ada mereka patut disebel adalah

jasas seperti yang disebut di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 yang telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Menyentuh saranan daripada Yang Berhormat dari Kota Sejar mengenai Akta Hasutan, sukacita saya jelaskan dalam Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil Lindakan terhadap mana-mana orang yang melanggar Akta tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan teguran masing-masing mengenai berbagai isu dan masalah di bawah bidangkuasa Kenicninan Dalam Negeri. Saya telahpun memberi penjelasan-penjelasan ke atas beberapa pandangan dan teguran tersebut. Bagi pandangan dan teguran yang tidak sempat dijawab di Dewan ini, saya memberi jaminan bahawa ianya akan diberikan perhatian yang sewajarnya oleh Kementerian. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

4.49 *ptg.*

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar (Tuan Mohd. Yasin bin Kamari): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya bagi pihak Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan turut membincangkan perkara-perkara di bawah bidangkuasa Kementerian Pembangunan Luar Bandar dalam perbincangan mengenai Belanjawan Negara bagi tahun 1992 sejak 1hb November yang lalu.

Saya suka mengambil peluang ini untuk menjelaskan beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya mengenai program-program pembangunan luar bandar yang dirancang untuk pelaksanaan di dalam tahun 1992 khasnya dan di bawah Rancangan Malaysia Keenam amnya.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) di Sarawak dan Sabah yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kota Bclud, Padas dan Bandau, kurangnya liputan BELB di kedua-dua negeri tersebut adalah kerana masalah geografi dan masalah keupayaan kuasa di sistem yang ada. Selain daripada muka buminya yang luas, taburan penduduk dan perkampungannya juga jauh, berselerak dan terpencil antara satu dengan lain. Oleh itu, bagi melaksanakan sistem bekalan yang sempurna melalui talian grid menghadapi masalah kesukaran kerja-kerja pemasangan di samping kos projek yang tinggi.

Dengan peruntukan yang dapat disediakan oleh Kerajaan pada sesuatu tahun dan kos projeknya yang tinggi, maka bilangan projek dan bilangan pengguna yang mendapat faedah daripada projek tersebut adalah kecil.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek Bekalan Elektrik Luar Bandar yang dilaksanakan oleh Kementerian ini adalah penyambungan bekalan dari sistem atau ibusawat yang sedia ada. Kerja-kerja penyambungan yang berterusan tidak dapat dilakukan scandainya keupayaan kuasa di sistem yang ada adalah terhad. Oleh itu, usaha peningkatan kuasa bekalan di ibusawat yang terletak di bawah tanggungjawab agensi pelaksanaan (SESCO dan LLS) perlu dipertingkatkan dahulu bagi membolehkan penyambungan selanjutnya dibuat. Di dalam perancangan Kementerian,

menjelang tahun 1992 kadar liputan Bekalan Elektrik Luar Bandar di Sabah ialah sebanyak 53%, manakala di Sarawak sebanyak 57% iaitu pertambahan sebanyak 3% daripada kawasan yang telah diliputi.

Dari segi Bekalan Air Luar Bandar (BALB) pula, pada tahun 1991 liputan di seluruh Malaysia ialah 77% dan peratus dijangka akan meningkat kepada 79% pada tahun 1992. Bagi negeri Sabah dan Sarawak pula peratus liputan Bekalan Air Luar Bandar dijangka akan dapat dipertingkatkan, masing-masing daripada 56.8% dan 51% pada tahun 1991 kepada 59.2% dan 53% pada tahun 1992.

Tuan Yang di-Perlu, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas telah mengesyorkan supaya pemberian kemudahan asas seperti bekalan elektrik dan air dilipatgandakan tanpa mengira kaum dan pegangan politik dan pembinaan industri desa yang berasaskan sumber dan tenaga dapat ditingkatkan bagi memperbaiki pendapatan dan gunatenaga penduduk di luar bandar. Memang menjadi hasrat Kerajaan bagi memperbaiki pendapatan penduduk luar bandar. Kerajaan akan memperhebatkan lagi usaha-usaha untuk memperbaiki ekonomi dan kesejahteraan hidup penduduk luar bandar melalui program pembinaan infrastruktur, menggalakkan aktiviti perikanan secara komersial dan juga industri kecil. Di samping itu dan dianggap juga penting, tumpuan kepada pembangunan insan juga akan diperhebatkan, umpamanya memberi latihan dan kemahiran asas yang diperlukan bagi menjayakan program membasmi kemiskinan. Bantuan-bantuan khusus terhadap golongan rakyat termiskin akan juga terus dibuat melalui Program Pembangunan Rakyat Termiskin.

Tuan Yang di-Perlu, menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tumpat, ingin

dinyatakan bahawa aktiviti Perbadanan Penapisan PELDA adalah memproses minyak sawit menjadi minyak sawit bertapis atau lain-lain keluaran. Kerugian yang dialami pada tahun 1988 adalah sebanyak \$6.8 juta dan 1989 sebanyak \$1.8 juta. Kerugian yang dialami oleh Perbadanan Penapisan adalah sama seperti yang dialami oleh industri penapisan, berikutan kekurangan margin daripada harga jualan. Ini adalah disebabkan tiadanya dasar dalam industri pengeluaran sawit bagi meneniukan kos margin di antara pemerosesan minyak sawit mentah kepada minyak sawit bertapis. Bagi mengatasi keadaan ini, mulai tahun 1990, keputusan telah dibuat di mana pemerosesan minyak sawit mentah daripada Perbadanan Kilang PELDA oleh Perbadanan Penapisan dijalankan atas dasar upah. Dengan itu, pada tahun 1990 Perbadanan Penapisan telah dapat mencapai keunlungan sebanyak \$4.5 juta.

Seyogianya dimaklumkan juga kepada Yang Berhormat dan Ahli-ahli Dewan, Perbadanan Isi Sawit tidak mengalami kerugian. Keuntungan yang diperolehi olehnya adalah seperti berikut:

Tahun	Keuntungan (\$)
1988	534,466
1989	4,947,926
1990	6,142,046

Kementerian ini amat berdukacita dengan tuduhan-tuduhan melulu yang dibuat oleh Yang Berhormat mengenai tindakan pihak Pengurusan PELDA yang sengaja membuang kakitangan akibat dari penswastan. Demikian juga dengan tuduhan melarang kakitangan memakai songkok dan kopiah serta tidak menggalakkan memberi salam kepada pegawai atasan.

Semua tuduhan tersebut adalah tidak benar dan amat keterlaluan. Tindakan-tindakan seperti ini amat menyayat hati dan boleh menimbulkan suasana yang tidak sihat.

Tuan Yang di-Periua, Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru telah menyuarakan keraguan bahawa Program Pembangunan Luar Bandar yang dijalankan oleh Kerajaan bagi menyediakan infrastruktur asas belum dapat menjamin pembebasan penduduk di luar bandar dari gejala kemiskinan. Rancangan menyediakan infrastruktur ini hanyalah sebahagian dari program Kerajaan dalam usahanya untuk membasmi kemiskinan di negara ini. Ia adalah sebahagian dari perkara-perkara yang perlu wujud di dalam peperangan membasmi kemiskinan itu. Dengan adanya pembangunan infrastruktur ini, aktiviti-aktiviti ekonomi dapat dipertingkatkan dan kawasan luar bandar dibangun dan dimodenkan. Ini termasuklah mengadakan aktiviti penanian secara komersial, membangunkan industri dan perusahaan kecil yang mana boleh menambah hasil kepada penduduk luar bandar. Bagi menjayakan rancangan ini, penduduk-penduduk luar bandar akan diajar dengan kemahiran-kemahiran tertentu serta diberi bantuan modal yang diperlukan. Pusat-pusat Pertumbuhan Desa yang telah dikenalpasti akan dibangunkan dengan segala kemudahan infrastruktur.

Dengan adanya program-program di atas dan kesedaran dari rakyat luar bandar, Kerajaan yakin kawasan luar bandar dapat dimajukan dan dibangunkan bagi menjamin penduduk menikmati taraf ekonomi yang lebih baik dan kehidupan yang lebih selesa. Walau bagaimanapun, penerimaan dari segi perubahan Hkiran dan sikap penduduk luar bandar terhadap perubahan-perubahan yang perlu dibuat mestilah ada. Penduduk-penduduk luar bandar mesti mempunyai semangat untuk lebih maju.

Tuan Yang di-Pertua, mengulas pula pandangan oleh Ahli Yang Berhormat dari Santubong, seperti yang saya nyatakan terdahulu tadi, Kerajaan semcmangnya dari dahulu lagi telah

membrikan perhatian kepada pembangunan luar bandar. Perhatian ini akan dipertingkatkan dan diperhebatkan di masa-masa akan datang. Strategi-strategi dan konsep-konsep pembangunan akan terus diadakan seperti Konsep Pembangunan Halacara Baru (HCB) dalam usaha untuk membangunkan kawasan luar bandar. Konsep Halacara Baru ini melibatkan tiga aspek iaiiu:

- (i) kemajuan pertanian dengan mengadakan cara pengurusan perladangan bagi kebun-kebun kecil dan juga bendang-bendang;
- (ii) pengwujudan industri luar bandar dan perusahaan kecil atau lain-lain kegiatan ekonomi bukan pertanian; dan
- (iii) pengelompokan dan pengurusan semula kampung-kampung secara teraiur untuk membibiikan pusat-pusat pertumbuhan baru.

Hala Cara Baru ini adalah merupakan, dengan izin, concerted effort pihak Kerajaan bagi memastikan kehidupan rakyat di kawasan luar bandar dapat diperbaiki dan dipertingkatkan. Hata Cara Baru ini juga merupakan satu-satunya pendekatan pembangunan yang menyeluruh bagi mencapai matlamat untuk memodenisasikan kawasan luar bandar yang mana malamat akhirnya ialah untuk meningkatkan pendapatan secara membasmi kemiskinan. Hala Cara Baru akan menjadi teras kepada pembangunan luar bandar.

Kementerian Pembangunan Luar Bandar dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sarawak akan menjalankan satu kajian untuk mengenalpasti kampung-kampung iradisional yang berpotensi untuk dibangunkan Pusat Pertumbuhan Desa (PPD) dalam Rancangan Malaysia Keenam.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap, pembayaran pinjaman oleh PELDA, KEJORA, JENGKA dan KELCRA adalah mengikut jadual yang ditetapkan. Agensi-agensi ini tidak mempunyai tunggakan pinjaman. Bagi lain-lain agensi di bawah Kementerian ini, memang terdapat tunggakan dan tindakan-tindakan untuk membayar balik sedang diambil. Perbincangan dengan Perbendaharaan untuk penjadualan semula bayaran balik juga sedang dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan penurunan jalan seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Scrai, inginlah dinyatakan bahawa pihak Kementerian ini memang menyedari dan akan terus memberikan perhatian yang sewajarnya untuk menaikkan taraf dan menurap dengan tar bagi jalan-jalan di kampung-kampung. Di dalam Rancangan Malaysia Keenam ini sahaja sejumlah \$500 juta iclah disediakan bagi tujuan tersebut dan dianggarkan sebanyak 8,330 kilometer jalan-jalan kampung dijangka akan dapat dinaikkan taraf. Dalam tahun 1992 sejumlah \$100 juta akan diperuntukkan bagi menaikkan taraf kira-kira 2,000 kilometer jalan kampung-kampung. Bagi pembinaan jalan dari Pekan Limbang ke Pantai Ranggau, Telok Brunei seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas, pihak Kementerian akan menyiasat dan berbincang mengenai permohonan tersebut dengan Kerajaan Negeri selanjutnya.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Yang Berhormat telah menyentuh mengenai Program Pembangunan Rakyat Termiskin.

Bagi menjawab soalan dari Ahli Yang Berhormat Kota Belud mengenai program membasmi kemiskinan» objektif utama dasar pembangunan negara ialah membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum, fahaman politik dan tempat tinggal. Program ini akan diteruskan sehingga objektif ini tercapai. Bagi Negeri Sabah peruntukan di bawah program ini disalurkan kepada Jabatan Pembangunan Persekutuan, Sabah.

Mengenai isu yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kapit, sukacita dijelaskan bahawa Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan sebanyak \$611,699,000 bagi Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) di bawah Rancangan Malaysia Keenam untuk dilaksanakan di seluruh negara. Daripada jumlah ini, Negeri Sarawak telah diperuniukkan sebanyak \$23,967,000. Projek-projek di bawah program ini akan dilaksanakan oleh berbagai jabatan dan agensi Kerajaan dan akan diselaraskan oleh pejabat Pengarah Pembangunan Negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, bantuan yang diberikan kepada rakyat termiskin bergantung kepada senarai yang didaftarkan oleh Pejabat Daerah. Projek-projek untuk golongan termiskin akan diteruskan termasuk di Kapit, mengikut senarai yang akan disediakan oleh pejabat-pejabat daerah yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas, sukacilalah dimaklumkan bahawa mengikut Akta 203 Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) 1978, Ahli Lembaga Pengarah adalah dilantik oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar. Beliaulah yang boleh menerima atau menolak cadangan-cadangan yang dikemukakan.

Menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Krai, pihak Kementerian akan terus menyediakan kemudahan-kemudahan asas kepada peneroka-peneroka di KESEDAR. Projek penurapan jalan-jalan utama telah diambilkira dan diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Keenam.

Bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Parit, pendapatan para peserta PELCRA secara umumnya bergantung kepada hasil projek dan harga komoditi. Peserta-peserta memperolehi pendapatan melalui dua sumber iaitu keuntungan projek dan upah bekerja jika psena bekerja di projek.

Purata pendapatan peserta bagi projek berhasil bagi semua jenis tanaman sepanjang tahun 1990 adalah \$460. Sebagai contoh, Projek Nasaruddin di Negeri Perak, para pesertanya memperolehi pendapatan melalui keuntungan projek sebanyak \$234 dan ditambah pula dengan upah bekerja secara puratanya tidak kurang daripada \$500 sebulan. Bagi bulan Ogos, 1991, para peserla di Projek Nasaruddin juga memperolehi \$647 seorang sebulan, bulan September 1991-S727 seorang sebulan dan bulan Oktober, 1991-S765 seorang scbulan.

Dengan kadar pendapalan yang dinikmati ini, PELCRA percaya para peserta dapat memperolehi pendapatan yang jauh lebih baik dari sebelumnya dan melebihi paras kemiskinan,

Di samping memperolehi pendapatan hasil ladang dan upah bekerja peserta-peseria juga akan memperolehi pendapatan dari sumber-sumber yang lain melalui penglibatan yang aktif atau secara aktif dalam kegiatan pembangunan sosio ekonomi peserta yang dilaksanakan oleh PELCRA seperti kegiatan berkoperasi, ternakan dan tanaman konian.

Bagi menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kluang.....

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin (Parit); (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahimddin): Yang Berhormat sebentar, Parit bangun.

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin: Minta penjelasan.

Tuan Mohd. Yasin bin Kamari: Silakan.

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin: Di Bota Kanan ada dua rancangan. Satu, rancangan belia, satu lagi rancangan untuk orang-orang kampung. Saya mengucapkan terima kasih kepada rancangan bclia tetapi yang bermasalah adalah rancangan yang dituruti oleh orang-orang kampung, yang mana pertama, yang lidak berhutang—ada hutang. Yang sepaitnya mendapat \$200, \$300 sebulan—tidak dapat langsung sekarang ini. Itu yang saya maksudkan.

Ada dua rancangan di Kampung Nasaruddin ini, bukan saya. Ada dua, satu belia, yang satu lagi untuk orang kampung. Yang belia ini, Alhamdulillah, sudah ada kemajuan, pengurusan baik dan bertambah baik. Tetapi dari segi yang salu lagi itu, yang orang kampung punya itu, pendapatan tidak sampai \$100 sebulan. Dua, tiga bulan yang sudah, tidak dapal pendapatan langsung. Ini yang saya pertikaikan. Yang malangnya pula, yang tidak berhutang, tidak masuk dalam skim rancangan PELCRA tetapi turut bersama di dalam kelompok-kelompok itu, letapi dia keluar daripada itu, di bawah penyeUaan PELCRA, dia tidak berhutang—berhutang juga. Dan hutang-hutang

itu bertambah-tambah dari setahun ke setahun. Ini yang saya pohon penjelasan. Terima kasih.

Tuan Mohd. Yasin bin Kamari:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ahli Yang Berhormat, apa yang dijelaskan tadi, itulah gambaran pada umumnya.

Walau bagaimanapun, kalau ada problem ataupun masalah di Kampung Nasaruddin dari kalangan peserta-peserta rancangan PELCRA dari orang-orang kampung yang agak tidak berprestasi baik akan disiasat.

Tuan Yang di-Pertua, ingin diperjelaskan sekali lagi kepada Dewan yang mulia bahawa rancangan PELCRA secara umumnya, rata-ratanya memperolehi kejayaan yang menggalakkan. Dan jelas menggambarkan kemungkinan peningkatan prestasinya bergantung kepada bagaimana aktifnya peserta-peserta itu sendiri sebenarnya.

Kalau di Kampung Nasaruddin tadi barangkali ada pesertanya yang langsung tidak mengambil bahagian dan sebagainya, itulah yang terjadi adanya barangkali pendapatan yang agak rendah, namun akan disiasat. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Izinkan saya unjuk melansungkan terus jawapan ini. Bagi menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kluang mengenai permohonan tanam semula, setiap permohonan untuk Tanam Semula yang diterima melalui Pejabat RISDA Daerah adalah didaftarkan melalui borang TS—Tanam Semula (TS 12), diberikan nombor permohonan sementara dan diberi jawapan penerimaan permohonan kepada pekebun kecil (TS 14). Permohonan-permohonan ini akan disemak geran (TS 15), diproses dan sekiranya mempunyai getah tua, diberitahu tentang kelulusan sementara (kad

putih—TS 27/TS 28) ataupun sekiranya tanah tidak berkelayakan, pekebun kecil diberitahu juga permohonan berkenaan ditolak (TS 16). Prosedur dalam memproses permohonan tanam semula menetapkan di peringkat tertentu seperti dinyatakan di atas tadi, pekebun kecil perlu diberitahu bersurat.

Tuduhan bahawa terdapat banyak permohonan tidak menerima balasan adalah kurang tepat. Berkemungkinan apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat berkenaan adalah kebun-kebun yang tidak memenuhi syarat seperti para 4 yang mana terpaksa menunggu giliran untuk diberi kelulusan menanam semula. Perkara ini tidak dapat dielakkan memandangkan peruntukan tanam semula tahunan adalah agak terhad.

Bagi mengulas terhadap masalah kebun yang tidak dibayar bantuan, sukalah dimaklumkan bahawa kebun-kebun yang menyertai Rancangan Tanam Semula (RTS) diberi kelulusan sementara (TS 27/TS 28) untuk menebang pokok getah tua mereka. Namun demikian, kebun-kebun ini tidak akan diluluskan dan dibayar bantuan pertama sekiranya kebun-kebun ini tidak dimajukan dengan sempurna mengikut syarat-syarat yang ditetapkan bagi kerja-kerja seperti pembinaan pokok-pokok getah, pembakaran tunggul, meracun, menyediakan perparitan dan melobang. Tidak timbul masalah kebun-kebun yang diluluskan sepertimana yang disyaratkan yang tidak dibayar bantuan. Arahan yang sedia ada ialah supaya setiap bantuan kewangan dan mata benda dibayar secepat mungkin dalam masa 14 hari dari tarikh lawatan ke kebun-kebun berkenaan. Berkemungkinan terdapat kebun-kebun bergetah tua yang berkelayakan untuk ditanam semula tetapi belum diberikan kelulusan sementara disebabkan luasannya melebihi 7 ekar (syarat para 4) dan pekebun kecil berkenaan

telah memajukan kebun mereka terlebih dahulu dengan pembiayaan sendiri. Kebun-kebun seumpama ini walaupun siap dikerjakan, tidak akan dibayar bantuan kerana telah melanggar peraturan tanam semula,

Tuan Yang di-Periua, demikianlah penjelasan-penjelasan ke atas beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh mengenai Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Ingin saya ulangi di sini sekali lagi bahawa Kememierian Pembangunan Luar Bandar akan terus berusaha bagi mencapai objektifnya bagi terus memperbaiki taraf sosio-ekonomi penduduk luar bandar supaya kehidupan luar bandar akan menjadi lebih menarik dan menguntungkan. Bagi perkara-perkara lain yang tidak sempat saya menjawabnya di sini, Kementerian saya, insya Allah, akan mengambil tindakan dan perhatian yang sewajarnya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):
Kementerian Pengangkutan.

5.15 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Menteri Pengangkutan, sukacita saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan-pandangan, teguran-teguran dan syor-syor mereka mengenai perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Pengangkutan di sepanjang perbincangan atas usul Rang Undang-undang Perbekalan 1992 di Dewan yang mulia ini. Sukalah saya memberi jaminan bahawa segala pandangan, teguran dan syor yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan dikaji dengan teliti dan akan diberi pertimbangan yang sewajarnya oleh

Kementerian Pengangkutan. Walau bagaimanapun, izinkanlah saya memberi penjelasan dan jawapan kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Pasir Mas pada 4hb November telah membangkitkan mengenai kedudukan peruntukan sebanyak \$230 juta yang telah diberikan kepada Keretapi Tanah Melayu dan tanah milik Keretapi Tanah Melayu di Kuala Lumpur dan Singapura. Adakah Kerajaan akan mendapat balik peruntukan dan hartanah-hartanah tersebut setelah KTM diswastakan nanti. Sukalah saya legaskan di sini bahawa Kerajaan sentiasa beringgungjawab terhadap kemudahan dan infrastruktur pengangkutan, sama ada berkaitan dengan rancangan penswastan ataupun tidak.

Dalam hal Keretapi Tanah Melayu, Kerajaan sedang berusaha meningkatkan kapasiti, kecekapan dan kualiti pengangkutan rel bagi menampung keperluan perkhidmatan yang semakin meningkat serta dengan citarasa yang lebih baik. Ini terkandung di dalam Rancangan Malaysia Keenam yang mana antara lainnya meliputi projek-projek seperti pembinaan landasan berkembar, permodenan sistem persembayanan dan komunikasi dan pengangkutan landasan.

Tuan Yang di-Pertua, perlu diingatkan juga bahawa KTM belum diswastakan lagi, tetapi akan dipcrbadankan dahulu. Melalui proses ini, Syarikat Pengganti KTM akan dimiliki 100% oleh Kerajaan. Kos meningkatkan infrastruktur akan dibiayai oleh Kerajaan. Oleh yang demikian, soal mendapatkan balik kos pelaburan tidak menjadi isu. Apabila Syarikat Pengganti KTM diswastakan kelak, barulah ia akan dikira pada nilai

yang berpadanan. Walaupun demikian, ini bukan bererti Kerajaan kemudiannya akan bcrlcpas tangan begitu sahaja.

Bagi perkhidmatan awam seperti keretapi, Kerajaan pada dasarnya akan tetap membantu di dalam beberapa aspek pembangunannya, terutama berkaitan dengan infrastruktur. Tanah KTM sama ada di Kuala Lumpur ataupun di Singapura akan dibangunkan secara komersial. Dengan pembangunan aktif aset-aset ini, aktiviti ekonomi akan bertambah yang mana seterusnya akan memberi manfaat dan peluang bekerja kepada orang ramai. Di samping itu, stesen-stesen keretapi akan dibangunkan menjadi pusat yang mempunyai kemudahan yang bersepadu seperti di negara-negara maju. Kemudahan-kemudahan seperti pusat membeli-belah, restoran, hotel, ruang letak kereta, urusan bank dan sebagainya tentu akan lebih menarik dan menyenangkan penumpang-penumpang keretapi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Johor Bahru pada 6hb November ingin tahu mengenai rancangan Kerajaan untuk menjadikan Lapangan Terbang Senai sebagai 'cargo airport' sama ada akan diteruskan atau tidak. Sebenarnya cadangan menjadikan Lapangan Terbang Senai 'cargo airport' ialah cadangan daripada Kerajaan Negeri. Setelah dibuat kajian didapati buat ketika ini ianya belumlah viable lagi, dengan izin.

Dalam hal ini, sukacita saya memaklumkan juga bahawa kemudahan untuk pengendalian kargo dalam bentuk sebuah warehouse yang mempunyai keluasan 1,386 square meter sudahpun diadakan di Lapangan Terbang Senai. Warehouse ini boleh mengendalikn 10 hingga 20 tan metrik kargo pada sesuatu masa. Adalah

didapati warehouse yang sedia ada sudahpun berupaya untuk mengendalikn muatan kargo di Lapangan Terbang Senai buat masa ini. Walau bagaimanapun, jika permintaan dan pertumbuhan kargo di lapangan terbang ini meningkat di masa-masa hadapan, kemudahan-kemudahan tambahan untuk pengendalian kargo bolehlah dipertimbangkan kelak.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kluang pada 13hb November pula telah membangkitkan berkaitan dengan van yang membawa pekerja-pekerja kilang yang dikatakan sering ditahan dan didenda oleh Jabatan Pengangkutan Jalan kerana tidak mempunyai permit.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebelum seseorang pemilik van menggunakan kenderaannya bagi mengangkut pekerja-pekerja kilang, beliau mestilah terlebih dahulu memastikan bahawa satu permit yang dikeluarkan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan telah diperolchi. Dalam hubungan ini, iaitu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, penglibatan pihak Jabatan Pengangkutan Jalan hanyalah bertumpu kepada tindakan penguakuasaan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, rancangart Kerajaan untuk membina Lapangan Terbang baru di Sepang nampaknya telah mendapat perhatian ramai Ahli-ahli Dewan, iaitu Yang Berhormat dari Puchung pada 11 November, YaAg Berhormat dari Kuala Langat dan juga Yang Berhormat dari Sepang pada 13 November telah membangkitkan mengenai projek Lapangan Terbang Antarabangsa yang baru ini. Mengenai soal perbelanjaan projek yang telah dibangkitkan oleh Ahli dari Puchung, sukacitalah dijelaskan di sini bahawa kos muktamad bagi projek sebesar ini belum dapat ditentukan pada masa ini. Tiap-tiap tawaran atau cadangan dari

pihak consultant atau kontraktor yang diterima bagi projek ini akan dikaji dan diteliti dengan mendalam bagi memastikan projek dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Mengenai program pembangunan kemanusiaan bagi penduduk sekitar yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kuala Langat, sukacita juga dimaklumkan bahawa Kerajaan Persekutuan sentiasa akan bekerjasama rapat dengan Kerajaan Negeri Selangor dalam pelaksanaan projek ini dan sudah tentulah Kerajaan Negeri sentiasa peka terhadap keperluan-keperluan seperti ini.

Yang Berhormat dari Sepang telah mencadangkan Lapangan Terbang Antarabangsa yang baru di Sepang ini diberi nama Lapangan Terbang Dr Mahathir atau Dr Mahathir International Airport. Cadangan ini serta cadangan-cadangan yang lain jika ada bolehlah dipertimbangkan apabila sampai masanya kelak.

Mengenai penyediaan Pelan Pembangunan Daerah Sepang, perkara ini adalah dalam perhatian Kerajaan di mana Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor sedang merancang apakah jenis pembangunan yang boleh dirancang dan dilaksanakan di sekitar Lapangan Terbang Antarabangsa baru itu kelak.

Yang Berhormat dari Labuan pada 13 November telah mencadangkan supaya pihak MAS dapat membantu meningkatkan perusahaan kraftangan terutamanya bagi pasaran eksport dengan menjadikan sebagai cenderamata kepada penumpang kelas pertama dan kelas eksekutif sebagai keperluan in-flight serta menjadikan kelengkapan kepada jemaah-jemaah Haji. Mengenai cadangan Yang Berhormat itu, sememangnya MAS bersedia mengangkut dan menyediakan ruang kargo sekiranya ada permintaan yang sedemikian. Bagaimanapun, soal

mendapatkan pasaran dan promosi mengenainya di seberang laut adalah di luar tanggungjawab MAS dan sewajarnya dilaksanakan oleh agensi-agensi lain yang bertanggungjawab.

Mengenai hadiah-hadiah, sebenarnya MAS juga menggunakan banyak bahan-bahan tempatan kita untuk dijadikan hadiah dalam penerbangan kita dan MAS Golden Boutique juga banyak menjual cenderamata-cenderamata yang berbentuk tempatan, batik dan sebagainya. Walau bagaimanapun, jika ada cadangan-cadangan khusus yang boleh diberikan, kita akan menyampaikannya kepada pihak MAS untuk menambah lagi.

Yang Berhormat dari Nilam Puri pada 11 November dan Yang Berhormat dari Machang pada 14 November telah mencadangkan supaya Kerajaan membina sebuah pelabuhan sama ada di Kelantan ataupun di Terengganu bagi menampung perkembangan ekonomi di kawasan berkenaan. Pada ketika ini, Kerajaan tidak bercadang untuk membina kemudahan-kemudahan pelabuhan yang baru di Pantai Timur, Walau bagaimanapun, kemudahan-kemudahan tambahan akan terus dibuat di bawah Lembaga Pelabuhan yang sedia ada apabila timbul keperluan kelak.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pada ketika ini sudah terdapat dua buah pelabuhan air dalam di kawasan Pantai Timur iaitu Pelabuhan Kuantan dan Pelabuhan Kemaman. Kedua-dua pelabuhan mampu untuk mengendalikan kargo kawasan Pantai Timur bagi tempoh beberapa tahun yang akan datang. Impori dan eksport industri simen dan besi serta perdagangan dengan Yietnam dan Kampuchea bolehlah dikendalikan melalui pelabuhan-pelabuhan yang telah sedia ada.

Berhubung dengan perkara atau masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Shah Alam mengenai bidang perkapalan, khususnya cadangan beliau supaya Kerajaan mengarahkan institusi kewangan terutamanya Bank Industri supaya memberi kemudahan pinjaman 100% kepada mereka yang hendak membeli kapal, terlebih dahulu, suka saya menyatakan bahawa perkara mengenai "ship Cinancing", dengan izin, adalah terletak di bawah bidangkuasa Kemciucريان Kewangan. Walau bagaimanapun, suka saya memberi sedikit pandangan mengenai perkara yang telah dibangkitkan itu.

Perkara berhubung dengan pembiayaan bagi tujuan membeli atau membuat kapal memanglah satu perkara yang rumit memandangkan bahawa harga sesebuah kapal itu amat mahal. Berhubung dengan pinjaman daripada institusi kewangan, memang kebanyakan bank tidak mahu memberi pinjaman sehingga 100%, terutamanya untuk membiayai pembelian sesuatu aset yang begitu mahal. Di samping itu, mengikut rekod kami, ingin saya menyatakan bahawa dalam negara kita ini terdapat lebih daripada 300 buah syarikat perkapalan yang kecil, iaitu yang mempunyai modal berbayar tidak lebih daripada 52 juta. Jadi, bagi syarikat-syarikat kecil ini, memang amat sukar bagi sesebuah bank itu termasuklah Bank Industri bagi meminjamkan wang yang berjumlah berpuluh-puluh juta ringgit kepada syarikat perkapalan yang sedemikian.

Untuk mengatasi masalah ini, saya berpendapat bahawa salah satu cara ialah dengan syarikat-syarikat kecil tersebut bergabung supaya menjadi besar, iaitu satu konsortium misalnya dan kukuh dan seierusnya mendapat keyakinan pihak bank dalam urusan pembiayaan ataupun pinjaman.

Usahasama dengan syarikat-syarikat asing juga boleh dipertimbangkan sekiranya cara ini dapat memberikan bantuan supaya syarikat-syarikat perkapalan dalam usaha mereka untuk menambahkan bilangan kapal.

Tuan Yang di-Pertua, sekian penjelasan terhadap perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh isu-isu di bawah bidangkuasa Kementerian Pengangkutan. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

5.26 ptg.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Seri S. Samy Yellu): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengucapkan setinggi-tinggi lerima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu di bawah bidang tugas Kementerian saya, dan saya yakin bahawa dengan teguran-teguran seumpama itu, Kememerian saya akan berusaha sedaya-upaya untuk meningkatkan taraf prestasi perkhidmatan kita.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Johor Bharu, Petaling Jaya, Kapit dan Sandakan telah membangkitkan kenaikan kadar perkhidmatan bagi elektrik dan telefon. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar perkhidmatan telefon yang ada sekarang adalah kadar yang ditetapkan dalam tahun 1985. Semenjak itu sehingga hari ini, tiada sebarang perubahan kadar dibuat bagi kemudahan telekomunikasi sungguhpun kadar inflasi telah meningkat dan kadar kemutlakan-kemudahan awam lain telah dinaikkan.

Memang tidak dinafikan bahawa Telekom Malaysia telah membuat keuntungan yang besar dalam beberapa tahun yang lepas, tetapi Telekom Malaysia juga perlu mengeluarkan perbelanjaan yang banyak untuk terus membangunkan infrastruktur kemudahan telekomunikasi di negara ini. Kerajaan merasa bangga kerana sehingga hari ini Telekom Malaysia telah dapat meningkatkan efficiency, dengan izin, operasinya dalam semua aspek tanpa menaikkan iarif.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Telekom Malaysia telah mengemukakan untuk membelanjakan lebih dari \$10.7 juta dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam untuk membangunkan kemudahan telekomunikasi di negara inv. Penyediaan kemudahan telekomunikasi memerlukan pelaburan yang banyak atau, dengan izin, capital intensive dan sewajarnya kadar **yanp** dikenakan mengambilkira lahap perbelanjaan dan juga mutu perkhidmatan.

Ingin saya memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa pihak Telekom Malaysia dan Kementerian saya sebenarnya sedang mengkaji semula keseluruhan struktur kadar dan tarif kemudahan telekomunikasi yang sedia ada untuk menseimbangkan dengan keadaan semasa. Dalam hubungan ini, saya memberi jaminan bahawa Kementerian saya akan menimbang semua cadangan yang dibuat supaya ia tidak membebankan mana-mana pihak.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan untuk menempatkan telefon awam sama ada dari jenis biasa yang berkuasa solar ataupun dari jenis ATUR di tempat-tempat seperti di sekolah-sekolah rendah, klinik desa dan di pusat-pusat pertanian ataupun di

upriver agent posts, dengan izin, bagi kegunaan penduduk yang tinggal di kawasan pedalaman adalah memang menjadi hasrat Kementerian dan Kerajaan.

Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, proses pemasangan telefon awam di kawasan luar bandar dibuat berdasarkan cadangan dari peringkat daerah bawahan setiap negeri dan bergantung kepada pihak berkenaan untuk menentukan tempat-tempat di mana kemudahan telefon awam itu akan dipasang.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kapit dan Sandakan juga membangkitkan tentang tarif elektrik di Sabah setelah kajian dibuat dan dibandingkan dengan tarif elektrik di Scmenanjung.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya memberi sedikit penjelasan kepada Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan perkara itu, iaitu sebahagian besar daripada punca dan sumber penjanaan tenaga elektrik di Sabah menggunakan bahan bakar diesel iaitu 50%. Tenaga elektrik yang dijana dengan menggunakan bahan bakar diesel melibatkan kos penjanaan yang tinggi jika dibandingkan dengan kos penjanaan melalui sumber lain seperti hidro 30% dan pembelian tenaga daripada Sabah Gas Industry Sdn. Bhd (SGI) di Labuan iaitu 20%.

Lembaga Letrik Sabah sedang berusaha menurunkan kos penjanaan dengan mencari sumber lain bahan bakar selain dari diesel sebagai sumber utama penjanaan tenaga elektriknya. Lembaga Letrik Sabah berharap akan dapat menjana sebahagian besar tenaga elektriknya menerusi sumber hidro dengan kos yang lebih murah. Hasrat ini hanya akan terlaksana setelah LLS melaksanakan satu projek utama hidro yang dijangka siap dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kapit dan Johor Bahru juga membangkitkan tentang matlamat penswastan Pos, kcbajikan kakitangan Pos dan juga tentang kemudahan-kemudahan Pos terutama bagi masyarakat luar bandar. Salah satu objektif utama penswastan ialah meningkatkan kecekapan dan daya pengeluaran. Melalui penswastan kita percaya Jabatan Perkhidmatan Pos atau Pos Malaysia Berhad akan dapat memberikan perkhidmatan yang lebih berkualiti kepada semua lapisan pengguna bukan sahaja di bandar-bandar tetapi juga di luar bandar.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat); Yang Berhormat Menteri, Kepong bangun.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan pada akhir-akhir ini, saya mengalami kesusahan untuk mendapat surat daripada luar negara, misalnya kadangkala lebih daripada satu atau dua minggu, baru saya dapat, apakah masalah sekarang? Adakah ini kena-mengena dengan usaha untuk menswastakan Perkhidmatan Pos ataupun di dalam transitional period di mana tidak dapat memastikan dan tidak dapat mempertingkatkan effieicncynya?

Dato* Seri S. Samy Yellu: Tuan Yang di-Pertua, kerja-kerja untuk menswastakan Jabatan Perkhidmatan Pos tidak ada apa-apa kaitan dengan penghantaran surat. Penghantaran surat adalah menjadi satu tugas harian kepada pekerja-pekerja yang menerima gaji. Jikalau Ahli Yang Berhormat dari Kepong ada juga aduan seperti itu, bolehlah hantar kepada Jabatan Perkhidmatan Pos.

Hari ini saya telah menubuhkan satu Jawatankuasa untuk mengambil tindakan dan juga Jawatankuasa untuk

memberitahu kepada agensi-agensi, sesiapa pekerja-pekerja walaupun sudah bertukar daripada Kerajaan menjadi ahli dalam syarikat-syarikat yang mendapat gaji tinggi, kenaikan gaji tinggi, bonus, ini, itu dan lain-lain tetapi dia punya arrogance, dengan izin, sebagai dahulu tidak turun daripada kepala mereka, tidak akan diberi bonus, dipecat dari syarikat, dibuang dari kerja—itulah tugas Jawatankuasa yang ditubuhkan hari ini.

Oleh kerana saya sendiri siasat dalam tempoh sebulan ini, beberapa tempat saya dapat tahu walaupun kita mahu juga menggalakkan kebudayaan korporat di dalam kepala mereka tetapi ini tidak naik di kepalanya. (*Ketawa*) Jadi, sekarang kita mengambil.....

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Dato' Seri S. Samy Yellu: Saya belum selesai jawab. Saya percaya dengan tindakan-tindakan yang saya cadangkan kepada Kementerian dan juga ketiga-tiga agensi, saya percaya selepas itu perubahan mesti berlaku. Itu saya percaya.

Tuan Lau Dak Kee: Saya hendak minta penjelasan. Menurut daripada jawapan Menteri dan juga daripada suratkhbar-suratkhbar telah tersiar banyak ruangan terhadap Menteri sendiri melawat tempat-tempat itu dan didapati bahawa mereka yang tidak selaras dengan kehendak-kehendak oleh Menteri maka Menteri pun bercadang akan memecat mereka atau menjatuhkan hukuman disiplin dan sebagainya dan saya tahu Menteri sendiri pergi melawat lempat-tempat itu, betul, tetapi semua orang kenal Dato', apabila Dato' masuk dalam, saya ingat semua orang pun hormat juga, beri layanan yang lebih istimewa dan kalau dalam lawatan daripada Menteri sendiri pun dapat satu gambaran yang begitu buruk, apatah

lagi bagi orang-orang awam dan adakah Menteri melawat tempat-tempat tersebut itu dengan cara yang lain? Sebab nampak bayang Dato* itu pun orang sudah takut. Kalau Dato' boleh menggunakan cara yang lain untuk mendapatkan satu gambaran yang lebih benar supaya daripada situ mungkin Menteri sendiri boleh membuat sesuatu benda yang sesuai dan mungkin boleh menunaikan kehendak-kehendak yang dikehendaki oleh Menteri sendiri.

Dato' Seri S. Samy Yellu: Tuan Yang di-Pertua, saya telah jelaskan kepada Ahli Yang Berhormat tadi. Lawatan saya ke beberapa tempat bukanlah satu tawatan dengan rasmi yang mana saya beriiahu kepada pejabat mereka siap sedia untuk menerima, jamuan teh, semua nampak cantik jugalah. Tctapi ini surprise check, dengan izin, teleton sendiri untuk mendapat tahu apakah suara yang saya dengar. Jadi, inilah perkara-perkara yang saya percaya tidak menyenangkan hati saya oleh kerana itulah seperti apa saya kata tadi, kita mengambil beberapa tindakan untuk memperbaiki keadaan yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan mel pada masa ini dan akan datang seperti apa yang saya katakan tadi, usaha-usaha telahpun dilaksanakan dari sekarang dengan pengambilan kakitangan posmen yang baru, kajian struktur organisasi yang lebih sesuai dan rancangan perniagaan iaitu, dengan izin, business plan yang baru. Pihak pekerja sebagai aset yang penting pada mana-mana organisasi juga telah diberikan perhatian penting.

Di bawah terma dan syarat perkhidmatan bam untuk posmen dan juga kepada pegawai-pegawai, perkara ini telahpun diambil kira. Di dalam perkiraan terma dan syarat perkhidmatan tersebut, Kerajaan telah memberi peluang kepada kakitangan

yang diwakili oleh Kesatuan, persatuan yang ada di dalam Jabatan Perkhidmatan Pos untuk memberikan pandangan masing-masing dan pandangan ini kemudiannya telah diteliti, discmak dan diberikan pertimbangan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru juga telah membangkitkan tentang perkhidmatan telefon ATUR. Adalah dengan hormatnya dimaklumkan bahawa kesesakan saluran untuk panggilan-panggilan memang telah berlaku dan ini bukan sahaja di kawasan Johor Bahru bahkan lebih-lebih lagi di kawasan Lembang Klang di mana biasanya pada siang hari dan waktu kerja seseorang perlu membuat cubaan dialling, dengan izin, di antara enam hingga sepuluh kali atau lebih untuk mendapat satu panggilan. Ada pengguna-pengguna perkhidmatan ini daripada bidang swasta telah membuat aduan lisan pada masa yang lepas mengenai masalah itu.

Di antara sebab-sebabnya timbul masalah terscbui ialah:

- (i) Perkembangan pelanggan Perkhidmatan ART 900 yang mendadak yang di luar jangkaan pihak pembekal perkhidmatan. Oleh itu, infrastruktur kemudahan saluran-saluran telah tidak disediakan secukupnya. Ini campur dengan Atur 450.
- (ii) Masalah penyelarasan di antara Syarikat CELCOM Pembekal Perkhidmatan ART 900 dengan Syarikat Telekom Malaysia yang menyediakan saluran radio menghubungkan Radio Base Station Syarikat CELCOM ke Ibusawat-ibusawat Telekom Malaysia. Kementerian dan JTM pula perlu mengawa! pemasangan alat saluran radio tersebut

supaya tidak dipasang di mana-mana sahaja sewenang-wenangnya untuk menjimatkan penggunaan spectrum frequency, dengan izin, di samping menjimatkan juga pengeluaran wang keluar negara, dengan izin, foreign exchange kerana alat-alai tersebut kesemuanya dibuat di luar negara.

Oleh itu, di mana-mana terdapat Syarikat CELCOM diminta menggunakan saluran radio yang disediakan oleh Syarikat Telekom Malaysia dan tidak memasang salurannya sendiri secara duplicate kepada saluran yang sedia ada oleh Syarikat Telekom Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Sepang telah membangkitkan tentang kemudahan pejabat TNB dan STM di Bandar Baru Salak Tinggi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini STM memang iclah ada sebuah ibusawal di Bandar-bandar Baru Salak Tinggi yang ditadbir melalui Pejabat Pentadbiran di Banting. Mengenai cadangan supaya diwujudkan pejabat urusan di tempai berkenaan, Telekom Malaysia perlu menimbangkannya dari segi keperluan setempat.

Bagi TNB pula, pemindahan dari pejabat sewaan Pegawai Penjaga TNB Sepang ke Saiak Tinggi adalah dalam kajian Tenaga Nasional. Taraf pejabat Pegawai Penjaga Sepang akan dinaikkan ke Pengurus Daerah yang berpangkat Juruteru Elekuik apabila perkembangan daerah dari segi bilangan pengguna mencapai kehendak yang maksima, jualan unii dan sebagainya tercapai ke suatu tahap yang tertentu. Pada masa ini, daerah Sepang hanya mempunyai seramai 3,965 pengguna sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan teguran-teguran mengenai Kementerian saya. Sekiranya terdapat persoalan yang saya tidak sempat menjawab di sini, saya ingin menyatakan bahawa Kementerian saya akan memberikan perhatian yang sewajarnya. Sekian.

Tirabalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kementerian Perusahaan Utama.

5.44 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato* Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu bagi pihak Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama, sukalah saya mengambil kesempatan ini di sini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh dan memberi cadangan terhadap perkara-perkara yang terlectak di bawah bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Perusahaan Utama sepanjang perbahasan atas dasar-dasar am di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, di antara perkara-perkara yang telah dibahaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai Kementerian Perusahaan Utama dalam sidang ini adalah sebahagian besarnya berkaitan dengan masalah perhutanan dan kaitannya dengan isu-isu alam sekitar, pembangunan hutan rekreasi, industri hiliran dan sebagainya, di samping perkara-perkara lain yang berkaitan.

Sehubungan dengan ini, saya ingin mengambit kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada beberapa Ahli Yang Berhormat, khususnya dari Bukit Mas, Batang Lupar dan Kota Setar kerana peka dengan dakyah dan perkembangan

yang dijalankan oleh kumpulan-kumpulan pendesak alam sekitar dalam usaha mereka untuk mengelirukan masyarakat dunia terhadap perhutanan dan kehidupan kaum pribumi di negara ini. Saya berharap Ahli-uhli Yang Berhormat dapat membantu Kerajaan dalam menyedarkan masyarakat antarabangsa mengenai keadaan sebenarnya.

Kerajaan sentiasa memberi perhatian serius terhadap isu alam sekitar, khususnya dalam konteks pembalakan. Walau bagaimanapun, Kerajaan amatlah kecewa kerana ada di antara orang-orang di negara ini sendiri yang telah mengambil bahagian secara langsung di dalam kempen-kempen memburuk-burukkan negara sendiri di luar negeri.

Pengurusan hutan negara ini adalah dilaksanakan secara teratur dengan mengambil kira keperluan ekonomi dan pemeliharaan alam sekitar yang bertujuan untuk memastikan pemulihan dan penghasilan hutan secara berkekalan. Dasar Perhutanan Negara misalnya, telah memperuntukkan supaya pengurusan, pemeliharaan dan pembangunan sumber-sumber hutan dilaksanakan secara teratur dan berkesan. Langkah-langkah sewajarnya telah diambil untuk memastikan pengurusan sumber hutan dan amalan pembalakan yang wajar dibuat, antaranya:

- (i) melalui pengwujudan Hutan Simpan Kekal (HSK) yang terbahagi kepada hutan produktif dan hutan perlindungan di mana kegiatan pembalakan hanya dibenarkan di kawasan hutan produktif;
- (ii) menetapkan catuan tebaran tahunan berdasarkan keluasan Hutan Simpan Kekal yang sedia ada mengikut konsep pengurusan hutan secara berkekalan;

- (iii) kegiatan pebalakan mengikut Sistem Pengurusan Memilih untuk membolehkan penebangan yang lebih 'flexible' selaras dengan keperluan melindungi alam sekitar dan permintaan pasaran; dan
- (iv) pengwujudan Rczab Hutan Dara, pemulihan hutan melalui rawatan siWikultur dan penubuhan ladang hutan.

Tuan Yang di-Pertud, Kerajaan sentiasa memastikan supaya kegiatan pembalakan di negara ini dilakukan secara terkawal dan sistematik. Mengenai kegiatan pembalakan haram, beberapa langkah telah diambil untuk mengatasinya. Di antaranya ialah;

- (i) menggesa Kerajaan-kerajaan Negeri supaya memperketatkan pengurusan dan pengawalan sumber hutan mereka;
- (ii) mencadangkan pindaan ke atas Akta Perhutanan Negara bagi mengenakan hukuman yang lebih berat bagi pesalah-pesalah yang terlibat;
- (iii) memperkemarkan jentera pentadbiran dan pengurusan Jabatan-jabatan Perhutanan Negeri; dan
- (iv) menyediakan latihan dan kursus sewajarnya untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pegawai/kakitangan Jabatan berkenaan.

Tuan Yang di-Perlua, tumpuan Kerajaan dalam usaha membangunkan hutan rekreasi adalah nyata melalui pengwujudan 64 kawasan hutan tersebut dengan 53 daripadanya terletak di Semenanjung Malaysia, sementara 11 lagi terletak di Sabah. Sebanyak 13 lagi kawasan hutan yang memenuhi ciri-ciri untuk dipilih sebagai hutan rekreasi telah

dikenal pasti untuk dimajukan di Semenanjung Malaysia. Sebelum usaha membangunkan hutan rekreasi ini dibuat misalnya dari segi pembinaan infrastruktur seperti jalan-jalan raya/jalan masuk ke kawasan-kawasan tersebut. Langkah-langkah yang teliti lazimnya diambil untuk memastikan supaya kawasan-kawasan tersebut tidak dicemari oleh anasir-anasir yang tidak diinginkan yang boleh menjejaskan kawasan yang menjadi tumpuan pelancongan yang penting ini. Sehubungan dengan usaha tersebut, peraturan-peraluran yang perlu telah dikuatkuasakan dan pengawasan sewajarnya dibuat untuk menentukan supaya pengunjung-pengunjung ke kawasan-kawasan tersebut tidak menyalahgunakan kemudahan-kemudahan yang terdapat di kawasan-kawasan berkenaan.

Mengenai insentif percukaian kepada industri hiliran berasaskan kayu sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sibu, saya memaklumkan bahawa beberapa insentif telahpun diberikan oleh Kerajaan seperti di bawah Akta Galakan Pelaburan, Walau bagaimanapun, apa yang lebih penting dalam usaha kita untuk membangun dan meningkatkan eksport keluaran "kayu proses" adalah liberalisasi, dan penghapusan sekatan-sekatan perdagangan ke atas import keluaran ini di negara-negara pengguna khususnya negara maju. Dalam hubungan ini Kerajaan sentiasa mengambil peluang dari dialog dua hala dan pelbagai hala, untuk mendapatkan negara-negara maju menghapuskan sekatan perdagangan ke atas import keluaran barangan yang mempunyai nilai tokok dari negara-negara membangun.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai peningkatan cukai import ke atas rokok dan cerut dan duti eksais ke atas rokok yang dibangkitkan ianya adalah berpatutan dan selaras dengan hasrat

Kerajaan untuk tidak menggalakkan tabiat merokok di negara ini. Di samping itu tindakan ini tidak akan menjejaskan industri tembakau tempatan.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap telah membangkitkan tentang perlunya Kerajaan menambahkan nilai kepada komoditi melalui pelbagaian produk dan pelbagaian pasaran. Kerajaan sentiasa merangka dasar-dasar dan strategi-strategi yang sesuai untuk menjamin masa hadapan dan kepentingan industri sektor barangan utama negara.

Usaha-usaha pelbagaian pasaran untuk komoditi utama telah dan sedang dheruskan dengan mengukuhkan pasaran yang sedia ada dan menembusi pasaran-pasaran baru bagi barangan utama dalam bentuk mentah, separuh proses dan diproses menerusi pengurangan atau penghapusan halangan-halangan tarif dan bukan tarif. Pelbagaian pasaran telah berjaya mengelakkan eksport barangan utama daripada bergantung ke atas beberapa negara pengeksport tradisional sahaja. Pelbagaian produk pula dilakukan melalui menggalakkan lagi pemrosesan barangan utama di negara ini supaya mendapat nilai tokok yang lebih, pendapatan pekerja dan menambahkan pendapatan tukaran wang asing. Usaha-usaha yang iclah diambil oleh Kerajaan ke arah pelbagaian pasaran dan pelbagaian produk telah berjaya mempelbagaikan pasaran serai hasil pendapatan daripada aktiviti hiliran.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Santubong iaitu mengenai penyelidikan dalam sektor perindustrian logam dan sebagainya, saya jelaskan di sini bahawa pihak Kerajaan dengan kerjasama pihak UNDP telahpun menggubal suatu Dasar Pembangunan

Mineral yang menyeluruh berujuan di antara lainnya, uniuik menarik lebih banyak pelaburan ke sektor mineral negara bagi menggalak pertumbuhan perusahaan berasaskan sumber mineral. Proses penggubalan dasar tersebut turut mengambilkira kepentingan pihak Kerajaan-kerajaan Negeri dan pihak perusahaan. Dasar ini dijangka akan dapat dilaksanakan setelah semua pihak termasuk Kerajaan Negeri menerimanya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perlantikan Pengerusi Lembaga Tembakau Negara seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas, adalah dimaklumkan bahawa perlantikan tersebut telah dibuat mengikut pcrairuan yang telah ditelapkan oleh Aku Lembaga Tembakau Negara (Perbadanan) 1973. Saya juga ingin menjelaskan bahawa tidak ada peruntukan dalam Akta lersebut unluik melantik seseorang wakil yang dipilih oleh Kerajaan Negeri sebagai Ahli Lembaga Tembakau Negara. Yang Berhormat Menteri diberi kuasa untuk melantik tiga orang sebagai ahli Lembaga Tembakau Negara di samping wakil-wakil dari agensi-agensi Kerajaan tertentu dan industri tembakau tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada soal penipuan di pasaran hadapan, dengan izin, fulures market yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Langat. Untuk makluman Yang Berhormat, urusan pasaran hadapan komoditi adalah dikendalikan di bawah Akta Dagangan Komoditi 1985 dan setakat ini dagangan hadapan komoditi adalah lerkawal dan Kementerian ini menerusi Suruhanjaya Dagangan Komoditi akan terus mengawas perjalanan dagangan hadapan komoditi di negara ini. Di antara usaha-usaha yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi dan

rnencegah berlakunya penipuan dulam dagangan hadapan komoditi ialah:

- (i) penubuhan satu Unii Penyiasatan di Suruhanjaya Dagangan Komoditi untuk menyiasat kesalahan-kesalahan di bawah Akta Dagangan Komoditi 1985 dan seterusnya mendakwa mereka yang terlibat dalam mahkamah;
- (ii) mengadakan satu kerjasama dalam bentuk pertukaran maklumat dengan pihak berkuasa di Hong Kong berhubung dengan kegiatan syarikal-syarikat yang menjalakan urusan dagangan serahan hadapan dalam negara masing-masing; dan
- (iii) mengeluarkan penerbitan-penerbitan bertujuan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat yang melabur dalam pasaran hadapan supaya mereka mengelakkan diri daripada tertipu oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Sampai di sini sahaja yang dapat saya jelaskan mengenai isu-isu yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai perkara-perkara yang di bawah bidang tugas Kementerian Perusahaan Utama. Walau bagaimanapun, segala cadangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai perkara-perkara lain di bawah bidang tugas Kementerian ini akan diambil perhatian.

Sekian, lerima kasih.

Timbalan Yang **di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat)**: Kementerian Kerja Raya.

5.56 ptg.

Timbalan Menteri Kerja Raya (**Tuan Kerk Choo Ting**): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan mengenai Anggaran Belanjawan Pembangunan 1992 yang menyentuh bidang lugas Kementerian Kerja Raya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sabah dan Sarawak telah sekali lagi membangkitkan mengenai keperluannya membaiki dan menaikkan taraf sistem infastruktur di kedua-dua negeri tersebut supaya seimbang dengan kemajuan infastruktur di negeri-negeri di Semenanjung. Kemeaterian saya telah mengambil perhatian mengenai perkara-perkara yang telah dibangkitkan dan segala cadangan serta teguran Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan akan diberi pertimbangan sewajarnya oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya menegaskan di sini bahawa Kerajaan memang berhasrat untuk meningkatkan kemudahan infastruktur seperti menaikkan taraf jalan, menghaspalkan jalan, memperbaiki jalan yang rosak, memperbaiki selekoh-selekoh merbahaya, pelebaran jalan-jalan yang sempit, membina jalan masuk ke kawasan-kawasan industri dan penyelenggaraan jalan-jalan di kedua-dua negeri berkenaan.

Walau bagaimanapun, seperti pernah dinyatakan di dalam Dewan yang mulai ini adalah mustahil untuk Kerajaan untuk melaksanakan semua projek-projek mengenai infastruktur ini dengan sekali gus. Beberapa perkara perlu diambilkira seperti keperluan.....

Beberapa Ahli: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nanti sekejap. Ada yang bangun, hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya sudah tidak ada masa, boleh bangkitkan di dalam peringkat Jawatankuasa.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat); Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Kerk Choo Ting: Saya sambung semula. Mengenai infastruktur ini dengan sekali gus. Beberapa perkara perlu diambilkira seperti keperluan peruntukan, keadaan geograH dan keutamaan projek-projek itu seridiri.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Belanjawan tahun 1992, Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak \$245.2 juta bagi negeri Sarawak dan \$121 juta bagi negeri Sabah bagi membina dan menaikkan taraf sebahagian jalan-jalan raya di kedua-dua negeri tersebut. Peruntukan-peruntukan tersebut adalah jumlah peruntukan yang dipertanggungjawabkan di bawah Kementerian Kerja Raya sahaja, kerana tidak semua projek-projek pembangunan infastruktur jalan raya menjadi tanggungjawab Kementerian Kerja Raya. Jikalau diambilkira peruntukan daripada Kementerian-kementerian lain seperti Kementerian Pembangunan Luar Bandar, jumlah peruntukan bagi negeri-negeri Sarawak dan Sabah untuk membina jalan raya adalah lebih Unggi daripada peruntukan yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan infastruktur di Semenanjung turut mendapat perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat. Seperti yang telah saya nyatakan tadi, Kerajaan memang berhasrat untuk membaiki sistem

jalan raya di seluruh negara, Dalam Rancangan Pembangunan Infrastruktur Jalan Raya ini, Kerajaan perlu mengambil kira kepentingannya kepada pengguna dan juga kepada Kerajaan. Di samping itu peruntukan kewangan yang diprlukan juga perlu diambilkira.

Tuan Yang di-Periua, memandangkan peruntukan untuk membiayai pembangunan infrastruktur ini amat besar dan punca kewangan negara juga terhad, Kerajaan prlu mencari punca sumber lain untuk membiayai sebahagian projek-projek infrastruktur jalan raya ini. Salah saiu cara yang sedang dilaksanakan sekarang ialah dengan menswastakan projek-projek lebuhraya atau jalan raya utama yang didapati berdaya hidup (feasible). Adalah diharapkan dengan penyertaan syarikat-syarikat swasta dalam projek pmbinaan lebuhraya atau jalan raya ini, Kerajaan dapat mengagih-agihkan peruntukan kewangan kepada kawasan-kawasan yang kurang maju dan ketinggalan.

Seperti Ahli-ahli maklum, antara projek penswastaan lebuhraya yang penting adalah projek Lebuhraya Utara/Selatan, Mengenai perlaksanaan projek Lebuhraya Uiara/Selaian ini ianya memang mempunyai kriteria-kriteria dalam menentukan keutamaan pembinaan pakej-pakejnya seperti sturktur geography serta kepentingan kepada pengguna dan Kerajaan, Oleh itu Lebuhraya Kuala Lumpur/Seremban, Lebuhraya Bukit Kayu Hitam/Gerun, pakej Ipoh/Changkat Jering diberi kcutamaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pembinaan Lcbuiiraya Utara/Selatan dijangka akan disiapkan pada awal tahun 1994.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai kerosakan di beberapa....

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Ipoh bangun.

Tuan Lau Dak Kee: Minta penjelasan berkenaan dengan lebuh-raya.

Tuan Kerk Choo Ting: Nampaknya, tidak payahlah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Dia tidak beri, Yang Berhormat.

Tuan Kerk Choo Ting: Boleh dibangkitkan pada....

Tuan Lau Dak Kee: Baca sahajalah. Okay, tidak apalah, tetapi saya cuba....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, jangan buat ulasan, sila duduk! Teruskan, Yang Berhormat Timbalan Mncnteri.

Tuan Kerk Choo Ting: Menyentuh mengenai kerosakan di beberapa lebuluaya danjalan raya yang berpunca daripada alam semula jadi seperti tanah runtuh dan hakisan, sukalah saya tegaskan di sini ianya bukanlah disebabkan silap perancangan. Sebenarnya perancangan yang rapi tclah dibuat sebelum lebuhraya atau jalan raya berkenaan dibina dengan mengambilkira dari segi struktur geography serta kepentingan kepada pengguna dan Kerajaan. Kebanyakan masalah yang timbul selepas lebuhraya atau jalan raya itu siap dibina adalah merupakan sesuatu yang biasa (routine) yang tidak dapat dielakkan dan Kerajaan akan sentiasa mengambil perhatian berat untuk mcngatasinya.

Tuan Yang di-Pertua, keperluan jalan rentas atau jalan alternative bagi meinendekkan masa perjalanan bagi

mengatasi kesesakan lalulintas turut dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan memang peka mengenai keperluan yang disebutkan. Walau bagaimanapun, keutamaan pembinaan jalan rentas atau alternative ini adalah bergantung kepada pertambahan aliran trafik (traffic flow).

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Yang Berhormat....

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Ipoh bangun lagi.

Tuan Lau Dak Kee:.....mencukai jalan raya, bolch?

Tuan Kerk Choo Ting: Saya rasa ada banyak peluang lagi di peringkat Jawatankuasa.

Tuan Lau Dak Kee: Perkataan "peka" dalam lebuhraya. Saya hendak minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Lau Dak Kee: Beri atau tidak?

Tuan Kerk Choo Ting: Tidak.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Dia tidak beri.

Tuan Lau Dak Kee: Mengenai "Peka". Peka, baca.

Tuan Kerk Choo Ting: Mengenai cadangan supaya dibina rangkaian lebuhraya pantai (coastal highway) menghubungkan Lapangan Terbang Baru

Sepang dengan bandar-bandar kawasan pesisiran pantai, sebenarnya ianya sedang dalam kajian Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Sungai Besi telah membangkitkan mengenai peningkatan kos projek membina jejambat jalan di Kuala Lumpur dan kesesakan lalulintas di Jalan Cheras.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah mengambil kira kepentingan pengguna-pengguna serta kesesakan lalulintas di kawasan-kawasan berkenaan semasa membuat kajian-kajian mengenai perkara ini. Oleh yang demikian, skop kerja asal projek ini telah ditambah dan diperluaskan. Oleh itu kos projek pembinaan jejambat jalan di Kuala Lumpur telah meningkat daripada \$269 juta kepada \$823 juta. Memandangkan kos projek yang telah meningkat dan kadar-kadar Tol dikurangkan pula, maka Kerajaan bersetuju untuk menimbangakan pemberian subsidi kepada syarikat konsesi untuk menjadikan projek ini lebih berdaya hidup. Bagaimanapun, jumlah sebenar dan bentuk subsidi yang akan diberikan masih lagi di dalam rundingan dengan syarikat-syarikat berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, jangkaan kadar pertambahan kenderaan yang melalui Tol Plaza, Jalan Cheras dalam tempoh 12 bulan akan datang dianggarkan sebanyak 4% sampai 5% setahun. Ramalan ini telah dibuat melalui Teknik Kerajaan Kejuruteraan Trafik yang telah mengambil kira had kapasiti Jalan Cheras seperti pembinaan jalan-jalan baru. Misalnya di East/West Link yang menghubungkan Jalan Cheras, Lebuhraya Kuala Lumpur/Seremban dalam sistem rangkaian jalan di kawasan Cheras.

Tuan Yang di-Pertua, kesesakan lalulintas di Jalan Cheras biasanya sampai ke paras puncak di antara jam

7.00 hingga 9.00 pagi sahaja. Dalam masa ini sejumlah 15,000 kenderaan melalui jalan tersebut untuk menuju ke pusat bandaraya. Daripada jumlah ini sebanyak 9,000 kenderaan adalah kereta persendirian dan kebanyakan daripadanya dipandu seorang diri sahaja. Untuk mengurangkan kesesakan lalulintas, orang ramai terutamanya penduduk-penduduk yang tinggal di taman-taman perumahan adalah digalakkan berkongsi kereta sementara pihak Kerajaan terus berusaha untuk meningkatkan sistem pengangkutan awam di Bandaraya Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara-perkara lain serta leguran.....

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Timbalan Menteri, Ipoh bangun lagi.

Tuan Kerk Choo Ting: Saya...

Tuan Lau Dak Kee: Kesesakan lalulintas, boleh?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Hendak beri jalankah atau tidak?

Tuan Kerk Choo Ting: Tidak.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tidak. Dia tidak beri.

Tuan Lau Dak Kee: Tidak mahu beri?

Timbalan Yang di-Perlua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormal, sila duduk ya. Biar dia teruskan.

Tuan Lau Dak Kee: Sesaklah, jalan sudah sesak.

Tuan Yim Chee Chong: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Bcrhormat Seremban bangun atas apa?

Tuan Yim Chee Chong: Saya hendak beri nasihat kepada.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, tidak. Sila duduk! Kalau hendak minta penjelasan, capak sahaja.

Tuan Yim Chee Chong: Jangan ganggu dengan sewenang-wenang sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila duduk!

Tuan Kerk Choo Ting: Bolehkah saya teruskan?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Teruskan, sila.

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara-perkara lain seperi teguran-teguran yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak sempat saya jelaskan, Kementerian saya akan mengambil perhatian serta tindakan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Periua, sekali lagi saya mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli yang telahpun membangkitkan perkara-perkara yang menyentuh bidang tugas Kementerian saya dan kepada Ahli Yang Berhormat dari Ipoh, kalau ada perkara-perkara yang hendak dibangkitkan, boleh dibangkitkan pada peringkat Jawatankuasa. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

6.10 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Chua Jui Meng): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada semua Abli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran, cadangan dan pandangan yang membina semasa membahaskan Belanjawan 1992 mengenai perkara-perkara yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. I/inkan saya memberi jawapan ke atas beberapa perkara tertentu yang telah dibangkitkan.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, telah membangkitkan mengenai kajian semula Pelan Induk Perindustrian. Mengenai perkara ini sukacita saya memaklumkan bahawa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri sedang menjalankan kajian semula ini bersama-sama dengan agensi-agensi Kerajaan lain yang berkaitan. Kajian semula ini akan membuat penilaian berkaitan dengan pencapaian sektor-sektor industri yang diknalpa.su dan yang lebih penting ianya akan membuat perakuan-perakuan tentang arah-hala perkembangan sub-sektor-sub-sektor penting yang dapat merangsang pembangunan perindustrian di Malaysia.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sedar betapa penlingnya sains dan teknologi kepada proses pembangunan negara. Ini dapat dibuktikan dengan program-program dan strategi-strategi yang telah dihuraikan dalam Rancangan Malaysia Keenam yang akan diambil oleh Kerajaan untuk membangunkan sains dan teknologi dalam negara. Kerajaan juga bersedia menimba pengeiahuan daripada pengalaman di negara-negara lain seperti Korea Selatan dan Jepun yang telah menunjukkan kejayaan dalam proses perindustrian mereka dan

disesuaikan dengan keadaan setempat. Sains dan teknologi memang menjadi teras pembangunan perindustrian negara sekarang dan dengan itu pelbagai insentif telah disediakan.

Berhubung dengan pakar-pakar tempatan yang telah berhijrah ke negara-negara lain, Kerajaan tidak boleh menyekat penghijrahan mereka. Jika syarikat-syarikat tempatan memerlukan perkhidmatan mereka, terpulanglah kepada syarikat-syarikat ini untuk menawarkan faedah-faedah yang sesuai. Kerajaan sebaliknya akan memastikan suasana yang sesuai wujud bagi pembangunan sains dan teknologi di negara ini supaya dapat menarik balik ke negara ini pakar-pakar tempatan yang telah berhijrah ke luar negeri. Ini termasuklah memberi kebenaran kepada universiti-universiti dan institusi-institusi penyelidikan tempatan untuk memperdagangkan idea-idea dan rekaan-rekaan baru bersama-sama pihak swasta, memperkenalkan skim perkhidmatan yang lebih menarik bagi pegawai-pegawai profesional dan memudahkan pertukaran ahli-ahli sains dan penyelidik-penyelidik di kalangan agensi-agensi sektor awam serta di antara sektor awam dan swasta.

Tuan Yang di-Perlu, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas telah menyuarakan mengenai pembahagian lugas di antara Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Kcinenierian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna terutama cadangan supaya urusan pengeluaran Lesen Import-Eksport (Approved Permits) dikendalikan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Saya ingin memaklumkan bahawa urusan mengenakan perlesenan import-eksport barangan tertentu merupakan langkah bukan tarif yang mempunyai kaitan rapat dengan dasar untuk melindungi dan memajukan industri

tempatan supaya dapat diberi tempoh sesuai bagi industri-industri itu mencapai tahap persaingan yang kukuh di pasaran antarabangsa. Di samping itu juga ianya mempunyai implikasi terhadap dasar perdagangan luar kita dan berhubung-kait dengan usaha-usaha dalam rundingan pelbagai hala serta di peringkat kerjasama Asia. Dengan itu amatlah bersesuaian ianya dilaksanakan di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri bagi meneniukan penyelarasan yang berkesan dan seimbang di antara dasar pembangunan perindustrian dan dasar perdagangan luar.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Arau dan Alor Setar telah membangkikan isu sama ada dengan penarikan taraf perintis 100% akan menjejaskan usaha-usaha untuk menarik pelaburan asing.

Mengenai perkara ini, Kerajaan berpendapat bahawa peralihan baru mengenai galakan perintis tidak akan menjejaskan matlamat Kerajaan untuk menarik industri-industri yang berteknologi tinggi dan industri-industri yang mampu bersaing di pasaran antarabangsa.

Dalam penyemakan semula skim galakan cukai, Kerajaan memang telah memberi perhatian kepada perkara-perkara ini. Dalam pemberian galakan cukai penekanan akan diberi kepada beberapa faktor termasuk tahap teknologi, industri yang mempunyai nilai ditambah dan kandungan tempatan yang tinggi dan industri yang berintensif modal.

Pada keseluruhannya, Kerajaan berpendapat yang paling penting untuk menarik pelabur-pelabur asing ialah keadaan politik yang stabil dan infrastruktur yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Padang Terap dan Saniabong telah mencadangkan supaya Kerajaan menggalakkan industri

pemerrosan dan pengeluaran barang makanan dari sumber tempatan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya menggalakkan pertumbuhan industri yang menggunakan bahan-bahan mentah tempatan sebagai usaha untuk menentukan, dengan izin, value added input di dalam proses pengeluarannya termasuk bahan-bahan mentah pertanian dalam industri makanan.

Bagi mencapai hasrat ini, Kerajaan pada masa ini telah menyediakan pelbagai insentif bagi menggalakkan pemerrosan bahan-bahan mentah tempatan. Insentif-insentif ini termasuk insentif taraf perintis dan elau cukai pelaburan. Dalam pemberian kedua-dua galakan ini penekanan diberi kepada nilai kandungan tempatan.

Berhubung dengan isu koridor perindustrian, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelan Induk Perindustrian telah memperakukan supaya pembangunan industri dilumpukan di kawasan-kawasan di mana infrastruktur sedia wujud supaya industri-industri boleh mendapat faedah maksima daripada kemudahan-kemudahan yang sedia wujud ini serta mengurangkan kos pengeluaran. Dari itu "western corridor", "mini corridor" dan "enclaves" telah diperkenalkan. Di bawah Pelan Pembangunan Kawasan Perindustrian yang telah disediakan oleh Kerajaan, pembangunan kawasan perindustrian di masa depan akan ditumpukan kepada koridor pembangunan seperti berikut:

- (i) Koridor Pinang Permatang - Dari Bukit Kemuning hingga ke Johor Bahru.
- (ii) Koridor Pulo Pinang - Kuala Bhiru, Kuala Terengganu, Kumintang, Melintang hingga ke Johor Bahru.
- (iii) Koridor Timur-Baru - Dari Perubatan Kelantan ke Kuala Terengganu.
- (iv) Koridor Tengah Uluru - Kota Bharu, Gua Musang, Kuala Lipis, Teterloh, Menekop, Kuala Pilih, Seremban, Bagan Serai, Gemas, Segamat, Kuala Gering dan Johor Bahru.

(v) Kondor S»b»h/S«raw»k- Ditunggalkan di puat-pu»l pertumbuhan seperti Kuching, Biiulu dan Kou Km»bitu.

Koridor-koridor ini adalah diasaskan kepada rancangan pembangunan perindustrian dan infrastruktur di kawasan-kawasan berkenaan. Pengwujudan koridor-koridor perindustrian ini adalah bermujan untuk menyebarkan pembangunan industri dari kawasan-kawasan pusat pertumbuhan utama seperti Lembah Kelang ke pusat-pusat pertumbuhan di luar pusat pertumbuhan utama seperti Kulim dan Padang Terap supaya kawasan-kawasan ini dapat laedah dari pertumbuhan industri.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan pegangan ekuiti untuk bumiputera yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kangar, sukacila saya memaklumkan bahawa individu dan syarikat bumiputera memang diberi pertimbangan khas bagi mengambil saham-saham syarikat yang akan disenaraikan. Bagi tiap-tiap syarikat yang akan disenaraikan 30% daripada saham-saham tersebut dikhaskan kepada bumiputera dan pembahagian dibuat melalui undian awam.

Berhubung dengan pembahagian saham-saham yang dikhaskan kepada bumiputera yang diagihkan oleh Kerajaan, sukacita dimaklumkan bahawa keutamaan diberi kepada institusi-institusi amanah. Ini adalah kerana Kerajaan berpendapat institusi-institusi ini adalah pelabur-pelabur jangka panjang dan faedah yang diperolehi hasil daripada pelaburan yang dibuat akan dinikmati secara lebih meluas dan menyeluruh di kalangan bumiputera sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya merakamkan ucapan terima kasih di atas pandangan-pandangan membina yang diberikan oleh Yang Berhormat dari Sungai Bcnut bersabil dengan misi

perdagangan. Usaha-usaha galakan perdagangan melalui penghantaran misi-misi perdagangan ke luar negeri adalah merupakan aktiviti-aktiviti galakan perdagangan yang dijalankan secara berterusan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri pada setiap tahun.

Pada tahun ini sebanyak 9 tniisi perdagangan keluar negeri telah dihantar. Negara-negara yang dilawati meliputi negara-negara Amerika Selatan, Asia Barat, Republik Rakyat China, Amerika Syarikat, Canada, Pinland, Italy, Perancis, Jerman, Sudan, Botswana, Mozambique dan Zimbabwe.

Dalam tahun 1992, misi-misi galakan perdagangan dijangka akan dihantar ke negara-negara Eropah Timur, Amerika Selatan, Yietnam, Asia Barat dan Amerika Syarikat. Usaha-usaha galakan perdagangan melalui penghantaran misi-misi perdagangan ini adalah berasingan dari penyertaan di dalam pamcran-pamcran perdagangan antarabangsa yang dianjurkan setiap tahun. Usaha-usaha sedemikian akan diteruskan oleh Kementerian saya di masa-masa hadapan kerana kaedah tersebut didapati amat berkesan untuk menggalakkan eksport Malaysia sama ada di pasaran tradisional ataupun pasaran baru.

Mengenai cadangan supaya Malaysia mengambil peluang untuk mempertingkatkan perdagangan dengan negara-negara Eropah Timur, ingin saya memaklumkan di sini bahawa negara-negara Eropah Timur sedang di dalam proses memulihkan ekonomi mereka dan kini menghadapi berbagai masalah termasuk masalah kekurangan pertukaran matawang asing, kekurangan pengetahuan teknikal, kadar inilasi yang tinggi dan pengangguran. Kementerian saya kini sedang mengawasi perkembangan

politik dan ekonomi yang sedang dialami oleh negara-negara tersebut dan usaha-usaha untuk meningkatkan perdagangan dua hala dengan lebih giat akan diteruskan bila keadaan mengizinkan.

Berhubung dengan perdagangan Malaysia dengan Yietnam, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perdagangan dua hala Malaysia-Yietnam telah meningkat dari 86 juta ringgit dalam tahun 1988 kepada 140 juta ringgit dalam tahun lalu. Adalah menjadi harapan Kerajaan perkembangan ini akan berterusan.

Dalam usaha meningkatkan eksport ke Yietnam, Kerajaan telah menubuhkan Pejabat Perdagangan Malaysia di Bandar Ho Chin Minh di Yietnam pada pertengahan Jun 1991. Di samping itu Kerajaan juga telah membenarkan syarikat-syarikat penerbangan MAS dan Air Yietnam membuat perkhidmatan penerbangan di antara kedua buah negara.

Bagi melicinkan lagi hubungan perdagangan dua hala Malaysia dengan Yietnam, Kerajaan telah menghapuskan sekaian perjalanan antara kedua buah negara. Dalam hubungan ini, beberapa persatuan perniagaan, Dewan-dewan perniagaan dan perindustrian, syarikat-syarikat individu dan bank-bank telah membuat lawatan ke Yietnam untuk mengenalpasti peluang-peluang perniagaan dan pelaburan yang wujud di negara tersebut.

Sememangnya menjadi hasrat dan objektif Kerajaan untuk mempertingkatkan lagi hubungan perdagangan Malaysia dengan negara-negara di Amerika Selatan. Usaha-usaha gigih ialah, sedang dan akan terus dijalankan. Untuk mencapai hasrat ini, Kerajaan telah menubuhkan Pejabat Perdagangan di Caracas, Venezuela pada pertengahan Pebruari tahun ini, selain dari Pejabat Perdagangan di Sao

Paulo, Brazil. Sao Paulo, Brazil. Kerajaan juga telah mengahaniar satu misi perdagangan ke Chile, Brazil dan Argentina pada Jun, 1991 dan ke Mexico pada September tahun ini. Di samping itu Kementerian saya telah juga menganjurkan penyertaan Malaysia di Pameran Perdagangan di Yalencia, Venezueia pada April tahun ini dan Pameran Perdagangan Santiago, Chile pada Oktober tahun ini. Untuk tahun depan, Kementerian saya bercadang untuk menghantar satu rombongan perdagangan ke Amerika Selaian iaitu ke Brazil, Chile, Argentina dan Venezuela dan menyertai Pameran Perdagangan di Saniiago, Chile.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Benut juga telah mencadangkan supaya kemudahan yang lebih baik disediakan untuk pelabur-pelabur tempatan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sambil menarik pelaburan asing Kerajaan juga memberi perhatian berat kepada pelabur-pelabur tempatan. Galakan-galakan cukai seperti pengurangan Pendapatan Berkanun untuk eksport atas kadar 50% dan elaun eksport diberi hanya kepada syarikat-syarikat yang dimiliki 70% oleh rakyat Malaysia. Ini adalah untuk menggalakkan pengusaha-pengusaha tempatan mengeksporti barang-barang perkilangan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bagan telah membangkitkan mengenai peranan Industri Kecil dan Sederhana dalam pembangunan negara. Untuk makluman Yang Berhormat, sektor Industri Kecil dan Sederhana akan terus memberi sumbangan penting di dalam pembangunan negara khususnya di bawah OPP2. Menyedari hakikat ini dan bagi menggalakkan lagi pelaburan dalam IKS, Kerajaan telah menyediakan beberapa jenis galakan seperti yang terkandung dalam Akta Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 1986 dan Akta Cukai Pendapatan 1987.

Kerajaan juga sentiasa peka dan menyedari masalah-masalah yang dihadapi oleh IKS terutamanya dari segi menyediakan bangunan dan tapak kilang kerana ianya melibatkan kos yang tinggi dan kebanyakan IKS tidak mampu untuk membiayainya. Bagi mengatasi masalah ini pihak Kerajaan melalui pelbagai Kementerian dan agensi seperti KEDA BPMB, Majlis Perbandaran Kuantan, MARA, PKEN, MIEL, PERDA dan termasuk Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah menyediakan beberapa kawasan perindustrian khas untuk IKS di seluruh negara. Setakat ini sebanyak 50 kawasan perindustrian khas untuk IKS sedang dan telah dibangunkan, melibatkan kawasan seluas lebih kurang 1,700 hektar di Kedah, Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor, Wilayah Persekutuan, Sarawak, Pulau Pinang, Perak, Negeri Sembilan, Perlis, Melaka dan Selangor. Di samping itu, beberapa kawasan baru juga telah dicadangkan untuk tujuan yang sama seluas 1,450 hektar meliputi negeri Johor, Negeri Sembilan, Perak, Kelantan, Perlis, Sabah dan Pulau Pinang.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Saniubong untuk membangunkan usahawan-usahawan bumiputera Sarawak melalui pengambilan mereka menjadi anak angkat kepada Skim Payung, sukacita dimaklumkan bahawa perkara ini telahpun dilaksanakan di Sarawak. Syarikat Gagasan Sdn. Bhd. telah dilantik sebagai pelayan bagi membekal perabot sekolah (kerusi dan meja inurid) dan perabot pejabat kepada semua Jabatan-jabatan Persekutuan dan Badan-badan Berkanun bagi seluruh negeri Sarawak.

Ahli Yang Berhormat dari Tebrau telah menyentuh tentang penempatan kawasan-kawasan perindustrian dan perumahan yang teratur. Untuk makluman Yang Berhormat, isu perancangan zon perindustrian dan

perumahan adalah di bawah bidanguasa Kerajaan Negeri dan saya yakin Kerajaan Negeri berkenaan sentiasa mengamalkan perancangan pembangunan yang teratur. Berhubung dengan pengeluaran Lesen Pengilangan, untuk makluman Yang Berhormat, di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975, prosedur-prosedur bagi memohon dan mendapat lesen ini telahpun dipermudahkan di mana semua permohonan jika lengkap dapat diproses dalam tempoh 6 minggu sahaja.

AMi Yang Berhormat dari Machang telah membangkitkan soal kualiti barang-barang yang dieksport ke EC dan keperluan mencapai standard-standard ISO 9000. Mengenai perkara ini, sukacita dimaklumkan bahawa pihak SIRIM sedang mengambil langkah-langkah untuk membantu industri tempatan mencapai standard ini supaya eksport barangan Malaysia dapat bersaing di pasaran EC menjelang tahun 1992. Syarikat-syarikat adalah digalakkan untuk meminta bantuan SIRIM bagi mendapatkan piawaian yang sejajar dengan ISO 9000. Ini akan memudahkan kemasukan barang-barang ke negara-negara yang berkailan.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sehalus penjelasan yang dapat saya berikan kepada beberapa isu tertentu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh bidanguasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih di atas teguran dan pandangan yang tidak sempat dijawab buat kali ini dan Kementerian saya akan mengambil perhatian yang sewajarnya.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kementerian Pendidikan.

6.26ptg.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu yang mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang iclah mengambil bahagian dalam perbahasan am Belanjawan 1992 dan mengemukakan isu dan cadangan-cadangan yang menyentuh Kementerian Pendidikan. Seterusnya saya ingin memberi penjelasan kepada pandangan-pandangan dan kritikan-kritikan yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Periua, mengenai masalah yang dihadapi oleh guru-guru UTS di Sabah, seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dan Tanjung Aru, Kemenerian Pendidikan sentiasa mengambil berat dan mempertimbangkan masalah-masalah yang dihadapi oleh bekas guru-guru tersebut. Beberapa mesyuarat telah diadakan dengan pihak-pihak tertentu seperti Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan dan JPA, khususnya bagi menyelesaikan masalah-masalah tersebut. Contohnya, guru-guru bekas UTS tertatih yang sedang berkhidmat dalam percubaan tidak mempunyai kelulusan atau kepujian Bahasa Malaysia di peringkat SPM diberi peluang untuk mengtkuti kursus khas Bahasa Malaysia. Seielah mencapai umur 50 lahun dan setelah lulus kursus khas tersebut, mereka layak dipertimbangkan untuk disahkan dalam jawatan.sementara yang masih belum mencapai umur 50 lahun, diperakukan lanjutan tempoh percubaan mereka kepada pihak SPP untuk dipertimbangkan. Di samping itu, guru-guru

bekas UTS tidak terlatih yang diserap sebagai guru sementara mulai Ihb Januari, 1980 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 12/79, perkhidmatan mereka akan diteruskan kerana Sabah masih kekurangan guru yang berpengalaman dan terlatih. Sebenarnya Kementerian Pendidikan sedang mengambil tindakan ke arah menyelesaikan masalah guru-guru UTS di Sabah ini.

Yang Berhormat dari Pasir Mas telah mencadangkan supaya Pegawai-pegawai Pendidikan Kumpulan "A" diizinkan bergiat dalam politik sama seperti guru dan guru besar di sekolah rendah. Unluk makluman Ahli Yang Berhormat, larangan mengambil bahagian dalam kegiatan politik adalah meliputi semua Pegawai Awam Kumpulan "A", seperti yang diperuntukkan dalam Perintah Am 19(2), Perintah-perintah Am Pegawai Awam (Kelakuan dan Taiatertib) (Bab "D") 1980.

Yang Berhormat dari Kota Belud dan Yang Berhormat dari Sibu berharap supaya keutamaan diberi kepada pembinaan sekolah menengah dan sekolah rendah di Sabah dan Sarawak. Sebenarnya adalah menjadi dasar Kementerian memberi keutamaan pendidikan kepada semua negeri di Malaysia. Dalam usaha mencapai hasrat ini Kementerian Pendidikan telah memberi keutamaan khas kepada pendidikan sekolah rendah dan sekolah menengah di dalam Rancangan Malaysia Keenam. Bagi negeri Sabah, peruntukan yang telah disediakan dalam Rancangan Malaysia Keenam mengikut program rendah dan menengah ialah berjumlah 5308,062,000.

Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa telah menyatakan agar Menteri Pendidikan sekarang meluluskan

semula bantuan yang telah diluluskan oleh Menteri Pendidikan yang lalu tetapi telah ditarik balik. Saya ingin memaklumkan di sini, walaupun Ahli Yang Berhormat tidak ada di sini, bahawa Kemementerian Pendidikan tidak pernah menarik balik apa-apa projek atau peruntukan yang telah diluluskan. Malahan Kementerian Pendidikan sentiasa memastikan projek atau peruntukan yang telah dipersetujui itu dilaksanakan dengan sempurna.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Johor Bharu....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, masa sudah cukup. Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta sambung esok.

Dr Leo Michael Toyad: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Majlis Mesyuarat ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.